

**PEMBINAAN DAN PENILAIAN MODUL SINTAKSIS ASAS
BAHASA ARAB BERLANDASKAN
PENDEKATAN KONTRASTIF
BAHASA MELAYU - BAHASA ARAB**

SITI AISHAH BINTI ASHAARI

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**PEMBINAAN DAN PENILAIAN MODUL SINTAKSIS ASAS
BAHASA ARAB BERLANDASKAN
PENDEKATAN KONTRASTIF
BAHASA MELAYU – BAHASA ARAB**

SITI AISHAH BINTI ASHAARI

**TESIS DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Siti Aishah Binti Ashaari

No Pendaftaran/Matrik : THA 070013

Nama Ijazah : Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Tesis : PEMBINAAN DAN PENILAIAN MODUL SINTAKSIS ASAS
BAHASA ARAB BERLANDASKAN PENDEKATAN
KONTRASTIF BAHASA MELAYU - BAHASA ARAB

Bidang Penyelidikan : Analisis Kontrastif

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulis telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa hasil penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula dan atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh : 20 Disember 2016

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh : 20 Disember 2016

Nama : PROF.MADYA DR HAJI MOHAMMAD SEMAN

Jawatan : PENSYARAH/PENYELIA

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri persamaan dan perbezaan sintaksis asas bahasa Arab dan bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan kontrastif, mengenal pasti aras kesukaran murid terhadap elemen-elemen tatabahasa Arab yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Arab Tahun 4 KSSR dan membina Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) dan menilai keberkesanan modul tersebut. Model Rekabentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005) telah dijadikan asas dalam pembinaan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) berlandaskan pendekatan kontrastif. Kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu, kajian kualitatif berdasarkan pendekatan kontrastif, reka bentuk kajian deskriptif dan reka bentuk kajian kuasi-eksperimen. Sampel kajian terdiri daripada 154 orang murid tahun 4 dari empat buah sekolah kebangsaan di negeri Pulau Pinang. Seramai 79 murid dari kumpulan rawatan dan 75 murid dari kumpulan kawalan. Instrumen ujian kecekapan tatabahasa bahasa Arab telah digunakan pengkaji bagi mengenal pasti aras kesukaran murid terhadap elemen tatabahasa Arab yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Arab Tahun 4 KSSR. Sementara instrumen ujian pra dan ujian pasca telah digunakan bagi menilai keberkesanan modul yang dibangunkan pengkaji dengan membandingkan pencapaian murid dalam pembinaan ayat dasar sintaksis asas bahasa Arab. Dapatkan perbandingan menunjukkan pola ayat dasar bahasa Melayu menyamai pola ayat namaan bahasa Arab. Namun terdapat perbezaan dari keserasian gender dan bilangan antara subjek dan predikat. Dapatkan juga menunjukkan elemen tatabahasa yang paling sukar dikuasai murid ialah keserasian bilangan majmuk diikuti elemen keserasian gender feminin dan keserasian gender maskulin. Dapatkan juga menunjukkan elemen yang paling dikuasai mereka ialah pengkelasan kata sendi dan pengkelasan kata nama. Dapatkan hipotesis utama kajian kuasi eksperimen menunjukkan pengajaran menggunakan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) yang dibangunkan berdasarkan pendekatan kontrastif didapati lebih berkesan daripada pendekatan konvensional dalam meningkatkan kemahiran murid menghasilkan ayat dasar bahasa Arab. Hasil dapatan kajian ini juga telah memberi impak yang besar terhadap pedagogi pengajaran guru bahasa Arab di sekolah di Malaysia, justeru satu model pengajaran sintaksis asas bahasa Arab (M-SABA) telah dicadangkan untuk meningkatkan penggunaan modul secara efektif dan memberi ruang kepada pengkaji baru untuk membuat penambahbaikan kepada modul dalam amalan pengajaran dan pembelajaran.

ABSTRACT

This study aims to identify the similarities and differences of the basic syntax of Arabic and Malay language by using the contrastive approach, to identify the level of difficulty of students to the elements of Arabic grammar contained in DSKP Arabic Year 4 KSSR and to develop the Basic Syntax Arabic Module (M-SABA) and assess the effectiveness of the module. The Instructional Design of Dick and Carey Model (2005) were used as the basis for the construction Basic Syntax Arabic Module (M-SABA) Contrastive based approach. The study was divided into three sections, namely, the qualitative study based approach contrastive, descriptive study design and a quasi-experimental study design. The sample consisted of 154 students from 4 years from four primary schools in the state of Pulau Pinang. A total of 79 students from the treatment group and 75 students from the control group. Instrument Arabic grammar proficiency tests were used to determine the level of difficulty of researchers towards the elements of Arabic grammar contained in Arabic DSKP Year 4 KSSR. While the instruments of the pre-test and post-test was used to assess the effectiveness of the modules developed by the researchers to compare the achievement of students in the construction of basic paragraph basic language syntax Arab. The finding of comparison shows patterns of basic sentence patterns Malay are similar with nominal sentences in Arabic. But there are differences of gender and number of compatibility between subject and predicate. The findings also indicate grammatical elements most difficult to master by student is the compatibility of plural elements followed by, the compatibility of the feminine gender and compatibility masculine gender. The results also indicated that most elements are controlled by them is classification of prepositions and the classification of the noun. The results of the study hypothesis suggests teaching using a quasi-experimental module Basic Syntax Arabic (M-SABA) developed by contrastive approach is more effective than conventional approaches in improving basic skills in producing paragraph based Arabic language basic syntax. The finding also has a major impact on the pedagogy of teaching Arabic in schools in Malaysia, thus a model of teaching Arabic language basic syntax M-SABA has been proposed. This module is expected to be utilised effectively and provide chances for future reseachers to improve the module for more efective teaching and learning process.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya, saya telah dapat menyempurnakan kajian ini dengan jaya. Selawat dan salam ke atas Baginda Rasulullah, Nabi Muhammad S.A.W.

Sesungguhnya penghasilan tesis ini sangat bererti kepada saya, banyak rintangan dan cabaran telah saya tempuh. Justeru saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya DR Haji Mohammad Seman, selaku penyelia saya atas bimbingan dan tunjuk ajar serta bantuan yang beliau berikan kepada saya selama ini. *Jazakumullah khairan kathiran..*

Ucapan penghargaan ini ditujukan kepada Dekan Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Timbalan Dekan, Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi) dan semua kakitangan Pejabat Ijazah Tinggi Fakulti Bahasa Dan Linguistik yang sentiasa memudahkan segala urusan saya dan sudi membantu saya dalam menyempurnakan prosedur penghasilan tesis ini.

Ucapan jutaan terima kasih ditujukan khas kepada sahabat-sahabat saya yang tidak jemu-jemu menghulurkan dorongan,bantuan, kritikan dan komentar yang membina dalam meningkatkan kualiti penghasilan tesis ini, iaitu Gazilah Mohd.Isa PhD dan suami, Abdul Rahman Abdullah PhD. Terima kasih juga ditujukan kepada Ahmad Sukari Mohamad PhD, Noormiza Abdul Rahman PhD, Abd. Razak Abu Chik PhD, Noormazidah Mohamed PhD dan rakan-rakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun atas dorongan berpanjangan .

Seterusnya tidak dilupakan, ucapan jutaan terima kasih untuk semua pensyarah di Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya yang selama ini memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada saya

Paling teristimewa buat suami yang tercinta Khairul Anwar Shahidan dan anak-anak yang disayangi lagi dikasihi Asma' Sumaiyah, Arwa Suwaibah dan Muhammad Jibriel al-Amin. Tidak dilupai ayahanda Haji Ashaari Ibrahim, arwah bonda yang melahirkan, Hajjah Che Jam Saad dan bonda yang membesarakan, Che Ma binti Mohd. Noor serta bekanda Hajjah Jau Zaharah Ashaari. Jutaan terima kasih tidak terhingga di atas segala kesabaran dan pengorbanan kalian serta doa yang dititipkan.

SITI AISHAH ASHAARI
11A LORONG JAWI JAYA
TAMAN JAWI JAYA
14200 SUNGAI JAWI
PULAU PINANG

DISEMBER 2016

KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xviii
JADUAL TRANSLITERASI	xxi
SENARAI SINGKATAN	xxiii

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latarbelakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	5
1.3	Objektif Kajian	11
1.4	Soalan Kajian	11
1.5	Hipotesis Kajian	12
1.6	Kerangka Teoritikal dan Konseptual Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	17
1.8	Batasan Kajian	21
1.9	Definisi Istilah	22
1.10	Rangka Kajian	25

1.11	Rumusan	27
BAB 2 KAJIAN LITERATUR		
2.0	Pendahuluan	28
2.1	Pengajaran Nahu	28
	2.1.1 Kaedah Pengajaran Nahu	29
	2.1.2 Dasar Pengajaran Nahu Arab Di Malaysia	32
2.2	Pendekatan Analisis Kontrastif	36
	2.2.1 Latar Belakang Analisis Kontrastif	39
	2.2.2 Hipotesis Analisis Kontrastif	41
	2.2.3 Kritikan dan Implikasi Analisis Kontrastif Dalam Pedagogi	45
2.3	Teknologi Instruksi	49
	2.3.1 Reka Bentuk Instruksi Dalam Pengajaran	50
	2.3.2 Model Dick & Carey	52
2.4	Tinjauan Kajian Berkaitan	57
	2.4.1 Kajian Analisis Kontrastif Bahasa Melayu dan Bahasa Kedua	58
	2.4.2 Kajian Analisis Kontrastif Bahasa Melayu dan Bahasa Arab	60
	2.4.3 Kajian Berkaitan Pembinaan Modul Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia	63
2.5	Rumusan	65

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	67
3.1	Reka bentuk Kajian	67

3.12	Analisis Data	96
	3.12.1 Analisis Data Kualitatif	97
	3.12.2 Analisis Data Kuantitatif	97
3.13	Rumusan	98

BAB 4 PEMBINAAN DAN PENILAIAN MODUL SINTAKSIS ASAS BAHASA ARAB (M-SABA)

4.0	Pendahuluan	99
4.1	Tujuan Pembinaan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA)	100
4.2	Peringkat I : Pendekatan Kontrastif Sintaksis Asas Bahasa Melayu dan Bahasa Arab dalam Pembinaan Modul M-SABA	101
	4.2.1 Definisi Sintaksis	102
	4.2.2 Sintaksis Asas Bahasa Melayu	103
	4.2.3 Sintaksis Asas Bahasa Arab	113
	4.2.3.1 Elemen Tatabahasa Arab Yang Terkandung Dalam DSKP dan Buku Teks Bahasa Arab tahun 4 KSSR	116
4.3	Peringkat II: Analisis Aras Kesukaran Sintaksis Asas Bahasa Arab	124
4.4	Peringkat III: Adaptasi Model Instruksi Dick & Carey Dalam Pembinaan Modul M-SABA	126
	4.4.1 Mengenal Pasti Matlamat Pengajaran	127
	4.4.2 Melakukan Analisis Pengajaran	128
	4.4.3 Mengenal Pasti Tingkah laku Awal dan Ciri-ciri Pelajar	129
	4.4.4 Menulis Objektif Kelakuan	130
	4.4.5 Membina Item Ujian Rujukan Kriteria	132

4.4.6 Memilih dan Membina Strategi Pengajaran	134
4.4.7 Memilih dan Mengembangkan Bahan-bahan Pengajaran	135
4.4.8 Membina dan Menjalankan Penilaian Formatif	136
4.4.8.1 Ujian Satu dengan Satu	136
4.4.8.2 Ujian Kumpulan Kecil	137
4.4.8.3 Ujian Kumpulan Besar	138
4.4.8.4 Penilaian Pakar	138
4.4.9 Semak Semula Pengajaran (<i>Revise Instructional</i>)	140
4.4.10 Mentadbir Ujian Sumatif	140
4.5 Rumusan	141

BAB 5 ANALISIS DATA

5.0 Pendahuluan	142
5.1 Analisis Data Kajian Descriptif Peringkat I	142
5.1.1 Aspek Persamaan Sintaksis Asas Bahasa Melayu dan Bahasa Arab	143
5.1.2 Aspek Perbezaan Sintaksis Asas Bahasa Melayu dan Bahasa Arab	151
5.2 Analisis Data Kuantitatif dari Kajian Deskriptif	164
5.2.1 Profil Sampel Kajian	164
5.2.2 Dapatan Kajian Deskriptif	165
5.2.3 Rumusan Dapatan Analisis Deskriptif	190
5.3 Analisis Data Dari Kajian Kuasi-Eksperimen	191
5.3.1 Profil Sampel Kajian	192
5.3.2 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Hipotesis Utama H_0	194

5.3.3	Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Berdasarkan Pola Ayat FN + FN	197
5.3.4	Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Pola Ayat FN + FA	199
5.3.5	Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Pola Ayat FN + FK	202
5.3.6	Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Pola Ayat FN + FS	205
5.3.7	Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Pola Ayat FN + FK + FS	207
5.4	Rumusan	210

BAB 6 DAPATAN DAN CADANGAN

6.0	Pendahuluan	211
6.1	Ringkasan Kajian	211
6.2	Rumusan Dapatan Analisis Ciri-ciri Persamaan dan Perbezaan Sintaksis Asas Bahasa Melayu dan Bahasa Arab	213
6.3	Rumusan Dapatan Analisis Aras Kesukaran Murid Terhadap Elemen Tatabahasa Bahasa Arab	218
6.4	Rumusan Dapatan Kajian Kuasi Eksperimen	220
6.4.1	Dapatan Hipotesis Utama	220
6.4.2	Dapatan Sub Hipotesis	221
6.5	Impak Dapatan Kajian	224
6.5.1	Pedagogi Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah-sekolah Malaysia	224
6.5.2	Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	229
6.5.3	Pensyarah IPGM dan Guru Bahasa Arab di Sekolah	229

6.6	Cadangan Kajian Lanjutan	229
6.7	Rumusan	230
BIBLIOGRAFI		232
LAMPIRAN		
A	Contoh Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) Unit 1	246
B	Ujian Kecekapan Tatabahasa Arab	255
C	Ujian Pra dan Ujian Pasca	260
D	DSKP Bahasa Arab Tahun 4 KSSR DSKP Bahasa Malaysia Tahun 4 KSSR	264

SENARAI JADUAL

No Jadual	Nama Jadual	Muka Surat
2.1	Pengkelasan model-model pembinaan modul	51
3.1	Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Arab Dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2013	79
3.2	Jadual Perlaksanaan kajian di sekolah	81
3.3	Senarai Pakar Rujuk Kesahan Soalan	90
4.1	Ayat Bahasa Melayu Pola FN + FN	105
4.2	Ayat Bahasa Melayu Pola FN + FK + FS	106
4.3	Ayat Penyata Bahasa Melayu Pola FN + FN	106
4.4	Ayat Tanya Bahasa Melayu Pola FSN + FN	107
4.5	Ayat Bahasa Melayu Pola FK + FN	107
4.6	Ayat Seruan Bahasa Melayu Pola FN + FN	108
4.7	Ayat Aktif Bahasa Melayu Pola FN + FK + FS	109
4.8	Ayat Pasif Bahasa Melayu Pola FN + FK + FS	109
4.9	Ayat Susunan Biasa Bahasa Melayu Pola FN + FK	109
4.10	Ayat Songsang Bahasa Melayu Pola FN + FS + FN	110
4.11	Pola Ayat Dasar Bahasa Melayu	110
4.12	Pola Ayat Terbitan Bahasa Melayu	111
4.13	Pola Ayat Tunggal Bahasa Melayu	112
4.14	Pola Ayat Terbitan Bahasa Melayu	112
4.15	Pola Ayat Dasar Bahasa Arab	115
4.16	Elemen Kata Ganti Nama <i>al-damīr</i> Dalam Sintaksis Bahasa Arab	116

4.17	Kata Ganti Nama <i>al-damīr</i> Bahasa Arab	117
4.18	Elemen <i>al-żarf</i> Dalam Sintaksis Bahasa Arab	118
4.19	Contoh ayat yang mengandungi elemen <i>al-żarf</i>	118
4.20	Elemen Kata Nama Tunjuk <i>ism al-isyārat</i> Dalam Sintaksis Bahasa Arab	119
4.21	Penggunaan elemen Kata nama Tunjuk <i>ism al-isyārat</i> dalam ayat bahasa Arab	120
4.22	Elemen Kata kerja <i>al-fi‘l</i> dalam sintaksis bahasa Arab	120
4.23	Contoh Ayat bahasa Arab Berdasar Pola FN + FK	121
4.24	Elemen <i>al-mufrad wa al-muthannā</i> dalam sintaksis bahasa Arab	122
4.25	Contoh Penggunaan Ayat Kata Tunggal <i>al-mufrad</i> Dan Kata Dual <i>al-muthannā</i> dalam bahasa Arab	122
4.26	Elemen <i>al-jam‘</i> dalam sintaksis bahasa Arab	123
4.27	Contoh Ayat mengandungi kata majmuk maskulin, majmuk feminin dan majmuk <i>taksir</i>	123
4.28	Analisis Aras Kesukaran Pelajar Terhadap Elemen Tatabahasa Arab	125
4.29	Program Penilaian Formatif	140
5.1	Unsur-unsur ayat bahasa Melayu dan bandingan setara binaan ayat bahasa Arab	145
5.2	Pembentukkan ayat tunggal satu klausa yang mengandungi satu subjek dan satu predikat	146
5.3	Jumlah Responden Mengikut Sekolah dan Jantina	164
5.4	Skor Responden Bagi Pengelasan Kata (Kata Nama)	166
5.5	Skor responden bagi aspek pengelasan kata (Kata Kerja)	167
5.6	Skor responden bagi pengelasan kata (Kata Sendi)	169

5.7	Keserasian Gender Pola FN Kata Nama Maskulin + FN Kata Nama Maskulin	170
5.8	Keserasian Gender Pola FN Kata Nama Feminin + FN Kata Nama Feminin	171
5.9	Keserasian Bilangan Pola FN Kata Nama Tunggal + FN Kata Nama Tunggal	173
5.10	Keserasian Bilangan Pola FN Kata Nama Dual + FN Kata Nama Dual	174
5.11	Keserasian Bilangan Pola FN Kata Nama Majmuk + FN Kata Nama Majmuk	176
5.12	Keserasian Derivasi Kata Kerja Pola FN + FK (Kata Kerja Kala Lampau)	178
5.13	Keserasian Derivasi Kata Kerja Pola FN + FK (Kata Kerja Kala Kini)	179
5.14	Keserasian Derivasi Kata Kerja Pola FN + FK (Kata Kerja Imperatif / Perintah)	181
5.15	Penggunaan Kata Tunjuk Dekat Pola FN (Kata Tunjuk Dekat) + FN	183
5.16	Penggunaan Kata Tunjuk Dekat Pola FN (Kata Tunjuk Jauh) + FN	184
5.17	Penggunaan Ganti Nama <i>Munfasil</i> Pola FN + FN	186
5.18	Penggunaan Ganti Nama <i>Muttasil</i> Pola FN + FN	187
5.19	Penggunaan Kata Sendi	189
5.20	Analisis Aras Kesukaran Pelajar Terhadap Elemen Tatabahasa Arab	190
5.21	Jumlah Peratusan Responden Mengikut Sekolah, Kategori Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	192
5.22	Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan	194

5.23	Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Berasaskan Pola FN+FN	197
5.24	Ujian T Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Berasaskan Pola Ayat FN + FA	199
5.25	Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Berasaskan Pola Ayat FN + FK.	202
5.26	Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Berasaskan Pola Ayat FN + FS	205
5.27	Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN + FK + FS	207
6.1	Dapatan Analisis Min Aras Kesukaran Pelajar Terhadap Elemen Tatabahasa Arab	218
6.2	Rumusan Keputusan Ujian t Bagi Kumpulan Rawatan Berasaskan 5 Pola Sintaksis Asas Bahasa Arab	222
6.3	Rumusan Keputusan Ujian t Bagi Kumpulan Kawalan Berasaskan 5 Pola Sintaksis Asas Bahasa Arab	223

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Nama Rajah	Muka surat
1.1	Model Dick & Carey (2005)	15
1.2	Kerangka Konseptual Kajian Pengajaran Sintaksis Asas Bahasa Arab Berbantuan Modul	16
2.1	Model Dick & Carey 2005	57
3.1	Reka bentuk Kajian Kuasi Eksperimen	72
3.2	Reka Bentuk Ujian Pra-Pasca bagi responden yang dipilih	73
3.3	Hubungan Antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar	75
3.4	Perhubungan antara Pemboleh ubah Kajian dan Instrumen Kajian	77
3.5	Hubungan antara pemboleh ubah bersandar pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah luaran	78
5.1	Aspek Pengkelasan Kata (Kata Nama)	167
5.2	Pengkelasan Kata Kerja	168
5.3	Pengkelasan Kata Sendi	159
5.4	Aspek Keserasian Gender Kata Nama Maskulin (<i>تطابق الجنس للذكور</i>)	171
5.5	Aspek Keserasian Gender Kata Nama Feminin (<i>تطابق الجنس للإناث</i>)	172
5.6	Keserasian Bilangan Pola FN Kata Nama Tunggal + FN Kata Nama Tunggal	174
5.7	Keserasian Bilangan Pola FN Kata Nama Dual + FN Kata Nama Dual	175

5.8	Keserasian Bilangan Pola FN Kata Nama Majmuk + FN Kata Nama Majmuk	177
5.9	Keserasian Derivasi Pola FN + FK Kata Kerja Kala Lampau	179
5.10	Keserasian Derivasi Pola FN + FK Kata Kerja Kini	180
5.11	Keserasian Derivasi Pola FN + FK Kata Kerja Perintah	182
5.12	Penggunaan Kata Tunjuk Dekat	183
5.13	Penggunaan Kata Tunjuk Jauh	185
5.14	Penggunaan Kata Ganti Nama <i>Munfaṣil</i>	187
5.15	Penggunaan Kata Ganti Nama <i>Muttaṣil</i>	188
5.16	Penggunaan Kata Sendi	189
5.17	Analisis Aras Kesukaran Pelajar Terhadap Elemen Tatabahasa Arab	191
5.18	Histogram Perbezaan Tahap Pencapaian Keseluruhan Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan	196
5.19	Histogram Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN + FN	198
5.20	Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN + FA	201
5.21	Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN + FK	204
5.22	Perbezaan Tahap Pencapaian Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN + FS	206
5.23	Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN + FK + FS.	209

6.1	Analisis Aras Kesukaran Pelajar Terhadap Elemen Tatabahasa Arab	219
6.2	Model Pengajaran Sintaksis Asas Bahasa Arab Berlandaskan Pendekatan Kontrastif (M-SABA)	226

JADUAL TRANSLITERASI

Perkataan Arab dieja dalam huruf rumi berdasarkan kepada Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Jawi Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur tahun 1988. Sistem Transliterasi ini adalah seperti berikut;

Bil	Huruf Arab	Transliterasi
1	ا	a
2	ب	b
3	ت	t
4	ث	th
5	ج	j
6	ح	h
7	خ	kh
8	د	d
9	ذ	dh
10	ر	r
11	ز	z
12	س	s
13	ش	sy
14	ص	ş
15	ض	đ
16	ط	ť
17	ظ	ڙ
18	ع	'
19	غ	gh
20	ف	f

Bil	Huruf Arab	Transliterasi
21	ق	q
22	ك	k
23	ل	l
24	م	m
25	ن	n
26	ه	h
27	و	w
28	ء	,
29	ي	y
30	ة	t

Vokal pendek		Vokal panjang		Diftong	
ـ	a	ـ	ـ	ـ	ـ
ـ	i	ـ	ـ	ـ	ـ
ـ	u	ـ	ـ	ـ	ـ

SENARAI SINGKATAN

BA	Bahasa Arab
BBT	Bahagian Buku Teks
BM	Bahasa Melayu
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Bahagian Perkembangan Kurikulum
B1	Bahasa Ibunda
B2	Bahasa Kedua
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FA	Frasa Adjektif
FK	Frasa Kerja
FN	Frasa Nama
FS	Frasa Sendi
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JAPIM	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
jQAF	jawi al-Quran Asas Fardu Ain
KBSR	Kurikulum Baharu Sekolah Rendah
KGN	Kata Ganti Nama
KNT	Kata nama Tunjuk
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
M-SABA	Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab
SAW	Şallallahu ‘alaihi wa sallam

SK	Sekolah Kebangsaan
SWT	Subhanahu wa Ta‘ala
UAT	Ujian Akhir Tahun
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

BAB 1 : PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan latar belakang, penyataan masalah kajian, objektif kajian soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian. Kemudian diikuti dengan penerangan mengenai kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi istilah dan rumusan bab satu.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pengajaran bahasa Arab telah lama diperkenalkan di Malaysia, bermula dari sistem pondok hingga ke hari ini dengan menggunakan pelbagai pendekatan, sama ada tradisional dan moden seperti yang dilaksanakan dewasa ini iaitu pengajaran bahasa Arab menggunakan pendekatan komunikasi. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) untuk memajukan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia.

Perlaksanaan program jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain (j-QAF) di sekolah rendah di Malaysia pada tahun 2005 membuktikan komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memantap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Program j-QAF adalah satu usaha memperkasakan Pendidikan Agama Islam melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardhu ain yang dilaksanakan di peringkat persekolahan rendah. Melalui program j-QAF ini, status bahasa Arab di sekolah rendah pada masa itu

sebagai mata pelajaran bahasa tambahan dengan peruntukan waktu sebanyak 60 minit seminggu.

Begitu juga di peringkat menengah di mana sukanan dan huraian mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi telah disemak semula dan format pentaksiran SPM dan PMR 2004 diubahsuai demi mempertingkatkan prestasi pencapaian bahasa Arab di kalangan para pelajar sekolah menengah. Pada tahun 2006 sekali lagi sukanan bahasa Arab sekolah rendah dan sekolah menengah disemak semula dan pembinaan buku teks baru tingkatan satu dan buku teks bahasa Arab digubal semula oleh penulis-penulis muktabar. Usaha-usaha ini memperlihatkan kesungguhan pihak JAPIM untuk merealisasikan kehendak kerajaan Malaysia yang ingin melahirkan rakyat Malaysia yang berpotensi selaras dengan tuntutan agama seperti yang diwar-warkan dalam Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia ke 5, Tun Abdullah bin Ahmad Badawi.

Namun begitu, prestasi pencapaian Bahasa Arab Tinggi peringkat SPM dan Bahasa Arab Komunikasi di peringkat PMR masih lemah. Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai kewujudan masalah dalam sistem pendidikan bahasa Arab sedangkan segala kemudahan asas seperti penyediaan buku teks mengikut acuan negara kita digubal dan dimajukan.

Isu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia adalah antara isu yang sering diperkatakan dan banyak kajian mengenainya telah dilaksanakan oleh sarjana-sarjana bahasa Arab tempatan. Namun begitu, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, masih menghadapi banyak masalah dalam semua aspek. Mat Taib Pa (2006:1) menegaskan penguasaan bahasa Arab di

kalangan pelajar Melayu amat lemah berbanding dengan pelajar-pelajar dahulu, walaupun dalam keadaan buku teks yang jauh lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru-guru yang berkelayakan. Antara faktor kelemahan ini adalah kegagalan pelajar menguasai sintaksis bahasa Arab yang dikatakan sukar dan terlalu panjang penghuraianya.

Namun begitu, sukatan pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di peringkat menengah rendah membuktikan tajuk-tajuk sintaksis yang dipilih adalah tajuk-tajuk asas bahasa Arab (JAPIM, 2006 & KPM, 2013). Begitu juga sukatan matapelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah menunjukkan tajuk-tajuk sintaksis yang perlu dikuasai oleh pelajar begitu ringkas dan terlalu asas bagi membantu para pelajar menguasai bahasa Arab (JAPIM, 2006 & KPM, 2012).

Terkini dengan terlaksananya Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 menggantikan Kurikulum Baharu Sekolah Rendah (KBSR), sekali lagi kurikulum bahasa Arab sekolah rendah mengalami perubahan. Kurikulum Bahasa Arab telah disemak semula dan buku-buku teks bahasa Arab sekali lagi digubal baru. Peruntukan masa sebanyak 90 minit seminggu telah ditetapkan jadual waktu interaksi bahasa Arab di sekolah rendah. Walau bagaimanapun setelah penelitian mendalam terhadap Dokumen Standard Kurikulum (DSK) bagi tahap 1 dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi tahap 2 Bahasa Arab , didapati tajuk-tajuk sintaksis yang perlu dikuasai pelajar masih tajuk-tajuk sintaksis asas. Pengajaran dan pembelajaran sintaksis bermula dari tahun 3. (DSK Bahasa Arab Tahun 3, 2012)

Ishak Rejab (1992) pula merumuskan bahawa pembelajaran bahasa Arab di Malaysia tidak mencapai objektifnya. Ramai lulusan sekolah menengah berada dalam tahap yang lemah dalam pelbagai aspek bahasa seperti tatabahasa, sebutan huruf dan tidak mampu menulis ayat dengan betul.

Menurut Zulkifli (2000), pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab masih belum membawa hasil yang sempurna, malahan kemampuan para pelajar menguasai bahasa Arab khususnya sintaksis bahasa Arab masih berada di takuk lama. Para pelajar didapati gagal membina ayat-ayat yang gramatis mengikut sistem tatabahasa bahasa Arab yang sempurna.

Zainol Abidin Ahmad (2003) menyatakan punca kegagalan pelajar menulis ayat yang gramatis adalah disebabkan ketidakupayaan pelajar menggabung, menggunakan dan menyusun leksikal-leksikal di dalam ayat bahasa Arab yang dibina. Gabungan, kombinasi, penggunaan dan susunan leksikal yang tidak betul dan tidak lengkap membentuk ayat yang tidak lengkap dan tidak difahami.

Justeru itu, pengkaji merasakan adalah menjadi tanggungjawab untuk mendasari masalah ini dengan memperkenalkan satu pendekatan sintaksis bahasa Arab menggunakan pendekatan kontrastif. Menurut Mat Taib (2006), analisis kontrastif yang membandingkan struktur dua bahasa dan menentukan titik-titik persamaan dan perbezaan antara dua bahasa membantu guru-guru meramal kesukaran yang dialami oleh para pelajar dalam menguasai bahasa kedua atau bahasa asing. Perbezaan ketara yang timbul ini perlu diberi tumpuan dalam membantu pelajar menguasai bahasa kedua dan bahasa asing.

Justeru itu, adalah menjadi harapan pengkaji dengan memperlihatkan perbandingan antara dua bahasa ini iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab dapat membantu pengkaji menyediakan modul sintaksis asas bahasa Arab (M-SABA) dan semoga modul telah dijalankan ini menjadi satu pendekatan tambahan kepada pendekatan-pendekatan yang telah dijalankan dalam usaha meningkatkan prestasi penguasaan sintaksis bahasa Arab di kalangan para pelajar khususnya pelajar sekolah rendah. Seterusnya ia dapat memartabatkan bahasa Arab sebagai bahasa kedua orang Melayu yang beragama Islam dan bahasa ketiga kepada mereka yang bukan beragama Islam di Malaysia.

1.2 Permasalahan Kajian

Bahasa Arab yang dipelajari oleh pelajar-pelajar Melayu di sekolah rendah khususnya di tahap satu merupakan bahasa ketiga (B3) kepada mereka kerana bahasa Arab adalah bahasa yang cuba diperolehi selepas bahasa ibunda mereka dan bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris. Bahasa ibunda mereka ialah bahasa pertama (B1) yang diperolehi lebih awal daripada bahasa kedua (B2) dan bahasa ketiga(B3). Memang tidak dapat disangkalkan lagi bahawa dalam proses pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa ketiga (B3), pelajar-pelajar Melayu dan lain-lain seperti pelajar India dan Cina yang berminat mempelajari bahasa Arab di sekolah rendah mengalami kesulitan-kesulitan tertentu. Kesulitan ini hadir dalam pelbagai kesilapan dan kesalahan yang dilakukan oleh mereka dalam pertuturan dan penulisan mereka. (Zulkifli, 2000; Naimah, 2003; Che Radiah Mezah, 2006)

Hal ini disebabkan oleh sistem bahasa B1 dan B2 mempunyai ciri-ciri tertentu yang mempunyai persamaan dan perbezaan. Oleh yang demikian setiap orang yang mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua tidak dapat lari dari menghadapi kesulitan dan melakukan kesilapan. (Lado,1957). Ramai ahli linguistik menyarankan agar punca kesulitan dilihat melalui analisis perbandingan atau analisis kontrastif (AK). Lado (1957:2) menyatakan melalui analisis perbandingan ini, kesulitan yang timbul dalam proses pembelajaran bahasa asing (B2) dipercayai mempunyai hubungan dengan struktur dan sistem bahasa ibundanya (B1). Beliau juga merumuskan bahawa dalam proses pembelajaran B2, seseorang pelajar cenderung untuk memindahkan pola-pola B1 ke dalam B2, dan ini telah mengganggu pembelajaran B2 dan menyebabkan pelajar melakukan kesalahan. Menurut Lado, punca utama kesalahan pelajar B2 ialah perbezaan antara B1 dan B2.

Sebagai contoh, pengkaji pamerkan kesilapan bahasa Arab yang sering dilakukan oleh pelajar Melayu. Pelajar Melayu sering terkeliru dalam penggunaan kata penunjuk *ism al-isyarat* (اسْمُ الْإِشَارَةِ) iaitu *hadha* (هَذَا) dan *hadhihi* (هَذِهِ) yang membawa maksud *ini* di dalam bahasa Melayu. Penggunaan kata ini agak mengelirukan pelajar Melayu, di mana penggunaan (هَذَا) digunakan untuk gender maskulin manakala (هَذِهِ) digunakan untuk feminine. Adakalanya mereka menggunakan (هَذَا) untuk feminine seperti ayat berikut : هَذَا طَالِبٌ (hadha ṭalib) bermaksud “ ini (M) seorang pelajar perempuan, atau هَذِهِ بَيْتٌ (hazghi bayt) bermaksud “ ini (F) sebuah rumah (M). Perkataan *bayt* di dalam ayat tersebut ialah perkataan kata tunggal maskulin.

Kesilapan ini dilakukan kerana para pelajar Melayu terpengaruh dengan struktur bahasa Melayu, di mana penggunaan kata tunjuk *ini* dalam bahasa Melayu tidak mempunyai unsur-unsur gender dan keserasian (*taṭabuq*) seperti dalam bahasa Arab. Naimah (2003:208) menyatakan bahawa kesilapan padanan subjek maskulin kepada predikat feminin dan keserasian antara subjek dan predikat dalam pembentukan ayat tunggal sering dilakukan oleh para pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa ketiga. Kajian beliau menunjukkan 85.7% pelajar Melayu melakukan kesilapan ini.

Satu lagi bentuk kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar Melayu ialah dalam pembentukan ayat namaan dalam bahasa Arab. Dalam ayat namaan bahasa Arab terdapat persamaan antara subjek dan predikat dari segi gender, bilangan dan kasus. Contoh dalam ayat berikut : الطَّالِبُ مُجْتَهِدٌ (*al-talib mujtahid*) “Pelajar lelaki itu seorang yang rajin” dan الطَّالِيْةُ مُجْتَهِدَةٌ (*al-talibat mujtahidat*) pelajar perempuan itu seorang yang rajin.

Unsur persamaan dan keserasian antara subjek dan predikat amat penting dalam bahasa Arab dan unsur ini tidak wujud dalam bahasa Melayu. Inilah yang merupakan punca kesalahan pelajar Melayu dalam pembentukan ayat namaan bahasa Arab seperti yang telah dinyatakan di dalam contoh ayat di atas.

Terdapat banyak kajian yang telah menunjukkan bahawa kesulitan pembelajaran dan kesalahan bahasa Arab ini berkait rapat dengan perbezaan antara bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2) yang sedang dipelajari oleh pelajar. Ab. Halim Mohammad (2002) telah mengenalpasti fenomena bahasa Arab yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu merupakan masalah besar kepada

pelajar Melayu seperti hukum *i’rab*, penggunaan *al*, konsep maskulin dan feminin, konsep dual dan majmuk dan konsep persamaan dari segi *i’rab*, genus dan bilangan.

Ab Halim (2002) dalam kajiannya telah mencadangkan satu kajian analisis kontrastif perlulah dilakukan oleh seseorang guru bahasa Arab seterusnya mendedahkan maklumat tersebut kepada pelajar untuk meminimakan kesilapan atau kesalahan yang dilakukan oleh mereka. Kajian ini disokong oleh Anas Maulana Nuryadi (2004) yang mendapati perbezaan yang ketara seperti perbezaan huruf-huruf, penggolongan kata, huruf-huruf imbuhan, gender, bilangan, mimitan, kata nama jamid dan terbitan perlulah didedahkan kepada para pelajar Melayu untuk membantu mereka mengurangkan kesilapan dalam mempelajari bahasa Arab.

Kajian Che Radiah Mezah (2006) mendapati terdapat 2466 kesilapan yang diklasifikasikan kepada 8 jenis kesilapan sering dilakukan oleh pelajar Melayu dalam membina ayat-ayat bahasa Arab, iaitu kesilapan ortografi/ejaan sebanyak 928 (37.6%), penambahan perkataan yang tidak perlu sebanyak 401 (16.3%), terjemahan secara literal dari bahasa ibunda sebanyak 372 (15.1%), kesilapan penggunaan bentuk/pola perkataan sebanyak 304 (12.3%), pemilihan perkataan yang tidak sesuai sebanyak 231 (9.4%), pengguguran perkataan yang perlu sebanyak 185 (7.5%), kesilapan penggunaan kata pinjaman sebanyak 31 (1.2%) dan peralihan kod sebanyak 14 (0.6%).

Kajian beliau juga mendapati, di antara punca-punca kesilapan pelajar adalah gangguan bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu merupakan faktor utama berlakunya kesilapan leksikal dalam karangan bahasa Arab yang ditulis oleh pelajar-pelajar Melayu. Hal ini mungkin dapat dikurangkan jika pelajar didedahkan dengan bandingan penggunaan leksikal bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Kebanyakan dapatan kajian analisis perbandingan antara bahasa Melayu dan bahasa Arab sekadar meramal aras kesukaran yang dihadapi oleh pelajar Melayu berdasarkan titik perbezaan antara dua bahasa tersebut tanpa mengemukakan satu contoh modul pengajaran untuk didedahkan kepada guru-guru dan para pelajar. Oleh itu, pengkaji berasa adalah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk mengatasi masalah ini dengan menyediakan satu modul pengajaran dan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab berlandaskan pendekatan kontrastif antara dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Justeru , adalah menjadi harapan pengkaji, modul yang telah dijalankan ini menjadi satu pendekatan tambahan dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Penggunaan modul sebagai bahan bantu mengajar (BBM) adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Lantaran itu penggunaan buku teks semata-mata tidak memadai dalam usaha membantu pelajar menguasai bahasa Arab di peringkat awal dan memenuhi kehendak pelajar yang pelbagai.

Sehubungan dengan itu, Siew (*New Straits Times*, 1985,15 dipetik dari English Language Teaching in Malaysia Today : 2004:272) berpendapat

penggunaan buku teks semata-mata dalam pengajaran sesuatu bahasa khususnya bahasa Inggeris adalah satu masalah besar kepada guru-guru. Ini adalah ianya tidak memenuhi keperluan pelajar yang terdiri dari pelbagai kebolehan, pencapaian, linguistik pelajar dan latar belakang sosio ekonomi. Justeru itu, pengajaran bahasa Inggeris khususnya di sekolah rendah diajar menggunakan modul-modul pengajaran yang dibina dan mesra pelajar.

Hal ini tidak berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kebanyakan pelajar tidak berminat untuk membaca dan menggunakan buku teks dengan alasan ianya sukar diguna dan tidak difahami tanpa bantuan guru. Oleh itu pengkaji merasakan pembinaan modul ini adalah wajar untuk mempelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dan membantu pelajar dari peringkat asas dalam meminati dan mempelajari bahasa Arab secara mudah dan efisyen.

Dalam mereka bentuk modul pengajaran ini, urutan mengikut struktur perlu dipatuhi. Pembentukan modul disesuaikan untuk memenuhi keperluan pelajar dan mencapai objektif pengajaran supaya memberi pendedahan konsep dan latihan yang mencukupi kepada mereka. (Mat Nor Husin & Jais Sahok,1990; dalam Rosniza: 1999).

Masalah yang timbul ialah pengetahuan sedia ada guru bahasa Arab tentang proses-proses yang terlibat dalam penghasilan modul bagi memenuhi keperluan pelajar. Seterusnya penilaian oleh guru bahasa Arab terhadap kejayaan modul yang dihasilkan oleh mereka dan pendedahan kepada penghasilan modul dapat mengubah persepsi para guru bahasa Arab terhadap penghasilan tersebut,

akhirnya menilai keberkesanannya modul yang dihasilkan dalam meningkat penguasaan bahasa Arab para pelajar yang terbabit.

1.3 Objektif Kajian.

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti ciri-ciri persamaan dan perbezaan antara struktur sintaksis asas bahasa Melayu dengan bahasa Arab yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu dan Bahasa Arab Tahun 4 KSSR.
2. Mengenal pasti aras kesukaran pelajar dalam menguasai tatabahasa Arab untuk membina ayat dasar bahasa Arab yang gramatis.
3. Membina Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) berlandaskan pendekatan kontrastif bahasa Melayu dan bahasa Arab.
4. Menilai Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) berlandaskan pendekatan kontrastif bahasa Melayu dan bahasa Arab.

1.4 Soalan Kajian.

Berdasarkan objektif yang dinyatakan di atas, maka pengkaji menggariskan 4 soalan kajian berikut :

1. Apakah ciri-ciri persamaan dan perbezaan antara struktur sintaksis asas bahasa Melayu dengan bahasa Arab yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu dan Bahasa Arab Tahun 4 KSSR ?

2. Apakah aras kesukaran pelajar kesukaran pelajar untuk menguasai tatabahasa Arab dalam pembinaan ayat bahasa Arab yang gramatis ?
3. Bagaimanakah Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab berlandaskan pendekatan kontrastif bahasa Melayu dan bahasa Arab dibina?
4. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan yang menggunakan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab berlandaskan pendekatan kontrastif bahasa Melayu dan Bahasa Arab dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab yang betul dan gramatis ?

1.5 Hipotesis Kajian

Soalan kajian keempat telah menghasilkan satu hipotesis utama dan 5 sub hipotesis kajian. Berikut adalah hipotesis nol yang dibentuk dalam menilai keberkesanan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab.

1. Hipotesis Utama HO 1;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab yang betul dan gramatis berdasarkan sintaksis asas bahasa Arab.

2. Hipotesis HO 2;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berasaskan pola ayat FN + FN.

3. Hipotesis HO 3;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FA.

4. Hipotesis HO 4;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FK.

5. Hipotesis HO 5;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FS.

6. Hipotesis HO 6;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FK + FS.


1.6 Kerangka Teoritikal Dan Konseptual Kajian

Pendekatan yang sering digunakan dalam membandingkan struktur linguistik dua bahasa atau lebih secara sistematik adalah pendekatan kontrastif. Menurut Lado (1957) pelajar bahasa kedua atau bahasa asing akan mudah menerima unsur-unsur bahasa asing yang sama atau hampir sama dengan bahasa ibunda mereka.

Manakala perbezaan yang wujud di dalam unsur-unsur bahasa asing akan menyulitkan proses pembelajaran mereka.


Justeru itu, dalam kajian ini, pendekatan kontrastif akan digunakan sebagai metodologi dalam membandingkan sintaksis asas bahasa Melayu dan sintaksis asas bahasa Arab, iaitu untuk melihat persamaan dan perbezaan dalam kedua-dua sistem. Topik-topik sintaksis asas yang diramalkan menjadi gangguan kepada proses pembelajaran bahasa Arab dimasukkan di dalam Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab yang dibina menggunakan reka bentuk pengajaran Dick & Carey (2005).

Berikut adalah rajah pembinaan reka bentuk pengajaran berdasarkan model Dick & Carey. Perbincangan mengenai Model Dick & Carey (2005) akan dibincangkan lebih mendalam di dalam Bab 2.



Rajah 1.1 Model Dick & Carey (2005)

Gabungan analisis kontrastif dan model reka bentuk pengajaran Dick & Carey (2005) membentuk satu kerangka konseptual kajian ini. Kerangka konsep kajian ini dapat diperjelaskan lagi dalam Rajah 1.2 yang berikut :



Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian Pengajaran Sintaksis Asas Bahasa Arab

1.7 Kepentingan Kajian

Pengajaran sintaksis asas bahasa Arab berlandaskan pendekatan kontrastif menggunakan modul yang diadaptasikan daripada model Reka bentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005) mempunyai beberapa kepentingan. Antara kepentingan kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Dapatkan analisis kontrastif antara sintaksis asas bahasa Melayu dengan bahasa Arab membolehkan guru untuk memilih bahan pengajaran yang sesuai dengan kebolehan pelajar dengan memokuskan aspek persamaan dan perbezaan antara dua sistem bahasa tersebut.
- ii. Pendekatan pengajaran sintaksis asas bahasa Arab berlandaskan pendekatan kontrastif memudahkan pelajar mempelajari bahasa Arab. Melalui modul, ini pelajar dapat belajar secara bersendirian ataupun berkumpulan kerana modul ini telah memberi panduan dalam membina ayat gramatis dengan melihat persamaan dan perbezaan struktur ayat bahasa Melayu (BM) dan bahasa Arab (BA). Lado (1957) menegaskan bahawa dengan membandingkan secara sistematik bahasa yang hendak dipelajari (BA) dengan bahasa natif (BM), guru akan dapat meramal dan menghuraikan pola-pola yang menyebabkan kesukaran dalam pembelajaran, dan dengan yang demikian ini akan memudahkan proses pembelajaran pelajar. Justeru , modul ini menyediakan kosa kata dan pola ayat

yang secukupnya berpandukan pendekatan kontrastif antara bahasa Melayu dan bahasa Arab.

- iii. Pembinaan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) berlandaskan pendekatan kontrastif membantu pelajar mengatasi masalah kesilapan penggunaan kosa kata dan sintaksis dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis. Pendekatan analisis kontrastif menganggap bahawa para pelajar bahasa kedua atau bahasa asing akan dapat mempelajari dengan mudah unsur bahasa asing yang sama atau hampir sama dengan bahasa pertama atau bahasa ibunda pelajar. Kepentingan pendekatan pengajaran menggunakan modul ini juga membantu pelajar dari aspek tatabahasa di mana modul ini menerangkan aturan tatabahasa ringkas dan mudah diikuti oleh para pelajar. Pendekatan ini juga dapat membantu pelajar memperbetulkan kesilapan tatabahasa dalam aspek kosa kata dan sintaksis bahasa Arab.
- iv. Penghasilan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) berlandaskan pendekatan kontrastif dapat membantu guru Bahasa Arab menggunakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih sistematik dan berfokus. Dalam kajian ini guru sebagai pembimbing dan pemudah cara. Sebagai pembimbing, guru berusaha memberikan aspirasi, motivasi dan membimbing pelajar ke arah kejayaan. Sebagai pemudah cara pula, guru Bahasa Arab dapat mencorakkan suasana belajar yang berkesan dalam bilik

darjah dengan menggunakan strategi berdasarkan modul M-SABA.

Dapatkan perbandingan ini memberi maklumat penting kepada guru-guru bahasa dan penulis-penulis buku teks, membantu guru-guru bahasa Arab untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran, membuat perancangan kursus dan teknik pengajaran di dalam bilik darjah.

- v. Penggunaan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab berlandaskan pendekatan kontrastif ini juga membantu guru dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran tatabahasa Arab. Selain itu ianya juga boleh digunakan sebagai bahan tambahan dalam pengajaran sintaksis asas bahasa Arab di sekolah.
- vi. Para guru juga dapat menggunakan dapatan kajian ini untuk menghasil dan menilai modul pengajaran mereka sendiri. Dapatkan kajian ini juga boleh digunakan oleh guru-guru yang mungkin tidak pernah terdedah kepada kajian perbandingan antara dua bahasa dan juga tidak pernah terdedah dengan model pengembangan pengajaran.
- vii. Modul sebegini akan membolehkan aktiviti pemulihan, pengayaan dan pengukuhan dilakukan semasa sesi persekolahan tanpa membebankan guru-guru bahasa Arab.
- viii. Melalui hasil dapatan kajian ini juga, pengkaji berharap pihak pusat perkembangan kurikulum dan bahagian buku teks Kementerian Pendidikan Malaysia dapat mengaplikasi pendekatan

alternatif ini dalam penggubalan kurikulum bahasa Arab dan penerbitan buku teks agar persempahan bahan pengajaran sintaksis asas bahasa Arab menjadi lebih menarik. Di samping penggunaan pola ayat yang ringkas dan mudah difahami pelajar serta bersesuaian dengan tahap umur dan pengalaman mereka.

- ix. Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) juga akan dapat manfaat dari kajian ini, di mana pihak Bahagian Pendidikan Guru boleh menambah kursus analisis perbandingan dan analisis kesilapan dalam sukanan kursus Diploma Perguruan Lepasan Ijazah pengkhususan bahasa Arab (DPLI) samada untuk calon guru bahasa Arab sekolah menengah dan sekolah rendah (KDPM) dan juga untuk pelajar program ijazah sarjana muda bahasa Arab (PISMP) yang sedang mengikuti kursus bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- x. Hasil dapatan kajian ini juga diharap dapat dimanfaatkan oleh para pensyarah di institusi-institusi perguruan samada di IPTA dan IPGM dalam mendedahkan kepada bakal guru-guru bahasa Arab tentang pendekatan alternatif yang efektif dalam pengajaran sintaksis asas bahasa Arab berlandaskan pendekatan kontrastif.
- xi. Dapatan kajian ini juga bermanfaat untuk membantu Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia (BBT) untuk menyediakan buku teks bahasa Arab yang mudah dan efisien untuk

kegunaan pelajar-pelajar bahasa Arab sama ada di sekolah rendah atau menengah.

1.8 Batasan kajian

Batasan kajian adalah seperti berikut:

- i. Kajian analisis kontrastif dijalankan terhadap sintaksis bahasa Melayu dan bahasa Arab yang digariskan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan bahasa Arab Tahun 4.
- ii. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam M-SABA terbatas kepada pendekatan kontrastif. Topik pilihan sintaksis asas bahasa Arab adalah terhasil dari perbandingan sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab yang ditetapkan di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tahun 4 dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 4 Bahasa Arab. Persamaan dan perbezaan sistem bahasa B1 dan B2 dijadikan asas pemilihan topik sintaksis asas bahasa Arab di dalam M-SABA.
- iii. Sintaksis asas bahasa Arab di dalam M-SABA terbatas kepada pola ayat namaan yang bersamaan dengan pola ayat bahasa Melayu. Pola-pola ayat namaan yang sama antara bahasa Melayu dan bahasa Arab ialah seperti berikut : (a) FN + FN, (b) FN + FA, (c) FN + FK dan (d) FN + FS disamping satu pola tambahan (e) FN + FK + FS . Item ujian pra dan pasca dalam kajian ini terbatas kepada pola-pola sintaksis asas bahasa

Arab yang terdapat dalam M-SABA. Item-item ujian tersebut dibina berdasarkan aras taksonomi Bloom.

iv. Kajian ini terbatas pada murid tahun empat di empat buah Sekolah Kebangsaan di negeri Pulau Pinang. Seramai 154 orang murid terlibat dalam kajian ini. 79 orang murid mewakili kumpulan rawatan dan 75 orang murid mewakili kumpulan kawalan. Pelajar kumpulan rawatan menggunakan modul M-SABA, manakala kumpulan kawalan menggunakan pendekatan konvensional yang sedia ada. Sementara itu, 4 orang guru dijadikan sebagai sampel kajian ini. 2 orang daripada mereka menggunakan modul M-SABA dalam pengajaran sintaksis asas bahasa Arab. Manakala 2 orang guru lagi menggunakan pendekatan konvensional iaitu pendekatan sedia ada dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab.

1.9 Definisi Istilah

Penggunaan istilah dalam kajian ini adalah dibataskan berdasarkan batasan kajian; Pembinaan dan Penilaian Modul Sintaksis Bahasa Arab Berlandaskan Pendekatan Kontrastif Bahasa Melayu Bahasa Arab. Berikut adalah istilah yang kerap digunakan dalam penulisan kajian ini.

i. Pendekatan Kontrasti

Pendekatan Kontrastif merupakan kajian perbandingan antara dua bahasa atau lebih dari segi fonologi, morfologi dan sintaksis dan budaya.

ii. Perbandingan Sintaksis

Merujuk kepada analisis perbandingan atau analisis kontrastif yang dilakukan terhadap topik sintaksis bahasa Melayu dan bahasa Arab yang ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tahun 4 dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Arab Tahun 4. Perbandingan ini bertujuan untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan di antara sistem kedua-dua bahasa tersebut. Hasil perbandingan ini akan dijadikan garis panduan oleh pengkaji dalam mereka bentuk isi pengajaran dan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab iaitu M-SABA.

iii. Sintaksis Asas

Sintaksis Asas ini adalah merujuk kepada topik-topik sintaksis yang telah dinyatakan di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tahun 4 dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Arab Tahun 4.

iv. Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA)

Modul yang dihasilkan oleh pengkaji setelah pemerian topik-topik sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab dilakukan. Ia merupakan satu preskripsi lengkap yang menjelaskan tentang apa yang perlu dilakukan oleh pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (*student algorithm*), peranan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (*teacher algorithm*) serta tugasan

yang perlu dilaksanakan oleh pelajar (*task algorithm*) semasa menggunakan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA). Modul ini digunakan oleh kumpulan rawatan untuk melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab.

v. **Bahasa ibunda**

Bahasa pertama yang dikuasai oleh pelajar-pelajar Melayu iaitu bahasa Melayu.

vi. **Bahasa kedua/ ketiga / asing**

Merujuk kepada bahasa Arab yang sedang dipelajari oleh pelajar-pelajar di sekolah rendah.

vii. **Kumpulan Kawalan**

Merujuk kepada sekumpulan pelajar sekolah rendah yang mengikuti kajian ini. Mereka diajar oleh guru bahasa Arab menggunakan pendekatan konvensional, iaitu pendekatan sedia ada yang diamalkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab.

viii. **Kumpulan Rawatan**

Merujuk kepada kumpulan pelajar sekolah rendah yang mengikuti kajian ini. Kumpulan ini diajar oleh guru bahasa Arab menggunakan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab yang dihasilkan daripada analisis perbandingan sintaksis bahasa Melayu dan bahasa Arab.

1.10 Rangka Kajian

Penulisan tesis ini terbahagi kepada enam bab utama. Setiap bab dimulai dengan pendahuluan dan diakhiri dengan rumusan.

Bab Satu adalah bab pengenalan yang merangkumi pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Kerangka teoritikal kajian dan konseptual kajian sebagai asas yang mendasari dalam kajian ini. Selain itu bab ini juga membincarakan tentang kepentingan kajian, batasan kajian, definisi kajian, rangka kajian dan rumusan.

Bab Dua berkaitan dengan kajian literatur yang merangkumi tajuk seperti pengajaran nahu, kaedah pengajaran nahu, dasar pengajaran nahu di Malaysia, pendekatan analisis kontrastif, latar belakang analisis kontrastif, kritikan dan implikasi analisis kontrastif dalam pedagogi. Sementara itu, Teknologi Instruksi, reka bentuk instruksi dalam pengajaran, Model Dick & Carey (2005), tinjauan kajian berkaitan kajian analisis kontrastif bahasa Melayu dan bahasa kedua serta kajian analisis kontrastif bahasa Melayu dan bahasa Arab, kajian berkaitan dan pembinaan modul pengajaran bahasa Arab di Malaysia juga di perincikan dalam kajian literatur ini.

Bab Tiga menerangkan tentang metodologi kajian. Reka bentuk kajian ini dibahagikan kepada reka bentuk kajian deskriptif dan rekabentuk kajian kuasi-eksperimen. Variabel dan sampel kajian, prosedur kajian di sekolah, instrumen

kajian serta kesahan kajian dikenalpasti dalam bab ini. Seterusnya kesahan instrumen kajian diuji. Kebolehpercayaan instrumen kajian dan kajian rintis modul pengajaran juga dibincangkan dalam bab ini.

Bab Empat membincangkan pembinaan modul sintaksis asas bahasa Arab (M-SABA). Reka bentuk pembinaan modul sintaksis asas bahasa Arab (M-SABA) menggunakan Pendekatan Kontrastif dan Reka bentuk Sistem Instruksi (ISD), model Dick & Carey. Sementara model Instruksi Dick & Carey mencadangkan satu proses yang lengkap dan bersistematik meliputi tahap pembinaan bahan, proses penilaian serta semakan bahan proses pengujian keberkesanan bahan yang dihasilkan.(Dick & Carey 2005).

Bab Lima adalah bab analisis data kajian iaitu data kualitatif dan kuantitatif bersumberkan daripada 3 peringkat kajian. Iaitu peringkat pertama data kajian kualitatif iaitu (a) mengenal pasti ciri-ciri persamaan dan perbezaan sintaksis asas bahasa Arab dan bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan kontrastif. Peringkat kedua data kuantitatif dari kajian deskriptif iaitu (b) mengenal pasti aras kesukaran responden terhadap elemen-elemen tatabahasa Arab yang terkandung di dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4 KSSR. Pengkaji menggunakan reka bentuk kaedah deskriptif melalui ujian kecekapan tatabahasa berdasarkan kepada elemen tatabahasa yang terkandung di dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4 KSSR. Berdasarkan kepada dapatan peringkat pertama dan peringkat kedua, pengkaji dalam peringkat ketiga data kajian kuasi eksperimen iaitu (c) membina sebuah

Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) yang berasaskan Model Rekabentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005) dan seterusnya menilai keberkesanannya modul tersebut dengan menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen.

Bab Enam adalah kesimpulan dan cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji rentetan dari dapatan kajian Pembinaan dan Penilaian Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA). Bab ini diakhiri dengan implikasi kajian terhadap pedagogi pengajaran bahasa Arab, penggubalan kurikulum dan penulisan buku teks serta implikasi terhadap pensyarah bahasa Arab di IPGM dan IPTA. Akhir sekali pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan.

1.11 Rumusan

Bab satu ini menghuraikan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian juga dikemukakan bagi dijadikan panduan dan landasan dalam pembentukan soalan kajian, hipotesis kajian dan kerangka teoritikal dan konseptual kajian, kepentingan kajian dan definisi istilah. Seterusnya bab ini membincangkan kepentingan dan batasan kajian serta menjelaskan beberapa istilah penting yang digunakan dalam penulisan tesis.

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Dalam bab dua ini, pengkaji membincangkan secara ringkas mengenai pengajaran nahu Arab dan dasar pengajaran nahu Arab di Malaysia. Seterusnya pengkaji membincangkan mengenai teori dan pendekatan analisis perbandingan atau analisis kontrastif yang digunakan sebagai satu pendekatan tambahan dalam pengajaran nahu bahasa Arab di Malaysia. Analisis Kontrastif merupakan satu pendekatan yang digunakan untuk menganalisis perbandingan di antara satu sistem bahasa dengan sistem bahasa yang lain sama ada dalam bidang fonologi, morfologi atau sintaksis dan lain-lain lagi. Selanjutnya pengkaji membincangkan teknologi intruksi yang mengemukakan model yang digunakan dalam penghasilan modul sintaksis asas bahasa arab (M-SABA), iaitu model reka bentuk modul Dick & Carey 2005.

2.1 Pengajaran Nahu

Ilmu nahu yang merangkumi morfologi dan sintaksis merupakan kaedah atau rumus yang digunakan untuk melahirkan ungkapan bahasa yang betul, walaupun tanpa menggunakan istilah yang khusus. Oleh itu, nahu sebenarnya merupakan *wasilah* atau cara, bukan *ghayat* atau tujuan sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibnu Khaldun، . مِنْ عِلْمِ الْوَسَائِلِ وَلَيْسَ مِنْ عُلُومِ الْمَقَاصِدِ وَالْغَایَاتِ Nahu juga merupakan ilmu yang bersepada dengan ilmu-ilmu bahasa yang lain dan tidak dapat dipisahkan dari bahasa itu sendiri. Menurut Ibnu Jinī (tt,1:35) nahu adalah mengikut cara percakapan orang Arab. Nahu merupakan satu ilmu yang mesti dimiliki oleh sesiapa sahaja yang ingin

mempelajari bahasa Arab untuk tujuan menggunakan bahasa tersebut dengan tepat dan gramatis serta memahami maksud sesuatu ungkapan.

Nahu adalah satu elemen dalam ilmu bahasa Arab. Bidang ini akan mendedahkan pelajar kepada penyusunan struktur bahasa Arab sehingga menjadi satu susunan kata yang tepat. Pembelajaran nahu bahasa Arab mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan pembelajaran bahasa Arab secara keseluruhan. Kemampuan seseorang menggunakan bahasa Arab sama ada dalam bentuk komunikasi lisan atau tulisan itu dinilai berdasarkan kepada sejauh mana ia menguasai ilmu nahu itu sendiri. Kegagalan untuk menguasai nahu itu dengan baik akan memberi kesan yang amat mendalam terhadap penguasaan bahasa Arab secara keseluruhannya (Mohamed, A. K., Muhammad, A., & Jasmi, K. A., 2012).

2.1.1 Kaedah Pengajaran Nahu

Dalam pengajaran nahu Arab terdapat banyak pendekatan dan kaedah diaplikasikan untuk memudahkan pelajar menguasai nahu, umpamanya kaedah nahu dan terjemahan, kaedah langsung, kaedah deduktif dan kaedah induktif. Selain dari tiga kaedah itu terdapat kaedah-kaedah lain lagi, seperti kaedah teks sastera, kaedah aktiviti, kaedah penyelesaian masalah dan kaedah soal jawab.

Kesemua kaedah itu mempunyai kebaikan dan kekurangan dan juga terdedah kepada beberapa kritikan. Oleh kerana itu, beberapa kajian dan percubaan dalam bidang pengajaran nahu mendapati bahawa sukar untuk menyatakan bahawa penggunaan cara dan kaedah tertentu mengatasi cara dan kaedah lain. Begitu juga sukar untuk memastikan kejayaan sesuatu kaedah semata-mata berdasarkan kepada beberapa perubahan. Setiap kaedah pasti ada cacat celanya. Tidak semestinya

sesuatu kaedah yang berjaya dilaksanakan di Amerika dapat dilaksanakan di Malaysia dengan jayanya. Ini dapat difahamkan melalui kenyataan Ta‘imat (2004) bahawa tidak ada kaedah contoh bagi pengajaran bahasa yang sesuai untuk semua keadaan, masyarakat dan pelajar. Atan Long (1986) juga ada menyatakan bahawa dalam proses penyampaian pelajaran tidak ada suatu kaedah tertentu yang benar-benar sesuai untuk semua murid pada setiap ketika.

Walaupun begitu, sebagai langkah sementara, ada juga pakar bahasa yang mengutamakan kaedah tertentu berdasarkan logik mereka. Ada yang mengutamakan penggunaan kaedah induktif dalam pengajaran nahu Arab, seperti ‘Abd al-Ḥamīd Fāyid, Ābd al- Raḥīm Ismā‘īl dan lain-lain. ‘Ābid Tawfiq pula menyatakan bahawa berdasarkan pengalaman beliau dalam pengajaran nahu, beliau mengutamakan penggunaan dua kaedah. Pertama, memulakan pengajaran nahu dengan kaedah deduktif (*qiyāsiyah*), kemudian berpindah kepada kaedah soal jawab dan diikuti dengan kaedah induktif (*istiqrā’iyah*). Kedua, memulakan pengajaran nahu dengan kaedah induktif. Ada juga yang menyatakan bahawa kaedah elektif (*intiqā’iyah*) adalah lebih baik dan berfaedah. Ini kerana cara ini selari dengan konsep pengajaran bahasa itu sendiri, dan ia menggabungkan antara nahu dengan karangan yang membawa ke arah kemantapan bahasa dan ayat-ayat bercirikan *i‘rāb*.

Mengikut Maḥmūd Kāmil al-Nāqat (2005) bahawa kaedah pengajaran nahu yang terbaik ialah kaedah yang tidak bergantung kepada satu kaedah sahaja. Oleh itu guru mestilah menggunakan dan mencuba banyak kaedah bersesuaian dengan objektif pembelajaran, keadaan dan pelajar-pelajarnya sehingga beliau dapat menilai kaedah mana yang paling berkesan untuk digunakan. Oleh sebab nahu bukan objektif, maka tidak sepatutnya pengajaran nahu bergantung kepada pendekatan

nahu semata-mata. Ia perlu bergantung kepada pendekatan lain yang bersifat fungsian, objektif dan kemahiran dalam pemerolehan bahasa.

Sebagai kesimpulan, kaedah pengajaran terbaik dalam pengajaran nahu ialah kaedah yang dapat melaksanakan objektif pengajaran yang diharap-harapkan dengan cara termudah dan berkesan. Sesungguhnya setiap kaedah ada kebaikannya dan kekurangannya. Oleh itu, adalah lebih baik sekiranya guru menggunakan kaedah yang disenangi oleh pelajar-pelajarnya, iaitu dengan cara mempelbagaikan kaedah atau pendekatan.

Menurut Ahmad Kilani Mohamed (2003) terdapat beberapa kesilapan secara tradisi dalam pengajaran dan pembelajaran nahu Arab di mana cabang-cabang dalam bahasa Arab dijadikan sebagai matlamat pembelajaran bahasa. Sebaliknya, pembelajaran bahasa itu sendiri dijadikan sebagai alat untuk memahami cabang-cabang ilmu seperti yang disebutkan di atas. Sememangnya banyak pembaziran telah dilakukan oleh sebahagian guru-guru yang mengajar *ilmu qawā'id* (nahw dan ḥaraf) dengan memaksa para pelajar menghafaz apa yang telah diajar oleh guru kepada mereka.

Sebenarnya pendekatan yang tepat dalam pengajaran bahasa Arab ialah mengajar bahasa tersebut dengan fungsinya yang menyeluruh sebagai bahasa ilmu yang sentiasa hidup dan berkembang dalam kehidupan masyarakat. Penguasaan bahasa Arab secara bersepada akan dapat dicapai melalui pembelajaran bahasa Arab secara menyeluruh. Perkara ini sudah tentu tidak dapat dicapai secara sekali gus dan dalam jangka masa yang singkat. Pembelajaran nahu bahasa Arab perlu melalui pemeringkatan yang bermula daripada pembelajaran di peringkat sekolah rendah, diikuti dengan sekolah menengah, dan seterusnya di peringkat universiti.

Pembelajaran bahasa Arab juga perlu melalui pemeringkatan dengan cara pembelajaran bahasa yang mudah dan akan melalui peringkat pertengahan serta tinggi yang memecahkan persoalan-persoalan yang rumit yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab secara terperinci (Ahmad Kilani Mohamed et al,2003).

2.1.2 Dasar Pengajaran Nahu Arab di Malaysia

Ciri pengajaran bahasa Arab di Malaysia secara umumnya bersifat kemahiran dan bukannya bersifat satu ilmu pengkhususan. Bertitik tolak dari ciri ini, Mat Taib Pa (2006) telah menggariskan beberapa dasar pengajaran nahu yang sesuai dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran nahu di sekolah di Malaysia sama ada sekolah rendah atau menengah. Dasar tersebut adalah seperti berikut :

- i. Nahu diajar berbentuk *wazifiy* (functional).
- ii. Pengajaran struktur-struktur nahu adalah berteraskan ciri-ciri pengenalan yang berdasarkan makna dan bentuk.
- iii. Penekanan yang lebih kepada ciri-ciri nahu yang melibatkan makna.
- iv. Mendahulukan dan mengutamakan struktur nahu yang digunakan secara meluas dan peratus penggunaan adalah tinggi.
- v. Mengambil kira perbandingan struktur nahu Arab dengan bahasa Melayu.
- vi. Memperbanyakkan latih tubi untuk membentuk tabiat bahasa pelajar.
- vii. Mengajar nahu secara *istinbaṭyāt* atau *mu‘addalat*.
- viii. Mengambil kira unsur *tadarruj* atau pemeringkatan dari senang kepada susah.
- ix. Membincangkan lebih dari satu tajuk dalam satu masa.
- x. Menggunakan pendekatan agama dan komunikasi.

Menurut beliau lagi, dasar-dasar yang dicadangkan itu walaupun nampak mudah untuk diperaktikkan tetapi ia memerlukan usaha yang kuat dan masa yang panjang untuk diterjemahkan ke dalam bentuk modul-modul pengajaran bahasa. Bertitik tolak dari dasar-dasar yang telah dikemukakan oleh Mat Taip Pa (2006) tersebut, pengkaji merasakan empat dasar utama yang perlu pengkaji aplikasikan dalam penghasilan M-SABA ini ialah :

- i. Nahu yang diajar adalah berbentuk *wazifīy* (fungsi) dan *taṭbiqīy* (praktikal).

Bentuk *wazifīy* ialah pengajaran nahu sebagai satu *wasīlat* atau cara untuk memperoleh kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis, di mana penguasaan kemahiran-kemahiran ini akan membantu pelajar-pelajar menggunakan bahasa Arab yang betul. Struktur-struktur nahu yang diajar juga hendaklah berbentuk praktikal yang boleh digunakan dan bukannya berbentuk teori sahaja. Nahu perlu dikaitkan dengan penggunaannya dalam kemahiran bahasa. Sehubungan dengan itu, ‘Arif Karkhī (1996) menyarankan bahawa idea pengajaran bahasa Arab perlu bertukar dari idea *tadrīs* kepada *ta’līm*, iaitu menganggap bahasa sebagai kemahiran utama, kemudian pentingnya bertukar daripada idea *ta’līm* (mengajar) kepada idea *ta‘allum* (belajar), iaitu dengan menjadi pelajar sebagai pusat proses pengajaran, kemudian bertukar daripada idea *ta‘allum* kepada idea *iktisab*, iaitu mewujudkan suasana persekitaran bahasa yang sesuai dan hampir serupa dengan suasana orang Arab mempelajari bahasa ibunda mereka. Oleh itu, persoalan ‘ *āmil wa al-ma‘mūl, al-dhikr wa al-hadhf, al-taqdīr wa al-ta’wīl* dan pendapat ahli-ahli bahasa tentang nahu harus dielakkan.

- ii. Memastikan pelajar-pelajar menguasai dan mahir dalam kaedah-kaedah sintaksis dan morfologi asas yang merupakan tunggak kepada struktur nahu Arab yang lain. Sehubungan dengan itu, antara tajuk sintaksis yang harus dipastikan bahawa ia dikuasai dengan sebaiknya di peringkat awal pengajaran nahu ialah :

أَفْسَامُ الْكَلِمَةِ وَعَلَامَاتِهَا، التَّذْكِيرُ وَالتَّائِيَّثُ ، الْإِفْرَادُ وَالشَّتَّيْنُ وَالجَمْعُ ، النَّكِرَةُ وَالْمَعْرَفُ بِ الْإِلَهِ ،
الضَّمَائِرُ، اسْمُ الْإِشَارَةِ ، الاسمُ الْمُؤَصُّولُ.

Dari sudut morfologi pula, antara tajuk yang harus diberi penekanan ialah :

تَصْرِيفُ الْمَاضِي وَالْمُضَارِعِ وَالْأَمْرِ ، الْمَصْدَرُ ، الْمُشْتَقَّاتُ ، الْأَفْعَالُ الْمُحَرَّدَةُ وَالْمَبَدَّةُ

Dalam konteks ini juga , penekanan harus diberikan kepada bentuk/pola perkataan dan perbezaan-perbezaannya. Ini adalah perlu kerana apa yang berlaku sekarang dalam kalangan pelajar ialah mereka hanya mengetahui makna am perkataan sahaja dan bukannya ciri atau makna morfologinya.

Tajuk-tajuk di atas menurut Mat Taib Pa (1996) lagi adalah konsep asas atau tunggak kepada struktur bahasa Arab dan dalam masa yang sama adalah ciri-ciri bahasa Arab itu sendiri. Topik-topik sintaksis asas tersebut perlu dikuasai dengan baik oleh pelajar supaya mereka dapat memahami bahasa arab dan struktur nahu yang lain. Hal ini boleh mengelakkan perasaan bosan menyelubungi pelajar untuk mempelajari dan menguasai struktur yang seterusnya.

- iii. Mendahulukan dan mengutamakan struktur nahu yang digunakan secara meluas dan peratus kegunaannya adalah tinggi. Dalam konteks ini, struktur-struktur tersebut ialah **المُبْتَدأ ، الخبر ، الفاعل ، المفعول به ، الإضافة ، الصفة**.
- iv. Mengambil kira perbandingan struktur nahu Arab dengan bahasa Melayu dan kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar. Oleh itu, penekanan yang lebih hendaklah diberikan kepada struktur dan ciri-ciri nahu Arab yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu yang menyebabkan pelajar sering melakukan kesilapan seperti ciri *tadhkīr* dan *ta'nīth*, bilangan, *ta'rīf* dan *tankīr* serta kesesuaian iaitu *muṭabaqat* dari sudut tersebut.

Dasar keempat merupakan dasar yang dijadikan panduan dalam menambahkan pendekatan pengajaran sintaksis asas bahasa Arab kepada pelajar tahap dua di sekolah rendah. Pendekatan Analisis Kontrastif diterapkan dan digunakan dalam menganalisis perbandingan sintaksis bahasa Melayu dan bahasa Arab. Analisis Kontrastif digunakan kerana ia merupakan satu pendekatan sesuai bagi kajian yang berkaitan dengan perbandingan struktur antara dua bahasa atau lebih dengan tujuan untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan bahasa-bahasa tersebut seterusnya meramalkan aras kesukaran dan kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam mempelajari bahasa Arab.

Hasil dari perbandingan dan ramalan aras kesukaran akan digunapakai sebagai garis panduan pembinaan item-item sintaksis asas dalam modul rintis ini, dengan tujuan untuk membantu pelajar sekolah rendah dalam menguasai sintaksis

asas bahasa Arab khususnya dan menguasai kemahiran-kemahiran bahasa Arab yang lain.

2.2 Pendekatan Analisis Kontrastif

Kajian komparatif dalam linguistik memperlihatkan satu sejarah yang lama. Kajian ini boleh dikelompokkan kepada tiga jenis utama, iaitu Linguistik Historis Komparatif, Linguistik Tipologi Komparatif dan Analisis Kontrastif atau Kajian Kontrastif. Analisis Kontrastif (CA) adalah satu subdisiplin linguistik yang berkait rapat dengan perbandingan linguistik di antara dua bahasa atau lebih daripada dua bahasa untuk menentukan perbezaan dan persamaan di antara bahasa tersebut (Fisiak, 1981).

Kajian Analisis Kontrastif terbahagi kepada dua jenis, iaitu Analisis Kontrastif Teorikal dan Analisis Kontrastif Terapan. Analisis Kontrastif Teorikal ialah satu pemerian yang menghuraikan tentang perbezaan dan persamaan antara dua bahasa atau lebih. Analisis Kontrastif Terapan pula ialah satu perbandingan bahasa berdasarkan dapatan kajian teorikal. Dalam kajian analisis Kontrastif Terapan, seseorang pengkaji mengkaji bagaimana unsur-unsur bahasa pertama muncul dalam bahasa kedua. Kajian ini juga membandingkan ciri-ciri atau struktur linguistik dua bahasa atau lebih iaitu bahasa ibunda dan bahasa sasaran pelajar secara sistematik. Dapatan perbandingan ini memberi maklumat-maklumat penting kepada guru-guru bahasa dan penulis-penulis buku teks, membantu guru-guru bahasa untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran, membuat perancangan kursus dan teknik pengajaran di dalam bilik darjah.

Analisis Kontrastif juga penting dalam kajian yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Hammer dan Rice (1965) menyatakan :

“ a system comprarison of selected linguistic features of two or more languages, the intent of which is...to provide teachers and text book writers with a body of information which can be of service in the preparation of instructional materials, the planning of courses and development of classroom tecniques”

(Hammer and Rice,1965, dalam Roshidah, 1998:23)

Pendekatan Analisis Kontrastif menganggap bahawa para pelajar bahasa kedua atau bahasa asing akan dapat mempelajari dengan mudah unsur-unsur bahasa asing yang sama atau hampir sama dengan bahasa pertama atau bahasa ibunda pelajar. Sebaliknya, unsur-unsur yang berbeza di antara dua sistem bahasa akan merumitkan proses pembelajaran. Hal ini telah ditegaskan oleh Lado (1957:2)

“ We assume that the student who comes in contact with a foreign language will find some features of it quite easy and others extremely difficult. Those elements that are similar to his native language will be simple for him, and those elements that are different will be difficult”

Dalam hal ini, Wilkins (1972:197-198 dalam Aini Karim 2007: 22) menyokong pendapat Lado dengan kenyataan bahawa kesalahan dan kesukaran dalam pembelajaran bahasa kedua berlaku ekoran dari bahasa ibunda, di mana jika terdapat perbezaan yang ketara antara bahasa pertama dan bahasa kedua pelajar, pelajar akan sukar menguasai bahasa sasaran.

Hal ini dijelaskan oleh Wilkins, (1972) seperti berikut :

“ The errors and difficulties that occur in our learning and use of a foreign language are caused by the interference of our other tongue. Wherever the structure of the foreign language differs from that of the mother tongue, we can expect both difficulty in learning and error in performance. Learning a foreign language is essentially learning to overcome these difficulties. Where the structures of the two languages are the same, no difficulty is anticipated and teaching is not necessary. Simple exposure to the language will be enough. Teaching will be directed at these points where there are structural differences. By and large, the bigger the differences between the languages the greater the difficulties will be.”

Dalam konteks proses pengajaran bahasa kedua, bahan pengajaran yang berkesan ialah bahan pengajaran yang berdasarkan pemerian saintifik kedua-dua bahasa iaitu bahasa pertama dan bahasa kedua. Adalah lebih baik jika sekiranya sesorang pengajar khususnya pengajar yang merupakan penutur asli bahasa sasaran mempunyai pengetahuan bahasa ibunda pelajar-pelajar. Ini disebabkan pengetahuan itu membolehkan pengajar tersebut mengetahui persamaan dan perbezaan yang wujud di antara bahasa pertama dan bahasa kedua dan seterusnya dapat menyusun bahan pengajaran yang berkesan. Hal ini dijelaskan oleh Charles Fries (1945:9) bahawa :

“ The most effective materials are those that are based upon a scientific description of the language to be learned, carefully compared with a parallel description of native language of the leaner”.

Lado (1957) menegaskan bahawa dengan membandingkan secara sistematisk bahasa dan kebudayaan yang hendak dipelajari dengan bahasa natif dan budaya pelajar, kita akan dapat meramal dan menghuraikan pola-pola yang menyebabkan kesukaran dalam pembelajaran, dan dengan yang demikian ini akan memudahkan

proses pembelajaran. Di samping itu, dengan menggunakan keputusan atau hasil perbandingan linguistik antara bahasa natif dan bahasa asing atau bahasa sasaran serta kebudayaan-kebudayaan mereka, kita akan dapat mengenal pasti masalah-masalah kajian yang kita buat. Kenyataan ini ditegaskan oleh Lado (1957:7) seperti berikut :

“By using the results of linguistic and cultural comparison of native and the foreign languages and cultures, we can pin point our research problems and individuals can carry out highly significant and sorely needed experiments singlehanded”.

2.2.1 Latar belakang Analisis Kontrastif

Analisis Kontrastif adalah satu teknik menganalisis linguistik yang dikembangkan oleh Bloomfied (1914), dengan tujuan menganalisis bahasa dengan terencana. Seterusnya berkembang pada tahun-tahun 40-an dan 50-an dengan pesatnya. Walaupun istilah analisis kontrastif buat pertama kalinya wujud dalam artikel Whorf ‘*language and Logic*’ (1941), namun menurut Fisiak (1981:3), analisis kontrastif boleh disusul kembali ke hujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Penerbitan pada peringkat awal lebih tertumpu kepada teori (Gradgent,1892; Vietor,1894; J. Baudouin de countenay,1912; Bogorodickij,1915), manakala pada peringkat kedua selain pemberatan teori, aspek terapan juga tidak diabaikan.

Idea analisis kontrastif sebagai satu usaha teori telah dibentangkan dan dihalusi oleh Aliran Linguistik Prague, terutamanya oleh Mathesius(1928,1936) dan para pengikutnya. C.W. Leibniz dalam (Choi,1996:85) menyatakan bahawa tujuan asal teori perbandingan ini adalah untuk membina satu tatabahasa sejagat (Perrot,1963:102,). Analisis kontrastif diterima dan dikembangkan oleh linguis yang

lain seperti Fries (1945), Weinreich(1953), Lado(1957) dan Politzer(1965) (Minder Kaur,1994:17-18 dalam Roshidah 1998:22)

Perang Dunia ke-2 telah mencetuskan minat terhadap pengajaran bahasa asing di Amerika Syarikat. Pada ketika itu, hampir kesemua tabung penyelidikan dan ikhtiar telah disalurkan untuk mencari satu kaedah dan teknik pengajaran bahasa asing yang paling berkesan. Akibatnya, kajian kontrastif telah diakui sebagai alat metodologi yang penting dalam pengajaran bahasa asing dan memainkan peranan yang ketara dalam bidang linguistik terapan.

Penerbitan C.C.Fries yang bertajuk *Teaching and Learning of English as a Foreign Language* pada tahun 1945 telah memperluaskan dimensi pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Beliau mengasaskan kajian analisis kontrastif di Universiti Michigan. Mengikut saranan beliau, suntingan bahan-bahan pengajaran yang paling berkesan adalah bahan-bahan yang berdasarkan kajian analisis kontrastif. Fries (1945:5) mengatakan bahawa :

“Only with sound materials based upon an adequate descriptive analysis of both the language to be studied and the native language of student can an adult make the maximum progress towards the satisfactory of a foreign language”.

Uriel Weinreich telah memperkenalkan konsep gangguan yang wujud akibat pertembungan bahasa-bahasa dalam situasi multilingual pada 1953. Manakala Robert Lado (1957:vii) telah menghuraikan prinsip-prinsip, cara-cara, dan metodologi yang patut digunakan dalam kajian analisis kontrastif secara sistematis. Lado dengan jelas menyatakan bahawa kita dapat meramal dan menghuraikan pola-pola yang akan menimbulkan kesulitan dalam pembelajaran serta pola-pola yang tidak akan menimbulkan kesulitan berlandaskan perbandingan secara sistematis

antara bahasa dan budaya yang dipelajari dengan bahasa dan budaya ibunda pelajar-pelajar itu sendiri. Hal ini dinyatakan oleh Lado seperti berikut :

...the plan of the book rest on the assumption that we can predict and describe the patterns that will cause difficulty in learning, and those that will not by comparing systematically the language and culture of the student. In our view, the preparation of up-to-date pedagogical and experimental materials must be based on this kind of comparison.

2.2.2 Hipotesis Analisis Kontrastif

Analisis Kontrastif lahir dengan tujuan untuk memperlihatkan satu teori atau hipotesis atau pemerian sistem bahasa yang mencuba menjelaskan fenomena kesalahan atau kesilapan yang sering wujud dalam bahasa kedua pelajar. Hipotesis ini berkait rapat dengan konsep behaviourisme dan strukturalisme telah menghasilkan pendapat bahawa pembelajaran bahasa wujud melalui pengumpulan tabiat seseorang. Proses menganalisis struktur bahasa yang dipelajari akan memperlihatkan satu perbandingan linguistik yakni sama ada terdapat perbezaan di antara bahasa pertama dan bahasa kedua. Perbezaan yang wujud merupakan faktor yang menyulitkan pembelajaran bahasa yang baru. Dengan terdapat perbezaan di antara kedua-dua bahasa tersebut, guru dapat menelah dan menghuraikan struktur yang akan menimbulkan kesulitan di kalangan pelajar.

Versi kuat hipotesis analisis kontrastif terletak pada hujah bahawa proses pembelajaran bahasa kedua pada kenyataannya adalah proses butiran dan struktur yang berlainan daripada bahasa pertama pelajar. Banathy, Tiger dan Waddle (1974) telah menegaskan bahawa :

“The change that has to take place in the language behaviour of a foreign language student can be equated with the difficulties between the structure of the students native language and culture and that of the target language and culture.”

Versi lemah analisis kontrastif pula adalah versi yang bersifat ‘*a posteriori*’, iaitu menjelaskan sesuatu kesilapan apabila kesilapan itu telah dilakukan dan dalam hal ini konsep telahan tidak terlibat. Dengan cara demikian, para penyelidik dapat melihat bukti-bukti kesilapan yang konkrit dan mencuba menghuraikannya dengan merujuk dua sistem bahasa, iaitu bahasa pertama dan bahasa kedua.

Secara praktisnya analisis kontrastif dapat dilaksanakan dengan menjalankan satu analisis terhadap kedua-dua bahasa misalnya bahasa Melayu dan bahasa Arab untuk mengenalpasti unit-unit asas morfologi dan fonologi. Kemudian, bahan-bahan tersebut akan digred secara sintaktik mengikut kontinum mudah hingga kompleks. Akhirnya, konsep linguistik akan dikawal untuk menjaga supaya kesilapan berlaku pada paras yang minimum. Jika kesilapan masih berlaku, guru dikehendaki membetulkannya dengan secepat mungkin.

Rasional yang lahir daripada kaedah ini dipengaruhi secara langsung oleh linguistik struktural dan secara tidak langsung oleh psikologi perlakuan. Sehubungan dengan ini, para pengajur teori ini telah mendapat satu kaedah menganalisis bahasa dalam pengajaran bahasa. Pertamanya, diandaikan bahawa punca utama gangguan dalam pemelajaran bahasa kedua adalah daripada bahasa ibunda seseorang (Fries,1945; Politzer,1960) dan dalam proses tersebut pelajar memindahkan bentuk struktur dan sistemnya daripada bahasa pertama kepada bahasa kedua. Sekiranya terdapat perbezaan yang luas dari segi nahu kedua-dua bahasa

tersebut, maka sebagai akibat daripada proses pemindahan bahasa, pelajar akan terus memperlihatkan korpus yang janggal dan salah. Dalam hal ini, pelajar bukan sahaja mempelajari sistem bahasa kedua dengan secara langsung, malahan pelajar mencuba membebankan sistem bahasa pertama ke atas sistem bahasa kedua lantas berlakulah gangguan dan seterusnya wujudlah kesilapan.

Politzer (1960) menjelaskan bahawa jika terdapat perbezaan yang luas di antara dua sistem bahasa maka kemungkinan gangguan yang wujud adalah besar juga. Oleh itu, menurut para pengaruh analisis kontrastif pelajar perlu dilatih dengan cara ekstensif melalui amalan-amalan ulangan, ajukan dan penghafalan struktur-struktur bahasa kedua. Dengan cara demikian, segala gangguan akan dapat dikawal dan selanjutnya kesilapan akan dapat dielakkan.

Skinner (1938) telah menegaskan bahawa dalam memperoleh perlakuan bahasa, seseorang itu mestilah digalakkan menggunakan perlakuan ini. Perlakuan seseorang itu akan mengakibatkan berlakunya sesuatu kesudahan. Dengan menggunakan ‘approximation’ secara berulang-ulang yang akan menghasilkan sesuatu yang diingini dan dengan menggunakan strategi kontinjenensi pengukuhan, proses ini akan menghasilkan tindak balas. Menurut Skinner, perlakuan wujud bukan kerana digerakkan tetapi kerana dikukuhkan. Menurut pemerhatiannya, untuk mengubah sesuatu perlakuan, tabii yang dikehendaki perlulah dikukuhkan. Beliau selanjutnya menegaskan bahawa untuk memperoleh tabiat yang diingini, keadaan pembelajaran mestilah selaras dengan keadaan hidup yang sebenar dengan seberapa yang dapat. Walaupun begitu, ramai penyelidik yang berpendapat bahawa prinsip ini tidak selalu diamalkan di dalam bilik darjah.

Para pengkritik analisis kontrastif telah menegaskan bahawa penelahan yang dicadangkan itu menyangsikan dan berbeza daripada model linguistik yang digunakan untuk menghuraikan bahasa yang dipelajari. Mereka menolak kenyataan bahawa pelajar dapat mempelajari sesuatu bahasa dengan jayanya jika elemen-elemen bahasa tersebut sama dengan elemen bahasa jatinya dan jika berlaku keadaan sebaliknya pula, pelajar akan menempuh kesukaran mempelajari bahasa tersebut.

Oller dan Ziahossiny (1970), mendapati bahawa pelajar mengalami kesulitan menyusun urutan dan makna bahasa sasaran tidak sahaja apabila terdapatnya perbezaan yang halus di antara bahasa pertama dengan bahasa sasaran pelajar malahan apabila ada perbezaan dalam bahasa sasaran itu juga. Justeru itu, Jamaliah (1990:335) menegaskan bahawa masalah kesilapan tidak boleh terlalu dianggap menyeluruh tetapi perlu meliputi kesilapan dalam bahasa itu sendiri selain kesilapan antara bahasa. Tambahan pula, pelajar yang melakukan kesilapan yang sama dalam bahasa sasaran yang sama bukanlah merupakan pelajar-pelajar dari latar belakang yang sama malahan mereka adalah daripada latar belakang yang berbeza. Oleh itu, Analisis Kontrastif menekan bahawa proses pemelajaran bahasa kedua merupakan perisian dua sistem bahasa dan oleh yang demikian menghasilkan gangguan yang intersistematis. Pada pandangan Jamaliah (1990) pendapat ini bercanggah memandangkan pelajar lazimnya menperoleh bahasa pertama dahulu sedangkan bahasa kedua dipelajari kemudian.

Para pengaruh linguistik struktural telah mempengaruhi hipotesis analisis kontrastif bukan sahaja terhadap kaedah yang disebutkan tetapi terhadap konsep bahasa juga. Bloomfield serta para teoris yang lain memegang konsep bahasa yang berbentuk '*empirico mechanistic*'. Pada pandangan mereka, semua bahasa adalah

berlainan, tidak ada kategori bahasa yang dianggap sejagat. Bahasa adalah suatu sistem tabiii yang dipelajari secara berulang-ulang, secara analogi dan melalui rumus-rumus yang bersifat umum. Kesimpulannya, kesilapan dianggap sebagai ‘*counter productive*’ yakni kesilapan atau kesalahan akan menyekat proses pembelajaran. Oleh itu, langkah-langkah perlu diambil untuk membentras kesilapan melalui pembetulan secara spontan daripada guruu.

2.2.3 Kritikan dan Implikasi Analisis Kontrastif Dalam Pedagogi

Sungguhpun analisis kontrastif telah banyak menyumbang dalam bidang pengajaran bahasa asing namun analisis kontrastif dikritik oleh golongan linguis. Kritikan itu adalah berkenaan dengan andaian analisis kontrastif. Analisis kontrastif mengutamakan perbezaan antara B1 dan B2 kerana perbezaan tersebut akan menimbulkan masalah dalam proses pembelajaran B2. Selain itu, konsep ramalan (*prediction*) yang merupakan tumpuan dalam penyataan Lado juga menjadi tanda tanya kepada linguis yang lain yang mempersoalkan kuasa ramalan analisis kontrastif . Pokok persoalan yang menjadi kritikan utama ialah :

1. Kesahan tentang kuasa ramalan analisis kontrastif

Kesalahan yang dilakukan oleh pelajar bukan sahaja berlaku apabila terdapat perbezaan B1 dan B2 iaitu bukan sahaja disebabkan oleh gangguan B1 tetapi disebabkan oleh faktor lain. Dulay dan Burt (1974) menamai kesalahan ini sebagai ‘*unique goofs*’. Menurut Dulay dan Burt ‘*unique goofs*’ ialah kesalahan yang bukan disebabkan oleh gangguan B1 dan juga tidak terdapat dalam data pemerolehan B2. Kesalahan-kesalahan seperti intralingual dan ‘*developmental errors*’ juga tidak

dapat diramal oleh analisis kontrastif. Faktor lain yang menyebabkan berlakunya kesalahan mungkin seperti berikut:

- a) Generalisasi melampau B2 (*over-generalization*)

Generalisasi melampau B2 bermakna seseorang pelajar cuba mencipta struktur yang menyimpang dalam B2 berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang terhad dalam B2.

“...the leaner creates a deviant structure on the basis of his experience of other structures in the target language.”

Menurut Jobokovits ialah “ *The use of previously available in new situations... In second language learning...some of strategies will prove helpful in organising the facts about the second language, but others, perhaps due to superficial similarities, will be misleading and inapplicable*”.

Menurut Hamdi (dalam Mohammad:2002), generalisasi melampau ini kadang-kadang berfaedah dan kadang kala menyesatkan. Fenomena ini merangkumi keadaan-keadaan yang dibawa oleh pelajar dengan struktur yang salah berdasarkan pengalamannya bersama struktur bahasa yang dipelajarinya sebelum ini. Sebagai contoh pelajar menggunakan bentuk kata kerja kala kini (*al- fi'l al-mudāri'*) tanpa menggunakan morfem bersama semua ganti nama. Ini sudah tentu mengurangkan beban tetapi ia menyesatkan.

- b) Kejahilan tentang sekatan peraturan (*Ignorance of rule restrictions*)

Seseorang yang mempelajari B2 itu tidak mengetahui sekatan peraturan dalam B2 dan mengaplikasikan peraturan yang tidak sesuai.

“Closely related to the generalization of deviant structures is failure to observe the restrictions of existing structures, that is, the application of rules to contexts where they do not apply”

Kejahilan atau tidak menjaga kaedah atau peraturan serta sekatan-sekatannya, atau perlaksanaan sesetengah kaedah dalam konteks yang tidak sesuai mempunyai kaitan dengan generalisasi melampau, dan mungkin boleh ditafsirkan sesetengah kesalahan seperti kesalahan analogi. Menurut Jack C.Richard (1974) analogi merupakan faktor utama dalam kesalahan penggunaan preposisi, seperti “*he said to me*” menghasilkan “*he asked to me*” atau “*we talked about it*” menghasilkan “*we discussed about it*”. Asmah Hj Omar (1980) menyatakan bahawa faktor ini berlaku berdasarkan pola bahasa yang sudah dipelajari, di mana pelajar membentuk bentuk-bentuk yang baru berdasarkan peraturan yang telah dikuasai oleh mereka sebelumnya.

c) Penggunaan peraturan secara tidak sempurna (*Incomplete application of rules*)

Dalam situasi di mana seseorang pelajar yang mempelajari B2 mengetahui peraturan secara umum dan dapat menggunakan dengan betul tetapi tidak mempelajari peraturan itu dengan sempurna. Contohnya dapat membina ayat dengan menggunakan kata tanya tetapi tidak tahu bahawa ayat tanya juga boleh dibentuk tanpa penggunaan kata tanya.

“...the occurrence of structures whose deviancy represents the degree of development of rules required to produce acceptable utterances... a statement form may used as a question, one of the transformations in a series may be omitted, or a question word may simly be added to the statement form.”

d) Andaian salah konsep (*False concept hypothesized*)

Andaian salah konsep bermakna pemahaman yang salah dalam B2. Ini kadang kala berlaku disebabkan oleh pengajar tidak dapat mengajar dengan betul.

“...these is a class of developmental errors which derive from faulty comprehension of distinctions in the target language. These are sometimes due to poor gradation of teaching items.”

Kajian-kajian yang dilakukan oleh H.V. George dan D.Lance dapat membuktikan bahawa kebanyakan kesalahan yang dilakukan oleh unsur-unsur lain daripada gangguan B2. Sebagai contoh, kata sandang dalam bahasa Arab seperti ﻀَـ ﻙـ ﺍـ (kāna) digunakan bersama kata kerja kala kini untuk menunjukkan kala lepas seperti ﻀَـ ﻙـ ﻱـ ﻕـ (kāna yaqra' membawa maksud (dia telah dia sedang membaca) dia telah membaca. Pelajar Melayu mungkin melakukan kesalahan apabila meletakkan kata kerja kala lampau selepasnya seperti ﻀَـ ﻙـ ﻕـ (kāna qara'a (dia telah dia telah membaca). Kesalahan seperti ini adalah disebabkan pelajar tidak memahami konsep kata sandang bahasa Arab dengan betul.

Abdul Halim Mohammad (2002) dalam kajiannya menjelaskan di antara faktor kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar Melayu dalam membina ayat-ayat bahasa arab tidak tertumpu pada andaian gangguan B2 tetapi dapatan beliau menunjukkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar Melayu berkait rapat dengan teknik pengajaran guru, kelemahan kurikulum SMU, YIK, penggunaan buku teks keluaran al-Azhar yang tidak sesuai dengan pelajar Melayu, sikap pelajar yang memandang bahasa Arab adalah bahasa yang sukar dan kurangnya aktiviti kebahasaan yang boleh meningkatkan penguasaan pelajar.

2. Perbezaan linguistik antara B1 dan B2

Perbezaan lingistik antara B1 dan B2 tidak sama dengan kesulitan yang dihadapi dalam proses pembelajaran. Ciri-ciri B2 tidak semestinya akan mewujudkan kesulitan dalam proses pembelajaran.

Kesimpulannya, hipotesis analisis kontrastif mempunyai pengaruh langsung dalam pengajaran, iaitu berkaitan dengan pembetulan kesilapan. Kaedah audiolingual yang berasaskan linguistik struktur telah memberikan wawasan terhadap kaedah pengajaran tertentu. Guru-guru telah diberi arahan untuk melaksanakan pembetulan terhadap kesilapan kesalahan pelajar serta merta dengan menggunakan kaedah pengukuhan, latihan perulangan dan ajukan sehingga pelajar dapat mengatasi masalah dan seterusnya mengelakkan diri daripada membuat kesalahan atau kesilapan.

Selain dari itu, hasil dari analisis kontrastif yang dilakukan oleh guru-guru dapat membantu mereka membina dan mereka bahan pengajaran seperti modul pengajaran bahasa yang lebih sistematik dan efisyen mengikut proses reka bentuk yang dicadangkan dalam teknologi instruksi untuk mencapai matlamat pengajaran yang disasarkan.

2.3 Teknologi Instruksi

Teknologi Instruksi adalah sebahagian daripada teknologi pendidikan, kerana pengertian pendidikan lebih luas daripada pengertian instruksi. Teknologi pendidikan adalah satu proses kompleks dan terpadu yang melibatkan manusia, prosedur, idea, alat dan organisasi bagi merancang, melaksanakan, menilai dan mengelola segala usaha dan urusan yang berhubungan dengan pendidikan. Manakala teknologi

instruksi adalah perancangan dan pengelolaan instruksi secara sistematis dalam merancang, mengembangkan, menilai dan mengimplementasi pengajaran secara lebih efektif. Teknologi instruksi merupakan satu sistem instruksi yang lengkap kerana terbina daripada komponen sistem instruksi seperti matlamat, bahan, alat, manusia, teknik, strategi dan situasi persekitaran.

Apabila membincangkan tentang penggunaan teknologi instruksi dalam proses pengajaran dan pembelajaran, perbincangan harus mengenangkan kebaikan dan kelebihan penggunaan teknologi tersebut serta pedagogi yang akan digunakan. Dalam bidang teknologi instruksi, terdapat dua perkara yang membincangkan hal yang demikian ini iaitu reka bentuk instruksi dan strategi instruksi. Menurut Dick &Carey (2005), reka bentuk instruksi merujuk kepada proses seorang pendidik memilih kaedah pengajaran terbaik untuk mencapai matlamat pembelajaran yang disasarkan. Strategi instruksi pula merujuk kepada keputusan-keputusan tentang pemilihan media, penyusunan objektif dan keseluruhan pendekatan pengajaran.

Reka bentuk instruksi terkandung dalam sistem instruksi dan memfokus kepada keperluan keseluruhan sistem instruksi dilaksanakan. Justeru kedua-dua reka bentuk dan sistem instruksi saling bekerjasama dalam pembangunan instruksi untuk menentukan prosedur dan kerangka bagi merancang, membangunkan dan mengadaptasi instruksi berdasarkan keperluan pelajar dan keperluan kandungan pelajaran.

2.3.1 Reka Bentuk Instruksi Dalam Pengajaran

Reka bentuk instruksi didefinisikan sebagai satu proses sistematik dan reflektif yang menterjemahkan pelbagai prinsip pembelajaran dan instruksi dalam bentuk bahan-

bahan dan aktiviti instruksi, sumber infomasi serta penilaian (Smith & Ragan,1999). Instruksi dalam pengajaran dibina berdasarkan soalan-soalan berikut: apakah matlamat utama instruksi?, apakah strategi dalam media instruksi yang digunakan?, serta bagaimanakah penilaian terhadap reka bentuk instruksi dilakukan?

Terdapat pelbagai model reka bentuk instruksi atau pendekatan instruksi yang berasaskan fahaman yang berbeza seperti fahaman behavioris, kognitivis, konstruktivis, linear dan sebagainya. Walaupun mengikut fahaman yang berlainan, asas model dan pendekatan reka bentuk instruksi ini terdiri daripada lima fasa iaitu analisis (*analysis*), reka bentuk (*design*), perkembangan (*develop*), laksana (*implement*) dan penilaian (*evaluate*), atau dikenali sebagai ADDIE di kalangan pereka bentuk instruksi (Fardouly,1998).

Model reka bentuk instruksi diklasifikasikan kepada tiga kategori utama dengan berpandukan fokus yang diberikan sama ada dalam bilik darjah, produk atau sistem (Gustafon,1991). Pengelasan model-model tersebut adalah seperti dalam jadual 2.1 berikut :

Jadual 2.1: Pengelasan model-model pembinaan modul

Kategori	Model
Bilik darjah	Gerlach dan Ely Dick dan Reiser Heinich, Molenda, Russell & Smaldino (ASSURE) The Kemp model
Produk	Van Patten Leshin, Pollock dan Reigeluth
Sistem	IDI Dick and Carey Seels and Glasgow Diamond

Reka bentuk sistem ini dipilih disebabkan sistem secara umumnya menjelaskan satu fenomena, proses atau situasi yang kompleks dan rumit. Kesemua sistem ini mempunyai lima ciri asas iaitu tujuan, fungsi, kompenen, interaksi dan saling hubung (Mudoffir, 1987; Noor Fadzilah, 2007). Justeru setiap kompenen yang kecil yang wujud dalam satu sistem mempunyai fungsi tertentu, saling berkaitan dan berhubungan di antara satu sama lain untuk mencapai tujuan atau sasaran yang khusus. Sistem selalu wujud dalam keadaan yang stabil dan sebarang perubahan kecil yang hendak dilakukan ke atas satu kompenen tertentu akan memberi kesan kepada kompenen-kompenen yang lain dan keseluruhan sistem.

Dalam bidang pendidikan, untuk menjayakan tujuan pengajaran dan pembelajaran, seseorang pendidik perlu merancang satu sistem pengajaran yang efektif yang dapat menggabungkan beberapa kompenen utama seperti bahan pengajaran, objektif pengajaran, pelajar, strategi dan pendekatan yang hendak digunakan (Dick & Reiser, 1999). Oleh yang demikian keperluan kepada teknologi instruksi dalam pendidikan tidak boleh dinafikan. Teknologi instruksi sebagai satu proses perancangan yang sistematis dengan menetapkan satu cara untuk menyusun keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran yang tersusun dan dapat membantu mencapai matlamat suatu pengajaran terancang.

2.3.2 Model Dick & Carey (2005)

Model reka bentuk Dick & Carey menggambarkan satu sistem instruksi yang lengkap. Terdapat 9 kompenen kecil dalam model ini yang saling berhubungan antara satu sama lain. Setiap kompenen mempunyai fungsi tersendiri dan sangat penting untuk menjayakan pembelajaran pelajar:

1. Menetapkan matlamat pengajaran
2. Melakukan analisis pengajaran / kenal pasti kelakuan masuk pelajar.
3. Menulis objektif tingkah laku
4. Membina item-item rujukan kriteria
5. Membina strategi pengajaran
6. Membina dan memilih bahan pengajaran
7. Membina dan mengendali Penilaian formatif
8. Penilaian Sumatif
9. Semak instruksi (meliputi semua kompenen)

Model Dick & Carey dimulai dengan mengenal pasti matlamat instruksi.

Matlamat instruksi merujuk kepada apa yang pelajar dapat lakukan setelah mereka selesai mengikuti satu sesi pembelajaran. Maka fokus utama pada peringkat mengenal pasti matlamat pengajaran ialah pelajar dan hasilan belajar bukan kepada proses melaksanakan pengajaran tersebut. Menurut Dick & Carey empat ciri objektif pelajaran yang baik ialah *output* pelajar dinyatakan dengan jelas, menjelaskan apa yang pelajar perlu capai, matlamat pengajaran berkait rapat dengan masalah pembelajaran yang dikenal pasti serta matlamat tersebut boleh dicapai melalui implementasi instruksi tersebut.

Langkah seterusnya ialah melakukan analisis instruksi yang bertujuan untuk mengenal pasti kemahiran dan pengetahuan yang perlu dipelajari oleh pelajar serta menentukan langkah-langkah yang perlu diikuti untuk mencapai matlamat tersebut. Berdasarkan Gagne (1978), kategori matlamat pengajaran dipecahkan kepada

empat domain utama iaitu psikomotor, kemahiran intelek, sikap dan informasi verbal.

Peringkat ketiga model Dick & Carey ialah peringkat mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran sedia ada yang perlu ada pada setiap pelajar sebelum mereka dapat memulakan pembelajaran. Setelah mengumpulkan maklumat asas tentang pelajar dan menentukan matlamat umum pengajaran dan pembelajaran barulah seseorang pengajar dapat menulis objektif pembelajaran secara khusus.

Langkah seterusnya ialah penetapan objektif pembelajaran iaitu penjelasan tentang apa pelajar dapat lakukan apabila mereka selesai menjalani sesuatu instruksi. Berdasarkan Kemp (1998) terdapat tiga fungsi utama objektif proses pengajaran. Pertama: objektif membantu pengajar untuk mereka bentuk pengajaran yang sesuai terutamanya dalam memilih dan menyusun aktiviti instruksi. Kedua: objektif adalah sebagai panduan kepada guru membina ujian bagi menilai pencapaian pelajar, manakala fungsi objektif seterusnya ialah memberi garis panduan tentang apa yang perlu pelajar perlu pelajari dan kemahiran yang perlu mereka kuasai. Oleh itu, penulisan objektif ini memberi impak kepada aspek pengajaran guru dan pembelajaran pelajar.

Sesuatu objektif terdiri daripada tiga komponen asas. Komponen pertama menghuraikan tentang perilaku yang pelajar dapat tunjukkan sebagai hasil pengajaran. Komponen kedua menghuraikan tentang keadaan yang mengkehendaki pelajar menunjukkan perilaku yang diingini. Komponen ketiga merujuk kepada kriteria atau piawai yang mesti ditepati agar pencapaian mereka diterima. Penulisan objektif mestilah dalam bentuk tingkah laku yang boleh diukur, iaitu memilih penggolongan kata kerja yang hasilnya dapat dinilai secara objektif seperti

menyenaraikan, menyatakan, membezakan dan sebagainya. Justeru penulisan objektif yang kabur, subjektif dan tidak jelas perlu dielakkan.

Model Dick & Carey kemudiannya berkembang ke peringkat seterusnya iaitu peringkat pembinaan ujian rujukan Kriteria. Ujian rujukan kriteria dibina bagi mengukur kemampuan pelajar seperti yang telah dinyatakan dalam objektif pembelajaran. Justeru, item-item dalam rujukan kriteria perlulah selari dan khusus kemahiran dan pengetahuan pelajar seperti yang telah ditetapkan. Ujian rujukan kriteria penting kerana ia membantu pengajar untuk menilai pelajarnya serta memberi maklumat mengenai keberkesanan program instruksi yang dijalankan. Terdapat empat jenis ujian, iaitu pra ujian, pasca ujian, ujian awal dan ujian gabungan.

Peringkat seterusnya ialah memilih dan mengenal pasti strategi yang digunakan dalam instruksi. Pemilihan strategi bergantung kepada kesesuaian matlamat dan objektif pembelajaran, pengetahuan dan kemahiran semasa pelajar serta isi kandungan pelajaran yang hendak dipelajari. Terdapat lima komponen utama yang perlu diambilkira dalam memilih strategi yang hendak digunakan iaitu pra instruksi, penyampaian isi pelajaran, penglibatan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, ujian-ujian penilaian dan langkah susulan seperti pengayaan dan pemulihan.


Langkah ketujuh dalam model Dick & Carey ialah membina item dan memilih media pengajaran. Media merupakan apa juga alat, benda dan perkakasan yang dapat membantu memudahkan aktiviti pengajaran. Seseorang tenaga pengajar boleh memilih sama ada hendak menggunakan media sedia ada atau membina sendiri media pengajarannya. Justeru peranan pengajar dalam pelaksanaan instruksi

ini bergantung kepada jenis media yang dipilih. Dalam memilih media pengajaran, faktor-faktor berikut perlu dipertimbangkan iaitu ketersediaan media, pengurusan media, daya ketahanan media serta kos penggunaannya.

Penilaian formatif adalah satu proses mengumpul data dan maklumat sepanjang proses pembinaan dan pembangunan instruksi, di mana data tersebut dapat digunakan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan reka bentuk instruksi yang dihasilkan. Berdasarkan Dick & Carey (2005) terdapat tiga fasa penilaian formatif iaitu dalam format satu dengan satu iaitu penilaian klinikal, kumpulan kecil pelajar (8-20 pelajar) dan kumpulan lapangan. Penilaian formatif ini adalah proses penilaian yang bersifat positif, konstruktif dan bukan bertujuan untuk menilai kerana tujuannya adalah semata-mata untuk menambah baik program pengajaran yang sedang dijalankan. Berbeza dengan penilaian formatif, penilaian sumatif pula dilakukan dengan tujuan melihat keberkesanan program pengajaran yang telah dilaksanakan.

Kesemua komponen dalam modul ini mempunyai fungsi tersendiri dan saling kait mengait antara satu sama lain. Sentiasa akan berlaku proses penyemakan semula terhadap mana komponen dalam mereka bentuk sesebuah pengajaran. Semakan semula ini perlu untuk memastikan keseluruhan proses pengajaran ini berjalan selari dan teratur bagi mencapai matlamat pengajaran yang disasarkan.

Kesimpulannya proses pembinaan instruksi pengajaran berdasarkan model Dick & Carey dapat diringkaskan dalam rajah 2.1 berikut :



Rajah 2.1: Model Dick & Carey 2005

2.4 Tinjauan Kajian Berkaitan

Kajian Analisis Kontrastif antara bahasa Melayu dan bahasa kedua yang lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Perancis, bahasa Sepanyol dan bahasa yang lain bukanlah satu bidang kajian yang baru di Malaysia. Terdapat ramai para sarjana telah menjalankan kajian dalam bidang ini:

2.4.1 Kajian Analisis Kontrastif Bahasa Melayu dan Bahasa Kedua

Antara kajian analisis kontrastif antara bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa lain adalah seperti berikut :

Kajian Choi Kim Yok (1986) telah menghuraikan aspek-aspek di dalam bidang morfologi bahasa Melayu seperti pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Seterusnya beliau membandingkannya dengan sistem morfologi bahasa Perancis. Sumalee Nimmanupap (1989) telah menghuraikan tentang perbandingan dalam bentuk kata panggilan antara bahasa Melayu dan bahasa Thai dari sudut sosiolinguistik.

Kajian Alicia Atilio (1996) menghurai perbandingan sistem verbal bahasa Melayu dan bahasa Sepanyol. Menurut dapatan kajian beliau, perbezaan yang ketara antara bahasa Melayu dan bahasa Sepanyol menyukarkan pelajar-pelajar Melayu mempelajari bahasa Sepanyol.

Haded Mohd.Said Salem (1997) telah menjalankan kajian kontrastif yang membandingkan sistem verbal bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Beliau mendapati perbezaan yang ketara di antara bahasa Inggeris dan bahasa Arab menyebabkan kesukaran yang nyata timbul di kalangan pelajar Arab dalam mempelajari bahasa Inggeris dan beliau mencadangkan metod komunikasi yang telah dimajukan semenjak tahun 1980an digunakan secara meluas untuk meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di kalangan orang-orang Arab.

Krishnasamy, N.Hariharan (1993) menghuraikan sistem kata nama dalam bahasa Melayu dan bahasa Tamil. Menurut beliau perbezaan yang ketara di antara

kedua bahasa menjadi masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar India dalam mempelajari bahasa Melayu.

Soh Bee Kwee (1996), mendapati perbezaan yang ketara di antara penggunaan penjodoh bilangan antara bahasa Melayu dan bahasa Mandarin menyebabkan kecacatan penggunaannya dalam kalangan pelajar Melayu. Hal ini menjelaskan keberkesanan pembelajaran bahasa Mandarin kalangan pelajar Melayu.

Roshidah Hassan (1998) telah menghuraikan tentang perbandingan kata ganti nama antara dua bahasa dari sudut morfologi dan juga sosiolinguistik. Menurut beliau persamaan struktur antara kedua bahasa diramalkan tidak menimbulkan kesukaran dalam proses pembelajaran bahasa Perancis di kalangan pelajar Melayu. Namun begitu, perbezaan yang ketara antara penggunaan kata ganti nama khusus untuk maskulin dan feminin serta kata ganti nama diri ketiga tunggal dan jamak diramalkan menimbulkan kesukaran dan menjadi masalah yang ketara di kalangan pelajar Melayu.

Dayang Aini (2003) telah melakukan satu deskripsi lengkap tentang subsistem preposisi bahasa Dusun dan bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan untuk melihat persamaan dan perbezaan dalam kedua-dua bahasa dan mengenal pasti masalah pembelajaran preposisi bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Dusun. Pengkaji menggunakan pendekatan analisis kontrastif dan pendekatan analisis kesilapan sebagai metodologi kajian. Hasil kajian menunjukkan perbezaan dari segi fungsi kata preposisi antara bahasa Dusun dan bahasa Melayu telah menimbulkan kesukaran kepada pelajar dusun dalam mempelajari bahasa Melayu.

Teo Ai Min (2003) telah mendapati punca kesilapan pelajar Melayu menguasai penjodoh bilangan bahasa Cina ialah jumlah penjodoh bilangan bahasa

Cina begitu banyak. Tumpuan khas oleh guru dan penulis buku teks dan buku latihan perlu diberikan pada aspek perbezaan ketara yang terdapat dalam bahasa tersebut.

Chai Cheo Siong (2007) telah memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang terdapat di antara dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Cina dan satu ujian preposisi telah dilakukan ke atas 96 orang pelajar Melayu di Universiti Teknologi Mara, Johor. Dapatan kajian mendapati bahawa preposisi bahasa Cina yang tidak wujud dalam bahasa Melayu menyukarkan penguasaan preposisi bahasa Cina di kalangan pelajar Melayu. Beliau mencadangkan penekanan aspek perbezaan di antara kedua-dua bahasa untuk memudahkan para pelajar Melayu menguasai preposisi bahasa Cina.

2.4.2 Kajian Analisis Kontrastif Bahasa Melayu dan Bahasa Arab

Walau bagaimana pun terdapat para sarjana lain yang telah mengadakan kajian di dalam bidang ini yang membandingkan bahasa Melayu dan bahasa Arab dari aspek fonologi, morfologi dan sintaksis. Antara mereka ialah :

Ismail Ibrahim (1990) telah membincangkan perbandingan di antara bentuk-bentuk ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu. Kajian ini telah dibentangkan di dalam Nadwah Perkembangan Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia pada 25 Ogos 1990. Sementara Muhammad Nasir (1991) telah mengkaji pembentukan ayat tanya antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Beliau telah memperjelaskan ciri-ciri utama ayat tanya kedua-dua bahasa dengan memperlihatkan persamaan dan perbezaan pembentukan ayat tanya antara kedua-dua bahasa tersebut.

Rahmat Abdullah (1992) merumuskan beberapa tindakan perlu dilakukan dalam proses pengajaran bahasa Arab. Antaranya ialah: (a) menjalankan kajian analisis kontrastif antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu dari pelbagai sudut, (b) menyediakan modul pengajaran yang berasaskan analisis kontrastif antara dua bahasa sama ada dari sudut persamaan dan perbezaan dan (c) memastikan perkataan daripada bahan pengajaran atau buku teks perlu mengambil kira perkataan-perkataan yang juga terdapat dalam bahasa Melayu.

Muhammad Zain bin Mahmud (1994) telah membincangkan penjenisan ayat-ayat yang terdapat di dalam kedua-dua bahasa Arab dan Melayu dan memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang wujud dalam pembentukan ayat-ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu. Abdul Raziq Hassan (1996) telah mengadakan kajian kontrastif bahasa Arab dan perbezaan yang wujud dalam pembentukan ayat-ayat bahasa Arab dan bahasa dari segi morfologi. Menurut beliau perbezaan yang terlalu ketara sering menimbulkan masalah yang besar di kalangan pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Arab.

Mat Taib bin Pa (1996) telah menghuraikan pembentukan frasa kata nama, frasa kata adjektif dan frasa kata kerja bahasa Arab dan bahasa Melayu. Seterusnya, beliau memperlihatkan perbezaan dan persamaan yang terdapat di dalam kedua sistem nahu. Menurut beliau perbezaan yang jelas antara dua rumpun bahasa ini menyukarkan pelajar-pelajar Melayu menguasai bahasa Arab.

Seterusnya Ghazali Yusri (2000) telah melakukan kajian analisis kontrastif antara bahasa Melayu dan bahasa Arab dari aspek kata penyambung ayat dan kata pra klausa. Kajian ini bertujuan mencari titik persamaan dan perbezaan antara kata penyambung ayat dan pra klausa dalam kedua-dua bahasa dengan harapan dapat

mengenalpasti kesukaran yang dihadapi oleh pelajar. Dalam kajiannya, beliau mencadangkan satu penyelidikan khusus tentang pengajaran berasaskan analisis kontrastif dapat dilakukan oleh pihak yang berkenaan sebagai jalan penyelesaian kepada kesukaran pelajar dalam mempelajari bahasa Arab.

Anas Maulana Nuryadi (2004) mendapati punca gangguan yang dialami oleh pelajar-pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Arab ialah perbezaan yang ketara antara pola dan struktur yang wujud antara dua bahasa tersebut. Beliau mencadangkan penumpuan dalam pengajaran morfologi diberikan kepada huruf, penggolongan kata, huruf-huruf imbuhan yang merangkumi aspek gender, *kata dual* dan jamak, mimitan (*taṣghīr*), kata nama *maṇṣūb*, *maṣdar ṣīna ‘īy*, kata nama Jati (*jāmid*) dan kata nama terbitan (*musytaq*).

Siti Aishah Ashaari (2005) telah membincangkan proses pembentukan kata adjektif dalam kedua-dua bahasa dan penggunaannya dalam pembinaan ayat. Aspek persamaan dalam posisi kata adjektif kedua-dua bahasa diramalkan tidak menyukarkan penguasaan kata adjektif bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu, tetapi aspek perbezaan yang ketara seperti persamaan gender dan bilangan kata adjektif dan kata nama dijangka menyukarkan proses penguasaan para pelajar.

Habibah Mat Rejab (2006) telah menyentuh perspektif warna dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu dari aspek sintaksis, morfologi, semantik dan juga budaya komuniti mendapati warna berada dalam kelompok kata nama. Persamaan yang umum dari segi sintaksis iaitu dari aspek susunan frasa nama dalam ayat, iaitu bermula dengan kata nama dan diikuti dengan kata adjektif warna memudahkan pelajar Melayu mempelajari bahasa Arab. Perbezaan dari penggunaan warna

berdasarkan gender menyukarkan pelajar menguasai aspek warna dalam pembinaan ayat yang gramatis.

2.4.3 Kajian Berkaitan Pembinaan Modul Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia

Hasil dari tinjauan pengkaji terhadap penggunaan modul-modul dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Malaysia, didapati tidak banyak modul pengajaran dihasilkan oleh guru-guru bahasa Arab. Kebanyakan guru bahasa Arab menggunakan lembaran kerja, buku kerja dan modul sendiri yang tidak berpandukan pada model reka bentuk modul. Begitu juga dengan penggunaan modul yang yang mengambil faedah dari pendekatan analisis kontrastif dan analisis kesilapan. Hal ini disebabkan guru tidak terdedah dengan model reka bentuk penghasilan modul. Setakat ini terdapat beberapa bahan pengajaran yang digunakan oleh mahasiswa Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya seperti *Sintaksis Bahasa Arab Mikro*, dan *Bahasa Arab Mikro* karangan Mohd.Rosdi bin Ismail.

Terdapat satu modul pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab yang digunakan di Pusat Bahasa UIAM iaitu *Ta'līm al-Lughāt al-‘Arabīyāt li al-Aghrād al-Akādimīyāt* karangan Ibrahim Aḥmad al-Fārisīy. Modul ini diguna oleh pelajar dalam pengkhususan bahasa Arab dan ilmu wahyu . Buku ini memberi penekanan kepada kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Buku ini terbahagi kepada empat bab yang merangkumi pelbagai aspek penting dalam pembelajaran bahasa Arab.

Abd. Razak Abu Chik (2004) telah membina modul pengajaran kosa kata bahasa Arab menggunakan pendekatan MUKADDAM. Modul pengajaran ini memberi panduan asas kepada pelajar dalam mengenal huruf, kamus kata serapan

dwi bahasa dan lima teks contoh. Kajian beliau membuktikan pengajaran kosa kata serapan Arab berjaya meningkatkan pemahaman perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar, seterusnya membantu pelajar membina ayat mudah bahasa arab. Namun begitu modul yang telah dibina oleh beliau tidak diuji melalui kajian kuasi eksperimen berbentuk pra dan pasca untuk melihat perbandingan pencapaian pelajar sebelum dan selepas penggunaan modul yang dibina dan dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah.

Seterusnya adalah *Modul Asas Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah* karangan Mohd. Puzhi Usop (2007). Modul ini lebih memfokuskan kepada penguasaan bahasa Arab untuk memahami makna bacaan doa dalam solat, zikir-zikir dan petikan surah-surah lazim dalam al-Quran. Modul ini mengandungi empat bahagian utama iaitu : 1) Sintaksis Asas Bahasa Arab, 2) Bacaan Dalam Ibadah , 3) Doa dan Zikir Harian dan 4) Ayat-ayat Lazim. Modul ini dijadikan bahan pengajaran tambahan kepada pelajar-pelajar Matrikulasi UIAM, Petaling Jaya. Secara umumnya, hasil kajian ini berjaya menarik minat pelajar untuk memahami bacaan doa dalam solat, zikir-zikir harian dan surah-surah Lazim. Walau bagaimana pun modul ini hanya sesuai digunakan oleh pelajar-pelajar Islam sahaja dan kurang sesuai untuk pelajar-pelajar bukan Islam dan juga kurang sesuai dijadikan bahan tambahan untuk pelajar berkomunikasi menggunakan teks yang disediakan.

Gazilah Mohd.Isa (2012) telah mengadakan kajian mengenai Pembinaan dan Penilaian Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab. Modul ini dibangunkan untuk kegunaan pelajar tingkatan 2 di sekolah menengah. Dapatan kajian membuktikan bahawa pengajaran pola ayat berbantuan modul ini telah berjaya membantu pelajar-pelajar sekolah menengah membina ayat gramatis. Namun begitu, aspek

penggunaan dan eksplorasi maklumat melalui kamus dan internet tidak diterapkan dalam modul ini, agar selaras dengan kehendak pembelajaran abad ke 21. Modul ini akan lebih menarik jika eksplorasi maklumat dapat diterapkan melalui penerokaan bahan rujukan seperti yang dintayakan.

Di antara modul pengajaran yang telah direka bentuk oleh sarjana bahasa Arab tempatan dan luar negara itu lebih memfokuskan pengajaran kepada pelajar-pelajar universiti dan orang awam yang ingin mempelajari bahasa Arab, mana kala modul yang direka bentuk oleh guru-guru sekolah sebahagiannya tidak mengikut metodologi teknologi instruksi yang menggabungkan perancangan yang teliti dengan bahan pengajaran, strategi pengajaran dan ujian-ujian pencapaian formatif dan sumatif serta tidak menggabungkan pembinaan modul dengan penilaian modul yang dibina dengan tujuan untuk melihat keberkesanan modul yang telah dilaksanakan melalui kajian kuasi eksperimen.

Justeru itu adalah diharapkan dengan terhasilnya modul rintis perbandingan sintaksis bahasa melayu dan bahasa arab yang akan direka bentuk oleh pengkaji dapat memenuhi keperluan pelajar sekolah rendah khususnya dan pelajar di sekolah menengah amnya, lebih-lebih lagi pelajar yang lemah dalam penguasaan sintaksis asas bahasa Arab.

2.5 Rumusan

Dalam bab ini dibincangkan pengajaran nahu Arab yang berkaitan dengan kaedah pengajaran nahu dan dasar pengajaran nahu Arab di Malaysia. Turut dibincangkan ialah pendekatan analisis kontrastif yang menyentuh latar belakang analisis kontrastif, hipotesis analisis kontrastif dan kritikan dan implikasi analisis kontrastif

dalam pedagogi bahasa. Perbincangan juga diteruskan dengan mengemukakan asas teknologi instruksi yang membantu guru-guru atau penggubal-penggubal bahan pengajaran mereka bentuk instruksi secara sistematik seperti penggunaan kompenen yang dicadangkan dalam model Dick & Carey 2005. Selanjutnya dibincangkan juga kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan analisis kontrastif antara bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa Arab serta penghasilan modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab oleh sarjana-sarjana bahasa Arab di Malaysia.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ketiga ini membincangkan reka bentuk kajian, boleh ubah kajian, subjek kajian, prosedur kajian dijalankan, kaedah pengumpulan data serta kaedah analisis data dan rumusan.

3.1 Reka bentuk kajian

Kajian ini telah menggabungkan reka bentuk kajian kualitatif dan kajian kuantitatif yang terdiri dari kajian deskriptif dan kuasi eksperimen. Menurut Cohen dan Manion (1989), ini bertujuan untuk mengelakkan daripada penghasilan data yang mengelirukan akibat penggunaan satu pendekatan sahaja dalam memahami proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan kata lain penggunaan triangulasi kaedah-kaedah terpilih akan dapat membantu memberi gambaran yang holistik tentang kajian ini. Istilah triangulasi merujuk kepada lebih daripada satu kaedah pengumpulan data dalam satu kajian. Menurut Chua Yan Piaw (2006), di bawah triangulasi dalam kaedah kualitatif, fenomena dilihat daripada pelbagai sudut dan perspektif yang berbeza, di mana setiap perspektif dikesan dengan menggunakan kaedah yang berlainan dan triangulasi data perlu digunakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan kajian.

Berdasarkan itu, bahagian pertama kajian yang dijalankan ini direka bentuk dengan menggunakan pendekatan analisis kontrastif, di mana satu deskripsi lengkap tentang elemen sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab dibincangkan. Bahagian kedua kajian adalah kajian deskriptif yang

melibatkan 154 orang responden dengan tujuan mengenal pasti aras kesukaran elemen sintaksis asas bahasa Arab yang dihadapi pelajar. Bahagian ketiga kajian ini akan memperlihatkan proses penghasilan modul sintaksis asas bahasa Arab (M-SABA) berdasarkan model Dick & Carey (2005) melibatkan reka bentuk kuasi-eksperimental (*quasi-experimental*) yang bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan M-SABA dalam pengajaran dan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah rendah.

3.2 Kajian Kualitatif Berdasarkan Pendekatan Kontrastif Peringkat I

Bahagian pertama kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kontrastif untuk menghuraikan ciri-ciri persamaan dan perbezaan sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab, seterusnya meramal kesukaran-kesukaran dan masalah pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab yang mungkin dihadapi oleh pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing. Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk membandingkan sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab. Sintaksis merupakan bidang bahasa yang penting dalam setiap bahasa. Mempelajari dan menguasai sintaksis bahasa Arab dapat membantu pelajar menguasai kemahiran membaca dan menulis bahasa Arab yang gramatis.

Sintaksis asas yang dihuraikan dalam kajian ini memberi maklumat mengenai struktur dan binaan ayat bahasa Melayu yang digariskan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tahun 4 KSSR dan juga struktur dan binaan ayat bahasa Arab berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Arab Tahun 4 KSSR. Kedua-

dua sistem sintaksis bahasa Melayu dan bahasa Arab yang dipilih dibandingkan dan diuraikan dengan baik. Hal ini seperti yang ditegaskan oleh Rodoff Flipovic (2001), menurutnya,

"One of the basic principles of CA methodology says that both systems have to be described equally well, especially if the two languages confronted are genetically and typologically different."

Dari segi tipologi bahasa, kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Arab jauh berbeza. Bahasa Melayu tergolong dalam rumpun Austronesia atau dikenali juga sebagai rumpun Malayo-Polinesia. Bahasa-bahasa yang menganggotai rumpun ini daripada keluarga bahasa Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polinesia. Sementara bahasa Arab dari rumpun bahasa Afro-Asiatik. Di antara bahasa yang tergolong dalam rumpun ini ialah bahasa Babylon, Assyria, Akkadia, Phoenicia, Aramaic, Ethiopia, Sabaeans, Hebrew dan lain-lain lagi. Dari segi tipologi morfologi, bahasa Melayu merupakan bahasa aglutinatif yang tinggi darjah aglunatifnya (Asmah Omar,1991:55). Manakala bahasa Arab pula merupakan bahasa yang tinggi darjah derivasinya. (Jurjāniy :1988). ‘Abd al-Razaq Ḥassan Muḥammad (1996:56) menyatakan sistem derivasi yang dimiliki oleh bahasa Arab merupakan sistem bahasa yang paling sukar untuk dikuasai oleh pelajar-pelajar bukan Arab khususnya pelajar-pelajar melayu.

Justeru, pengkaji membandingkan sintaksis asas kedua-dua bahasa ini berdasarkan model struktural (Lado,1957). Berkenaan dengan prosedur membandingkan struktur tatabahasa, Lado (1957:66), memberikan garis panduan umum seperti berikut :

"We begin with an analysis of the foreign language and compare its structure by structure with the native language. For each structure we need to know if there is a structure in the native language (L1) signaled the same way, that is, by the same formal device (L2) having same meaning, and (L3) similarly distributed in the system of that language."

Setiap struktur yang dibandingkan adalah dalam pasangan. Maksudnya, tiap-tiap struktur B2 adalah perlu dianalisis sama ada struktur itu mempunyai bentuk, maksud dan distribusi yang sama dengan struktur B1 atau sebaliknya. Sehubungan dengan itu, S.N. Sridhar (1978:214), menyatakan bahawa prinsip utama dalam metodologi analisis kontrastif ialah struktur kedua-dua bahasa yang dibandingkan mesti diuraikan dengan model teoritis yang sama.

"The prerequisite for any contrastive study is the availability of accurate and explicit description of the languages under comparison be essential that the descriptions be theoretically comparable".

Model struktural (Lado,1957) telah dipilih untuk tujuan menghurai dan membanding sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab. Seterusnya memperlihatkan persamaan dan perbezaan antara sistem kedua-dua bahasa ini dan akhirnya meramal kesukaran yang dihadapi oleh pelajar. Hasil dari ramalan aras kesukaran yang dihadapi oleh pelajar Melayu dalam menguasai sintaksis asas bahasa Arab akan digunakan sebagai garis panduan dalam membina Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA).

3.3 Kajian Deskriptif Di Peringkat II

Kajian deskriptif ini adalah kajian untuk melihat aras kesukaran murid dalam penguasaan sintaksis asas bahasa Arab berdasarkan elemen tatabahasa yang terkandung dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4 KSSR seperti berikut: iaitu; (a) pengelasan kata, (b) kata nama berdasarkan gender, (c) kata nama berdasarkan bilangan, (d) derivasi kata kerja (e) kata tunjuk (f) Kata ganti nama dan (g) kata sendi. Kajian ini melibatkan tujuh elemen tatabahasa Arab yang menjadi asas kajian. Item ujian tahap kecekapan ini terdiri dari tujuh soalan bagi melihat aras kesukaran murid menguasai sintaksis asas bahasa Arab. Kajian ini dijalankan terhadap 154 orang responden dari empat buah sekolah kebangsaan di Pulau Pinang.

3.4 Kajian Kuasi-eksperimen Di Peringkat III

Kajian kuasi-eksperimen ini digunakan untuk menilai keberkesanan modul yang direka bentuk oleh pengkaji iaitu modul M-SABA. Hal ini disebabkan responden kajian tidak dapat diagihkan secara rawak. Dalam kajian ini, dua kumpulan responden adalah tidak seimbang dan tidak mempunyai ciri-ciri yang sama.

Murid Tahun 4 ini dipilih dari empat buah sekolah kebangsaan di Pulau Pinang untuk melaksanakan dua jenis pendekatan pengajaran. Kumpulan rawatan diberikan olahan pengajaran, iaitu pengajaran dan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab berdasarkan pendekatan kontrastif. Manakala kumpulan kawalan mengamalkan corak pengajaran sedia ada. Ujian pra telah diberikan kepada kedua-dua kumpulan sebelum pengajaran berlangsung. Manakala ujian pasca telah dilaksanakan selepas pengajaran


sintaksis asas bahasa Arab menggunakan M-SABA. Chua (2006) menyatakan bahawa kajian kuasi eksperimen jenis ini juga dikenali sebagai reka bentuk ujian pra-pasca bagi kumpulan tidak seimbang (*Non equivalent groups pre-post tests design*). Oleh itu, reka bentuk kajian kuasi eksperimental untuk kajian ini adalah seperti rajah 3.1 di bawah:

Kumpulan rawatan	N	U ₁	X	U ₃
Kumpulan kawalan	N	U ₂		U ₄

N = Kumpulan responden tidak seimbang
X = Rawatan (M-SABA)
U = Pengukuran (Pra- Pasca)

Rajah 3.1: Reka bentuk Kajian Kuasi Eksperimen

Rajah 3.2 berikut menunjukkan reka bentuk ujian pra-pasca bagi kumpulan yang tidak seimbang dalam kajian ini. Dalam reka bentuk ini, pengkaji menggunakan pasangan kumpulan responden yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dan tidak dipilih secara rawak sebagai kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Reka bentuk kajian sebegini menjuruskan kajian ini kepada menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif sebagai kaedah utama kajian.




Rajah 3.2: Reka Bentuk Ujian Pra-Pasca bagi responden yang dipilih

Kesimpulannya reka bentuk kajian Pembinaan dan Penilaian Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab merangkumi dua bahagian iaitu bahagian pertama adalah kajian deskriptif. Dalam kajian ini pengkaji telah menganalisis persamaan dan perbezaan sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab secara naratif. Dapatan menunjukkan terdapat lima pola sintaksis ayat dasar bahasa Melayu menyamai pola ayat namaan bahasa Arab.

Bagi mengenal pasti tahap kesukaran pelajar dalam menguasai sintaksis asas bahasa Arab, pengkaji menjalankan ujian kecekapan tatabahasa Arab terhadap 154 orang sampel kajian. Dapatan menunjukkan aspek keserasian Bilangan Majmuk merupakan aspek yang paling sukar dikuasai murid, kemudian diikuti oleh Keserasian Gender Feminin dan Keserasian Gender Maskulin. Manakala elemen yang paling mudah dikuasai murid ialah pengelasan kata sendi, pengelasan kata nama dan penggunaan kata sendi. Bahagian kedua ialah kajian kuasi-eksperimen untuk menilai keberkesanan M-SABA dalam membantu murid sekolah rendah membina ayat-ayat mudah bahasa Arab yang gramatis.

3.5 Pemboleh ubah Kajian

Terdapat dua jenis pemboleh ubah digunakan dalam kajian ini iaitu pemboleh ubah tidak bersandar iaitu modul M-SABA yang mengaplikasikan pendekatan kontrastif dan bahan pengajaran sedia ada yang mengaplikasikan pendekatan konvensional. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah pencapaian murid membina ayat dasar bahasa Arab yang gramatis berlandaskan pola-pola sintaksis ayat dasar bahasa Melayu. Hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dapat dirumuskan dalam Rajah 3.3 di bawah.



Rajah 3.3: Hubungan Antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar

3.5.1 Pemboleh ubah Tidak bersandar

Pemboleh ubah tidak bersandar adalah satu pemboleh ubah yang boleh memberi kesan ke atas satu atau lebih pemboleh ubah lain dan dijangka boleh mempengaruhi pemboleh ubah lain iaitu pemboleh ubah bersandar (Nooraini, 2013). Dalam kajian ini, terdapat dua pemboleh ubah yang dibincangkan iaitu pemboleh ubah tidak bersandar iaitu pemboleh ubah intervensi dan pemboleh ubah kawalan, dan pemboleh ubah tidak bersandar.

i. **Pemboleh ubah Intervensi (Pendekatan Pengajaran menggunakan Modul M-SABA)**

Pemboleh ubah intervensi (eksperimen) iaitu Pengajaran Sintaksis Bahasa Arab berdasarkan modul iaitu M-SABA berlandaskan pendekatan kontrastif adalah pemboleh ubah tidak bersandar yang dijangka dapat menyebabkan perubahan secara terancang terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu pencapaian pelajar dalam membina ayat dasar bahasa Arab yang gramatis. Chua (2006) menyatakan bahawa perubahan pada pemboleh ubah intervensi (eksperimen) mesti berlaku sebelum perubahan berlaku pada pemboleh ubah bersandar iaitu pencapaian murid dalam membina ayat dasar bahasa Arab yang gramatis. Justeru pengkaji perlu mengawal pemboleh ubah luaran iaitu


pemboleh ubah tidak bersandar yang tidak dimanipulasi tetapi disedari oleh pengkaji yang boleh memberi kesan terhadap kedua-dua pemboleh ubah sama ada pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar.

ii. Pemboleh ubah Kawalan (Pendekatan Pengajaran Konvensional)

Pemboleh ubah kawalan adalah pemboleh ubah tidak bersandar yang bukan menjadi fokus kajian. Dalam kajian ini pendekatan pengajaran sedia ada yang diamalkan di bilik darjah sekarang adalah pemboleh ubah kawalan. Para murid dari kumpulan kawalan akan diajar dengan menggunakan pendekatan konvensional sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

3.5.2 Pemboleh ubah Bersandar

Mokhtar Ismail (2011) menyatakan bahawa pemboleh ubah bersandar dikenali sebagai pemboleh ubah bergantung atau pemboleh ubah kriteria. Ia merupakan pemboleh ubah yang diamalkan dan bergantung kepada pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar tidak boleh dimanupulasikan oleh pengkaji dan ianya boleh diukur. Dalam kajian ini pemboleh ubah bersandar ialah skor pencapaian murid dalam membina ayat dasar bahasa Arab yang gramatis. Ujian pra digunakan untuk melihat pencapaian murid dalam kedua-dua kumpulan sebelum intervensi dijalankan. Manakala ujian pasca ditadbirkan selepas intervensi dijalankan selama 5 minggu untuk melihat keberkesanan pengajaran sintaksis asas bahasa Arab berbantuan modul M-SABA. Rajah 3.4 di bawah menunjukkan perhubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian dan instrumen kajian.



Rajah 3.4: Perhubungan antara Pemboleh ubah Kajian dan Instrumen Kajian


3.5.3 Pemboleh ubah Luaran

Pemboleh ubah luaran ialah pemboleh ubah yang bukan merupakan sebahagian daripada kajian tetapi mungkin memberi kesan ke atas pemboleh ubah bersandar (Fraenkel Jack,1996:55: Gay & Asian,2006: Mohd.Majid Konting,2005). Justeru seorang pengkaji perlu memastikan bahawa tidak terdapat pemboleh ubah luaran yang boleh menjelaskan pemboleh ubah bebas iaitu kesan pengajaran dan pembelajaran yang dirancang ke atas pencapaian murid, seterusnya pengkaji dapat membuat rumusan tentang dapat penyelidikan dengan yakin. Dalam penyelidikan kuasi-eksprimen, pengkaji perlu mengawal pemboleh ubah luaran daripada mempengaruhi pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa pemboleh ubah luaran yang boleh menjelaskan pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Antara pemboleh ubah luaran ialah sikap murid, kecerdasan murid, cara penyampaian guru dan personaliti guru. Sebagai contoh, pengkaji tidak menetapkan murid-murid yang cemerlang pencapaian akademik malah mereka ini terdiri dari murid yang memiliki kepelbagaian kecerdasan.

Begitu juga dari aspek gaya dan cara penyampaian guru, pengkaji telah menyelaraskan cara perlaksanaan M-SABA dengan memberi taklimat penggunaan modul ini kepada guru-guru bahasa Arab yang terlibat dalam kajian ini, agar pemboleh ubah luaran iaitu gaya persembahan guru tidak mempengaruhi dan memberikan impak kepada skor pencapaian murid.

Berikut adalah hubungan antara pemboleh ubah bersandar, pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah luaran yang dapat dirumuskan dalam rajah 3.5.



Rajah 3.5: Hubungan antara pemboleh ubah bersandar pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah luaran

3.6 Sampel Kajian

Kajian dilakukan di sekolah rendah iaitu empat buah kebangsaan di Pulau Pinang. Pemilihan sekolah ini dibuat berdasarkan keempat-empat sekolah ini menjadi sekolah rintis yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Arab dari tahun satu persekolahan mulai tahun 2004. Data dan maklumat berkenaan dengan sekolah serta keputusan Peperiksaan Akhir Tahun 3 2013 diperolehi dari Unit Penilaian Dan Pentaksiran Sekolah. Jadual 3.1 di bawah menunjukkan pencapaian mata pelajaran Bahasa Arab dalam peperiksaan akhir tahun 2013 murid yang terlibat sebagai responden kajian.

**Jadual 3.1:Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Arab
Dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2013**

Bil	Sekolah	Jumlah Pelajar	Gred	Gred	Gred	Gred	Gred	% Lulus	% Gagal
			A	B	C	D	E		
1	SK 1	40	15	9	5	4	5	87.5	12.5
2	SK 2	38	12	12	5	6	3	92.1	7.9
3	SK 3	39	11	15	6	5	1	97.5	2.5
4	SK 4	37	10	11	6	5	5	86.1	13.9

Sekolah-sekolah ini dipilih kerana kerjasama, kesanggupan dan galakan yang ditunjukkan oleh pihak pentadbir dan guru semasa proses pemilihan sekolah tersebut di peringkat awal kajian pengkaji. Pihak pentadbir menyambut baik dan memberi keizinan membuat kajian. Sementara guru-guru pula menunjukkan minat dan harapan untuk memajukan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya sintaksis asas bahasa Arab. Mereka merupakan guru-guru j-Qaf yang telah berkhidmat di sekolah-sekolah kebangsaan lebih dari 7 tahun. Mereka sedia bekerjasama untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Sampel kajian ini terdiri daripada 154 murid tahun 4 dari empat buah sekolah kebangsaan. Seramai 150 orang berketurunan Melayu dan seramai empat orang berketurunan India. Kelas Tahun 3 SK1 dan SK3 mengandungi 39 orang murid lelaki dan perempuan, manakala kelas Tahun 3 SK2 mengandungi 38 orang murid lelaki dan perempuan dan kelas Tahun 3 SK4 mengandungi 37 orang murid lelaki dan perempuan. Dua buah kelas dari SK1 dan SK3, seramai 79 orang murid terlibat menjalani pengajaran menggunakan M-SABA (kumpulan rawatan) dan dua buah kelas lagi, seramai 75 orang murid menjalani pengajaran sedia ada (pengajaran konvensional). Keseluruhan jumlah sampel ialah 154 orang murid terlibat dalam kajian ini.

3.7 Prosedur Kajian Lapangan

Kajian ini melibatkan peringkat kedua dan ketiga seperti dalam kerangka konseptual kajian. Peringkat kedua merupakan kajian deskriptif digunakan bagi mengenal pasti aras kesukaran murid dalam menguasai elemen sintaksis asas bahasa Arab. Manakala peringkat ketiga kajian kuasi-eksperimen yang melibatkan kumpulan intervensi (eksperimen) dan kumpulan kawalan.

3.7.1 Prosedur Kajian Peringkat II (Kajian Deskriptif)

Kajian deskriptif ini bertujuan untuk melihat aras kesukaran yang dihadapi murid semasa mempelajari sintaksis asas bahasa Arab. Kajian ini dijalankan pada 4 Februari 2014 kepada 154 orang murid di empat buah sekolah kebangsaan di Pulau Pinang. Ujian Kecekapan Tatabahasa Arab ini mengandungi 7 elemen tatabahasa yang terkandung di dalam DSKP KSSR Bahasa Arab Tahun 4 iaitu; (i) pengkelasan kata, (ii) kata nama berdasarkan

gender, (iii) kata nama berdasarkan bilangan, (iv) derivasi kata kerja (v) kata tunjuk (vi) Kata ganti nama dan (vii) kata sendi.

Dapatkan daripada ujian kecekapan tatabahasa ini digunakan sebagai landasan maklumat kepada pembinaan modul M-SABA.

3.7.2 Prosedur Kajian Peringkat III (Kajian Kuasi Eksperimen)

Kajian kuasi-eksperimen ini mengambil masa selama 7 minggu. Minggu pertama diperuntukkan untuk memberi taklimat kepada pentadbir dan guru-guru yang terlibat. Ujian pra dijalankan pada minggu yang sama. Pelaksanaan pengajaran M-SABA dijalankan selama 5 minggu. Pada minggu terakhir ujian pasca ditadbirkan kepada 154 orang murid selepas intervensi dilaksanakan.

Jadual 3.2 berikut adalah rumusan perlaksanaan kajian sepanjang 20 minggu yang telah dijalankan oleh pengkaji di peringkat II dan III.

Jadual 3.2: Jadual Perlaksanaan kajian di sekolah

Bil	Perkara	Tarikh	Tindakan
1	Perbincangan dengan Guru-guru BA JQAF SK 1,SK 2,SK 3 & SK 4	25-29 Januari 2014	Pengkaji
2	Pembinaan Ujian Kecekapan Sintaksis Asas Bahasa Arab	30 Jan-02 Feb 2014	Pengkaji
3	Mentadbir Ujian Kecekapan Sintaksis Asas Bahasa Arab	04 Feb 2014	Pengkaji
4	Menilai Ujian Kecekapan Sintaksis Asas Bahasa Arab	05-07 Feb 2014	Pengkaji
5	Pembinaan M-SABA	08 Feb 2014	Pengkaji
6	Pemurnian M-SABA	01-07 Mac 2014	Pengkaji
7	Penilaian M-SABA oleh Pakar	08-20 Mac 2014	Pakar Rujuk
8	Pembinaan item ujian rintis	08-15 Mac 2014	Pengkaji
9	Perlaksanaan ujian rintis	22 Mac 2014	Pakar rujuk
10	Pembinaan item ujian pra pasca	24 Mac 2014	Pengkaji
11	Perlaksanaan ujian pra	29 Mac 2014	Guru BA
12	Perlaksanaan M-SABA	01 April – 15 Mei 2014	Pengkaji
13	Perlaksanaan ujian pasca	18 Mei 2014	Pengkaji

3.8 Teknik Pengumpulan Data

Data-data kajian ini dikumpulkan dari kaedah penyelidikan kualitatif dan kaedah penyelidikan kuantitatif. Justeru terdapat beberapa jenis instrumen dan teknik pengumpulan data digunakan dalam kajian ini. Bagi kaedah penyelidikan kualitatif kajian analisis kontrastif digunakan untuk membandingkan pola ayat dasar bahasa Melayu dengan pola ayat namaan bahasa Arab. Terdapat 5 pola ayat dasar bahasa Melayu yang menyamai pola ayat namaan bahasa Arab. Dapatan analisis perbandingan ini dijadikan pola asas pengajaran sintaksis asas bahasa Arab. Persamaan pola ini memudahkan pelajar mempelajari bahasa Arab (Lado,1957; Fries 1945; Aini Karim,2007).

Data penyelidikan kuantitatif diperolehi melalui instrumen ujian kecekapan tatabahasa Arab dan ujian pra dan ujian pasca. Dapatan ujian kecekapan tatabahasa dijadikan landasan kepada pembinaan modul M-SABA. Manakala dapatan ujian pra dan ujian pasca digunakan untuk menilai keberkesanan modul M-SABA.

3.9 Instrumen Kajian

Menurut Lay Y.F & Khoo C.H (2013), instrumen kajian merupakan alat atau prosedur yang digunakan untuk mengumpul maklumat secara sistematik. Dalam kajian ini dua set instrumen digunakan dalam peringkat II dan peringkat III.

3.9.1 Instrumen Kajian Peringkat II: Ujian Kecekapan Tatabahasa Arab

Ujian kecekapan tatabahasa Arab yang telah digubal oleh pengkaji mengandungi elemen-elemen sintaksis asas bahasa Arab yang terkandung dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4 KSSR (BPK, 2012). Set soalan ini digubal untuk mengenal pasti tahap kesukaran murid dalam penguasaan elemen sintaksis asas bahasa Arab yang termaktub dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4. Item-item yang telah digubal dalam set soalan ujian kecekapan tatabahasa bahasa Arab ini dibahagikan mengikut elemen tatabahasa Arab Tahun 4. Ujian ini mengandungi 8 item soalan seperti berikut;

Soalan Satu: Item-item yang terkandung dalam soalan ini berkenaan dengan penggolongan kata dalam bahasa Arab. Soalan ini adalah untuk menguji aras mengingat dan kefahaman murid dalam aspek penggolongan kata bahasa Arab iaitu kata nama, kata kerja dan kata sendi. Murid dikehendaki mengategorikan perkataan bahasa Arab mengikut aspek penggolongan kata.

Soalan Dua: Item-item yang dibina dalam soalan ini adalah untuk menguji kecekapan murid dalam membezakan kata nama maskulin dan kata nama feminin dan padanannya dalam ayat. Murid dikehendaki mengisi tempat kosong dengan yang sesuai mengikut gender. Item soalan ini menjurus kepada keupayaan murid untuk menganalisis bentuk-bentuk kata nama.

Soalan Tiga: Item-item soalan ini dibina bertujuan untuk menguji kecekapan murid dalam mengenal pasti kata nama tunggal, kata nama dual dan kata nama

majmuk. Murid dikehendaki memilih jawapan yang betul dengan meletak garisan pada jawapan yang betul. Item ini juga bertujuan menguji keupayaan murid menganalisis kata nama mufrad, kata nama dual dan kata nama majmuk dari segi keserasian bilangan

Soalan Empat: Item-item dalam soalan ini menguji kecekapan murid dalam penguasaan kata kerja dan derivasinya. Penggubalan item soalan ini adalah bertujuan untuk menguji tahap kecekapan murid dalam mengenal pasti pembahagian kata kerja kala lampau, kala kini dan kata kerja perintah dan keserasian subjek dan predikat (kata kerja) dari aspek gender dan aspek bilangan. Murid dikehendaki melengkapkan ayat dengan perkataan yang disediakan.

Soalan Lima: Item-item dalam soalan ini menguji kecekapan murid dalam penguasaan kata ganti nama tunjuk. Penggubalan item soalan ini adalah bertujuan untuk menguji tahap kecekapan murid dalam mengenal pasti penggunaan kata nama tunjuk dan keserasian dari sudut gender. Murid-murid dikehendaki memilih jawapan aneka pilihan.

Soalan Enam: Item-item dalam soalan ini menguji kecekapan murid dalam penguasaan kata ganti nama *munfaṣil* dan *muttaṣil*. Penggubalan item soalan ini adalah bertujuan untuk menguji tahap kecekapan murid dalam mengenal pasti penggunaan kata nama *munfaṣil* dan *muttaṣil* dan keserasian dari gender dan bilangan. Murid-murid dikehendaki menukarkan kata ganti

nama *munfaṣil* dan *muttaṣil* mengikut kategori kata ganti nama pertama, kata ganti nama kedua dan kata ganti nama ketiga.

Soalan Tujuh: Item-item dalam soalan ini menguji kecekapan murid dalam penguasaan kata sendi. Penggubalan item soalan ini adalah bertujuan untuk menguji tahap kecekapan murid dalam mengenal pasti penggunaan kata sendi. Murid-murid dikehendaki menyesuaikan lajur A dengan lajur B dan juga dengan lajur C bagi membentuk ayat bahasa Arab yang gramatis.

Dalam kajian ini, Ujian Kecekapan Asas Sintaksis dibentuk berdasarkan Taksonomi Bloom. Menurut Noor Rohana (2007) taksonomi soalan merupakan satu kerangka konseptual dalam membentuk dan membina soalan berdasarkan kepelbagaiannya aras kognitif, bermula dari aras kognitif rendah kepada aras kognitif yang lebih tinggi yang mencabar keupayaan berfikir murid.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan aras kognitif taksonomi Bloom dalam merangka item soalan ujian. Berikut dinyatakan pengelasan taksonomi Bloom mengikut aras domain kognitif iaitu (a) aras pengetahuan, (b) aras kefahaman, (c) aras aplikasi, (d) aras analisis, (e) aras sintesis, dan (f) aras mencipta. Dalam membina instrumen ujian pra dan pos, pengkaji akan menumpukan kepada 4 aras taksonomi Bloom iaitu aras pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis dan mencipta.

3.9.2 Instrumen Kajian Peringkat III: Penilaian Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA)

Dalam menilai keberkesanan pengajaran sintaksis asas bahasa Arab, ujian formatif dan ujian sumatif digunakan. Ujian formatif adalah set ujian yang terdapat di dalam setiap unit modul M-SABA. Manakala ujian pra pasca adalah set ujian yang sama digubal untuk menguji tahap penguasaan murid dalam sintaksis asas bahasa Arab sebelum dan selepas intervensi dijalankan.

Ujian formatif dibina bertujuan untuk mengukur kemajuan murid, ujian ini dijalankan dari masa ke semasa untuk mengenal pasti kejayaan dan kegagalan murid dalam mengikut pembelajaran. Maklumat yang diperolehi dari dapatan ujian ini membantu guru menentukan strategi pengajaran serta aktiviti pembelajaran serta kelemahan penguasaan murid dalam sesuatu kemahiran yang dipelajari (Tan Hui Leng & Ee Ah Meng:1996). Di samping itu juga, ujian ini juga digunakan untuk mendapatkan maklum balas tentang kemajuan murid mengikuti bahan pengajaran yang dibina dan dapat digunakan dalam aktiviti pemulihan. Ujian ini juga digunakan untuk menambah baik sesuatu program yang sedang dijalankan (Dick & Carey:2005). Dalam kajian ini ujian kertas pensel formal digunakan. Ia merupakan ujian bertulis iaitu soalan dikemukakan dan jawapan harus diberi dalam bentuk tulisan juga.

Ujian sumatif digubal dan dilaksanakan untuk menguji dan mengukur gred pelajar. Dalam kajian ini, ujian sumatif terdiri dari ujian pra dan ujian pasca. Ujian ini berbentuk ujian kertas pensel formal. Ujian pra ditadbir sebelum perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab menggunakan M-SABA. Manakala ujian pasca digunakan setelah tamat proses pengajaran dan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab menggunakan

M-SABA selama 5 minggu tempoh perlaksanaannya. Hasil dapatan ujian pasca dibandingkan dengan ujian pra untuk melihat keberkesanan pengajaran sintaksis asas Bahasa Arab menggunakan modul M-SABA bagi kumpulan intervensi iaitu kumpulan rawatan dan pengajaran sintaksis bahasa Arab secara konvensional iaitu kumpulan kawalan. Ujian pra pasca ini berbentuk selari iaitu sama dari format, bilangan dan aras soalan.

i. Item-item Ujian Pra dan Ujian Pasca

Ujian pra ditadbir sebelum intervensi dijalankan manakala ujian pasca diberikan kepada murid sebagai ujian akhir selepas murid-murid mengikuti pengajaran menggunakan kelima-lima unit yang terdapat di dalam M-SABA tersebut. Soalan yang digubal mencakupi semua elemen sintaksis asas bahasa Arab berdasarkan topik pola yang terdapat dalam modul tersebut.

Set soalan pasca digubal untuk melihat keberkesanan pengajaran sintaksis menggunakan modul M-SABA. Siri ujian ini digubal mengikut elemen tatabahasa Arab Tahun 4. Ujian ini mengandungi 5 soalan seperti berikut;

Soalan Satu: Item-item yang terkandung dalam soalan ini berkenaan dengan keserasian gender maskulin dan feminin dan keserasian bilangan kata tunggal, kata dual dan kata majmuk yang membentuk pola ayat dasar bahasa Arab iaitu pola Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN). Soalan ini adalah untuk menguji murid menganalisis binaan ayat FN+FN yang serasi konstituen ayat iaitu subjek dan predikat dengan memilih jawapan yang betul dan mengisikan jawapan dalam ruangan yang disediakan.

Soalan Dua: Item-item yang terkandung dalam soalan ini berkenaan dengan keserasian gender maskulin dan feminin dan keserasian bilangan kata tunggal, kata dual dan kata majmuk yang membentuk pola ayat dasar bahasa Arab iaitu pola Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA). Soalan ini adalah untuk menguji murid menganalisis binaan ayat FN+FA yang serasi konstituen ayat iaitu subjek dan predikat dengan memadankan lajur A dan Lajur B.

Soalan Tiga: Item-item yang terkandung dalam soalan ini berkenaan dengan keserasian gender maskulin dan feminin dan keserasian bilangan kata tunggal, kata dual dan kata majmuk dan keserasian frasa nama dan kata kerja yang membentuk pola ayat dasar bahasa Arab iaitu pola Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK). Soalan ini adalah untuk menguji murid menganalisis binaan ayat FN+FK yang serasi konstituen ayat iaitu subjek dan predikat dengan membetulkan kesilapan derivasi kata kerja dan menulis semula ayat yang telah diperbetulkan.

Soalan Empat: Item-item yang terkandung dalam soalan ini berkenaan penggunaan kata sendi yang tepat. Pola ayat dasar bahasa Arab iaitu pola Frasa Nama + Frasa Sendi (FN+FS). Soalan ini adalah untuk menguji kecekapan murid menggunakan kata sendi yang tepat dalam binaan ayat FN+FS. Murid dikehendaki membina ayat dengan menggunakan kata sendi yang betul.

Soalan Lima: Item-item yang terkandung dalam soalan ini berkenaan penggunaan pola ayat dasar bahasa Arab iaitu pola Frasa Nama + Frasa Kerja

+ Frasa Sendi (FN+FK+FS). Soalan ini adalah untuk menguji kecekapan murid mengaplikasi dan menganalisis binaan ayat bahasa Arab yang gramatis. Murid dikehendaki meyusun perkataan dan membina ayat dasar mengikut pola (FN+FK+FS).

Ujian pra dan pasca ditadbirkan kepada dua kumpulan, kumpulan kawalan dan rawatan. Keputusan ujian pra dan pasca disimpan dan dianalisis untuk melihat keberkesanan modul M-SABA dalam memenuhi matlamat pengajaran iaitu murid dapat membina ayat dasar bahasa Arab secara gramatis.

3.9.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Ujian

Ciri terpenting ujian ialah kesahan. Kesahan ialah darjah setakat mana sebuah ujian itu mengukur apa-apa yang sepatutnya diukur. Ujian dikatakan sah jika ia sebenarnya mengukur pencapaian murid. Kesahan ujian bererti ujian yang dibina sah untuk sesuatu tujuan tertentu dan subjek tertentu (Mokhtar Ismail:2011). Untuk melihat kesahan kandungan soalan-soalan yang digunakan dalam kedua-dua ujian pra dan pasca dalam menilai keberkesanan modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA), pengkaji telah menjalankan prosedur pengesahan. Item ujian ini telah dinilai oleh lima orang pakar dari IPGM dan sekolah kebangsaan . Penilai-penilai terdiri dari pakar Kurikulum Bahasa Arab, Pendidikan Bahasa Arab dan 2 orang guru cemerlang bahasa Arab di sekolah kebangsaan. Senarai pakar rujuk pegggubalan soalan pra dan pasca diterangkan dalam jadual 3.3.

Jadual 3.3 : Senarai Pakar Rujuk Kesahan Soalan

Bil	Nama	Bidang Kepakaran
1	Pensyarah IPGM	Kurikulum Bahasa Arab
2	Pensyarah IPGM	Pendidikan Bahasa Arab
3	Pensyarah IPGM	Pendidikan Bahasa Arab
4	Guru Cemerlang Bahasa Arab	Kurikulum Bahasa Arab Pendidikan Bahasa Arab
5	Guru Cemerlang Bahasa Arab	Kurikulum Bahasa Arab Pendidikan Bahasa Arab

3.9.3.1 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan oleh pengkaji pada 22 Mac 2014. Seramai 30 orang murid Tahun 4 dari sebuah sekolah di negeri Pulau Pinang terlibat dalam kajian ini. Tujuan ujian rintis dijalankan adalah untuk menguji kebolehpercayaan dan meneliti ketekalan alat pengukuran yang digunakan. Selain itu, ujian rintis juga perlu bagi menentukan jangka masa yang diperlukan oleh responden untuk menjawab ujian kecekapan tatabahasa, dan ujian pra dan ujian pasca dan untuk mengetahui kesesuaian format ujian ujian tersebut.

Ujian rintis juga diadakan untuk melihat kesesuaian set ujian Sintaksis Asas Bahasa Arab dari segi kandungan, kesesuaian markah dan masa menjawab serta kejelasan arahan dan soalan. Pekali kebolehpercayaan yang didapati daripada kajian rintis ini ialah Cornbach alpha 0.732. Menurut Sakaran (1992), semakin hampir nilai Cornbach alpha kepada 1.0 maka semakin tinggi tahap kebolehpercayaannya. Nilai alpha yang kurang dari 0.6 dianggap lemah, 0.7 boleh diterima, manakala melebihi 0.8 dianggap baik. Lantaran itu, nilai Cronbach alpha instrumen ujian kecekapan tatabahasa Arab

dan ujian pra pasca bagi kajian ini adalah tinggi dan berada dalam julat yang sesuai dan ketekalan alat pengukuran boleh dipercayai.

Hasil kajian rintis menunjukkan item ujian yang digubal mudah difahami oleh murid serta menepati objektif kajian. Namun demikian, beberapa ayat yang kurang jelas maknanya telah dibaiki bagi memantapkan lagi item ujian tersebut agar ia lebih senang difahami. Responden juga memberi respon positif terhadap hampir setiap item yang terkandung di dalam ujian yang dijalankan. Ini menunjukkan format soalan dan aras ujian kecekapan tatabahasa bahasa Arab bersesuaian dengan tahap murid tahun 4 di sekolah kebangsaan.

3.10 Kesahan Kajian Kuasi-Eksperimen

Kesahan kajian kuasi-eksperimen sangat penting kerana pengkaji perlu mengawal pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak bersandar iaitu Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) dan disamping mengawal kesan pemboleh ubah-pemboleh ubah luaran yang boleh memberi ancaman kepada pencapaian yang dicapai oleh kumpulan intervensi (rawatan).

3.10.1 Kesahan Dalaman

Dalam kajian kuasi-ekperiman kesahan dalaman perlu dititikberatkan kerana faktor alternatif selain daripada program intervensi atau rawatan boleh memberi kesan kepada pencapaian dalam ujian pacsa.

Dalam kajian ini pengkaji telah mengambil langkah mengawal faktor-faktor yang mungkin menjelaskan kesahan dalaman dalam program pengajaran sintaksis asas bahasa Arab menggunakan modul M-SABA.

Menurut Noraini (2013), faktor-faktor yang boleh menjelaskan kesahan dalam sesuatu eksperimen ialah i) sejarah ii) kematangan, iii) pengujian, iv) instrumentasi, v) lokasi vi) kehilangan subjek vii) sikap subjek , viii) regresi, ix) interaksi pemilihan-kematangan x) implementasi xi) gangguan xii) pemilihan tidak adil atau ketidaksetaraan dalam pemilihan sampel xiii) pembauran. Dalam kajian ini pengkaji hanya mengambil kira faktor berikut untuk mengawal ancaman pemboleh ubah luaran terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu pencapaian murid:

i. Sejarah

Pemboleh ubah luaran sejarah merangkumi peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam persekitaran subjek dan ia memberi kesan kepada pemboleh ubah bersandar yang diukur iaitu pencapaian murid. Peristiwa-peristiwa seperti minggu bahasa, kelas tambahan, bengkel bahasa Arab mempunyai keberangkalian mempengaruhi pencapaian subjek kajian. Justeru pengkaji perlu mengawal ancaman pemboleh ubah luaran jenis ini dengan tidak memanjangkan selang masa yang lama antara pentadbiran ujian pra dan ujian pasca dalam kajian ini.

ii. Kematangan

Kematangan merujuk kepada keadaan apabila subjek kajian mungkin menjadi lebih matang dari segi biologi atau psikologi dalam selang masa antara ujian pra dan ujian pasca. Kematangan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah umur, sikap, serta cara belajar. Dalam kajian ini responden yang terlibat berumur sepuluh tahun. Ini bertepatan dengan saranan Freankel J.R & Wallen E.W (2006) iaitu satu cara untuk mengawal kesan kemantangan dalam kajian kuasi-eksperimen pengkaji hendaklah memastikan subjek yang terlibat dalam

kajian tidak mempunyai perbezaan umur yang ketara. Sementara itu, untuk memastikan pencapaian pelajar adalah disebabkan olahan pengajaran berbantuan modul M-SABA, maka pengkaji perlu mengawal ancaman jangka masa yang terlalu panjang yang boleh kesan kepada subjek kajian. Justeru, kajian pengajaran modul M-SABA hanya mengambil masa selama 7 minggu sahaja.

iii. Instrumentasi

Menurut Lay Y.F & Khoo.C.H (2013) intrumentasi pengujian merujuk kepada keadaan apabila item ujian pra adalah serupa dengan ujian pasca. Dalam hal ini subjek kajian mungkin berpeluang menghafal item-item dalam ujian pra dan berkemungkinan mendapat ujian yang lebih baik dalam ujian pasca. Oleh itu selang masa antara pentadbiran ujian pra dan ujian pasca tidak harus terlalu singkat untuk mengelakkan masalah pengujian. Justeru dalam kajian ini pengkaji telah menetapkan selang masa yang sesuai iaitu selang selama 7 minggu.

iv. Mortaliti

Menurut Freankel (2006) mortaliti bermaksud kekurangan subjek kajian dalam kumpulan yang dikaji samada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Dalam kajian ini pengkaji perlu mengawal faktor ini seperti kemungkinan subjek kajian menarik diri daripada kajian kuasi-eksperimen yang sedang berlangsung atau ketidakhadiran semasa intervensi dijalankan.

v. Ketidaksetaraan Dalam Pemilihan Sampel

Menurut Lay Y.F & Khoo.C.H (2013) pemilihan sampel yang tidak setara antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan sebelum kajian dijalankan menyebabkan dapatan kajian yang dibuat kurang tepat. Untuk mengelakan

ancaman ini berlaku, pengkaji telah memastikan subjek kajian mempunyai ciri-ciri yang setara dari segi pencapaian mata pelajaran bahasa Arab. Dalam kajian ini pengkaji telah menjadikan Ujian Akhir Tahun 3 sebagai landasan dalam menentukan ciri-ciri sampel kajian adalah hampir sama. Oleh itu tahap kesahan kajian tidak boleh dipertikaikan.

3.10.2 Kesahan Luaran

Menurut Noraini (2013), kesahan luaran merujuk kepada generalisasi iaitu sejauh mana dapatan kajian boleh digunakan kepada sampel lain di tempat atau pada masa yang berbeza. Oleh itu kesahan luaran ditentukan oleh pensampelan. Kesahan luaran merupakan elemen yang penting dalam penyelidikan eksperimen. Oleh itu bagi memastikan kesahan luaran yang tinggi, pengkaji memberi perhatian terhadap ancaman-ancaman seperti persampelan yang kurang mewakili populasi.

Dalam kajian ini, populasi yang dikaji ialah murid tahun 4 yang sedang mempelajari bahasa Arab di sekolah kebangsaan di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia di Pulau Pinang. Kesemua murid yang menjadi sampel dalam kajian ini adalah murid yang mempelajari bahasa Arab berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Arab (DSKP) Tahun 4 dan Buku Teks Bahasa Arab Tahun 4. Berdasarkan maklumat di atas, jelas bahawa kesahan luaran telah diberi perhatian oleh pengkaji. Ini jelas membuktikan bahawa sampel kajian ini menggambarkan populasi keseluruhan murid sekolah kebangsaan seluruh negara.

3.11 Prosedur Pengumpulan Data

Pengkaji melaksanakan prosedur pengumpulan data setelah mendapat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Dasar Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang dan guru besar sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian. Proses pengumpulan data ini terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat kajian analisis kontrastif iaitu perbandingan sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Peringkat kedua dan ketiga dijalankan di sekolah-sekolah yang dipilih sebagai sampel kajian. Peringkat kedua adalah kajian deskriprif yang dijalankan pada 4 Februari 2014 . Kajian ini melibatkan 154 orang responden yang menjawab instrumen kajian yang berkaitan dengan Ujian Kecekapan Sintaksis Asas Bahasa Arab. Manakala peringkat ketiga adalah kajian kuasi-eksperimen bermula pada 29 Mac 2014 dan berakhir pada 18 Mei 2014.

Pada peringkat I, proses pengumpulan data melibatkan kajian perbandingan sintaksis asas bahasa Arab. Manakala bagi peringkat II pula, proses pengumpulan data dilakukan oleh guru Bahasa Arab Tahun 4 di empat buah sekolah kebangsaan yang terlibat dalam kajian. Pungutan data bagi peringkat ini dilakukan pada 4 Februari 2014.

Peringkat III dijalankan bermula pada 31 Mac hingga 4 April 2014. Setelah sesi perbincangan dibuat di antara pengkaji, ketua panitia dan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini satu set ujia pra ditadbirkan kepada murid-murid. Selepas itu Pengkaji menerangkan tatacara pengendalian kelas intervensi (eksperimen) dan kawalan. Setelah selesai penerangan tentang peraturan pengendalian kelas intervensi dan kawalan, maka sesi pengajaran

berjalan selama 5 minggu. Kelas intervensi mengikuti pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab menggunakan modul M-SABA, manakala kelas kawalan menggunakan pendekatan konvesional.

Instrumen kajian utama di dalam proses pengumpulan data bagi kajian kuasi-eksprimen ini ialah set ujian pra dan set ujian pasca. Proses pengumpulan data dimulakan dengan memberi ujian pra kepada kelas intervensi dan kawalan. Markah ujian pra ini dijadikan asas perbandingan dengan markah yang diperolehi dalam ujian pasca. Setelah pelajar menjalani intervensi selama 5 minggu, maka proses pungumpulan data ujian pasca dijalankan. Murid-murid dalam kumpulan intervensi dan kawalan diberi ujian pasca untuk mengukur keberkesanan kedua-dua pendekatan pengajaran yang digunakan dalam kajian ini. Markah yang diperolehi dalam ujian pasca dianalisis untuk dibandingkan dengan markah ujian pra bagi melihat perbezaan pencapaian antara murid kumpulan intervensi dan murid kumpulan kawalan.

3.12 Analisis Data

Analisis data dijalankan setelah semua data mentah diperolehi. Dalam kajian ini dua jenis data dikumpul iaitu data kualitatif dan data kuantitatif . Data kualitatif adalah data yang tidak dapat diukur dengan tepat tetapi ianya dipaparkan secara naratif dalam bentuk perkataan. Manakala data kuantitatif dianalisis menggunakan nombor dan teknik-teknik analisis statistik.

3.12.1 Analisis Data Kualitatif

Data-data kualitatif diperolehi dalam kajian ini adalah berdasarkan analisis perbandingan sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab. Sintaksis asas yang dihuraikan dalam kajian ini memberi maklumat mengenai struktur dan binaan ayat bahasa Melayu yang digariskan dalam Dokumen Standard Kurikulum bahasa Melayu Tahun 4 KSSR dan juga struktur dan binaan ayat bahasa Arab berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum bahasa Arab Tahun 4 KSSR.

Kedua-dua sistem sintaksis bahasa Melayu dan bahasa Arab dipilih, dibanding dan dihuraikan dengan baik. Tujuan utama analisis perbandingan adalah untuk melihat perbezaan dan persamaan sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab. Aspek persamaan dijangka memudahkan proses pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab. Manakala aspek perbezaan dijangka menyukarkan penguasaan sintaksis asas bahasa Arab.

3.12.2 Analisis Data Kuantitatif

Analisis data-data kuantitatif yang dikumpul dalam kajian ini diproses dan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Penghasilan data dibuat dengan menggunakan program statistik IBM SPSS versi 23.

Kaedah analisis statistik deskriptif iaitu kekerapan, analisis min dan peratusan digunakan untuk menjawab soalan kajian yang kedua iaitu mengenalpasti aras kesukaran murid terhadap elemen tatabahasa Arab yang terdapat dalam DSKP bahasa Arab Tahun 4 KSSR dalam membina ayat bahasa Arab yang betul.

Manakala kaedah statistik inferensi iaitu ujian t digunakan untuk menguji hipotesis kajian bagi menjawab soalan kajian keempat untuk melihat perbezaan min skor murid kumpulan rawatan yang menggunakan modul sintaksis asas bahasa Arab (M-SABA) dan min skor murid kumpulan kawalan dalam membina ayat yang betul dan gramatis.

3.13 Rumusan

Perbincangan yang telah dipaparkan dalam bab tiga ini merangkumi reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian, prosedur kajian, tatacara pembinaan instrumen dan kajian rintis. Selain itu, boleh ubah-pemboleh ubah yang terkandung dalam kajian ini, prosedur pemerolehan data dan kaedah menganalisis data juga telah dibincangkan. Reka bentuk kajian dalam kajian ini terbahagi kepada tiga peringkat iaitu kajian deskriptif analisis kontrastif sintaksis asas bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Kajian kuantitatif yang menggunakan ujian kecekapan tatabahasa bahasa Arab di peringkat dua dan reka bentuk kuasi-eksperimen yang dijalankan ke atas dua kumpulan pelajar iaitu kumpulan rawatan (intervensi) dan kumpulan kawalan di peringkat ketiga.

BAB 4 : PEMBINAAN DAN PENILAIAN

MODUL SINTAKSIS ASAS BAHASA ARAB (M-SABA)

4.0 Pendahuluan

Bab empat membincangkan proses pembinaan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA). Huraian bab ini menjawab soalan kajian 3, iaitu Bagaimanakah Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab Berlandaskan Pendekatan Kontrastif Bahasa Melayu dan Bahasa Arab dibina? M-SABA dibina melalui 3 peringkat dengan menggabungkan pendekatan kontrastif yang merupakan kajian perbandingan antara dua bahasa atau lebih dari segi fonologi, morfologi dan sintaksis serta budaya, dan model reka bentuk Sistem Instruksi Dick & Carey, yang merupakan satu proses yang lengkap dan bersistematik meliputi tahap pembinaan bahan, proses penilaian serta semakan bahan proses pengujian keberkesanan bahan yang dihasilkan (Kemp, Morisson, & Ross, 1998).

Peringkat 1 adalah peringkat mengenal pasti ciri-ciri persamaan dan perbezaan sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab. Manakala peringkat II mengenal pasti aras kesukaran responden dalam menguasai elemen sintaksis asas bahasa Arab yang terkandung dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4, dan peringkat III mereka bentuk pembinaan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) menggunakan Reka bentuk Sistem Instruksi (ISD) Dick & Carey (2005) dan menilai keberkesanan M-SABA melalui kajian kuasi eksperimen yang melibatkan responden yang terdiri dari kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

4.1 Tujuan Pembinaan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA)

Pembinaan Modul M-SABA dalam kajian ini adalah satu usaha untuk mengatasi masalah pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab dalam kalangan murid-murid sekolah rendah dan mengatasi masalah kekurangan bahan pembelajaran pelajar yang bersifat inovasi (Kamisah Buang, 2010; Mohamad Ayob, 2013).

Penghasilan modul ini membantu murid sekolah rendah mempelajari sintaksis asas bahasa Arab dengan mudah dan berkesan, seterusnya dapat membina ayat dasar bahasa Arab dengan betul dan gramatis. Di samping itu, pengkaji dapat memperkenalkan bahan pengajaran yang berinovasi kepada guru-guru bahasa Arab di sekolah rendah. Penggunaan modul juga dapat memperluaskan bahan rujukan guru (Sharifah Alawiyah, 1981; Habibah Elias, 1991) serta dapat membantu guru mengajar sesuatu topik melalui pelbagai aktiviti terancang dan tersusun dan melatih pelajar berkeyakinan serta bekerjasama (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005). Seterusnya memberi peluang kepada pelajar memperoleh peluang belajar dengan lebih berkesan dan terancang (Nurul Wahida, 2011). Ini selaras dengan cadangan Heinich, Molenda & Russel (1982) yang menyatakan potensi pelajar boleh dipertingkatkan melalui perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara modular yang terancang.

Perancangan aktiviti pengajaran memerlukan seseorang guru merancang instruksi secara sistematik bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan (Norazah Mohd Nordin, 2010). Terdapat beberapa dapatan kajian yang menunjukkan kesan positif pengajaran dan pembelajaran berasaskan modul

terhadap pencapaian pelajar (Abdul Razak, 2004; Gazilah, 2012; Noor Jahan Sultan, 2013; Noor Miza 2015). Namun begitu tidak ada kajian berdasarkan modul yang menggunakan pendekatan kontrastif dalam pengajaran sintaksis asas bahasa Arab. Maka dalam hal ini, modul M-SABA dibina dengan menggabungkan pendekatan kontrastif yang membandingkan sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab dan Model Instruksi Dick & Carey.

4.2 Peringkat 1: Pendekatan Kontrastif Sintaksis Asas bahasa Melayu dan bahasa Arab dalam Pembinaan Modul M-SABA

Modul kajian M-SABA yang mengaplikasikan Pendekatan Kontrastif merupakan satu bahan inovasi yang diperkenalkan kepada murid-murid dan guru-guru sekolah kebangsaan untuk membantu mengatasi masalah pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab. Reka bentuk pembinaan modul ini melibatkan proses yang sistematik dalam menterjemahkan prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran ke dalam bahan atau aktiviti pengajaran dengan bertujuan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Norazah Mohd. Nordin, 2010).

Pendekatan Kontrastif digunakan sebagai asas dalam pembinaan modul ini dengan menggunakan data-data berkaitan dengan elemen asas sintaksis bahasa Melayu dan bahasa Arab yang termaktub di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun 4 sedang digunakan masa kini. Elemen asas sintaksis bahasa Melayu tersebut dibandingkan dengan sintaksis asas bahasa Arab menggunakan kaedah kontrastif. Hasil dapatan perbandingan tersebut dijadikan panduan kepada pengkaji meramal aras kesukaran pelajar dalam mempelajari

bahasa Arab dan juga dijadikan panduan asas kepada pengkaji untuk mereka bentuk modul sintaksis asas bahasa Arab (M-SABA).

4.2.1 Sintaksis

Menurut Ahmad Khair (2008:2) asal usul perkataan sintaksis adalah daripada perkataan Yunani iaitu *sun* yang bererti: “dengan” dan *tattien* yang bererti “menempatkan bersama-sama”. Oleh itu, secara etimologi, sintaksis bermaksud menempatkan kata-kata secara bersama-sama untuk menjadi kelompok kata atau ayat. Seterusnya, kata *suntattien* ini menjadi istilah *syntax* dalam bahasa Belanda dan *syntax* dalam bahasa Inggeris.

Menurut Nik Safiah Karim (2004:317) sintaksis dari segi istilah ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau kontruksi ayat. Ini bermakna sintaksis adalah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Sementara itu Abdullah Hassan (1980:164) menyatakan sintaksis merupakan istilah untuk mengkaji pembentukan ayat, iaitu bagaimana morfem dan kata disusun menjadi unit sintaksis yang kecil iaitu frasa, atau menjadi klausa dan ayat yang merupakan unit terbesar.

Daripada pelbagai definisi tersebut dapat dirumuskan bahawa sintaksis adalah kajian tentang bagaimana ayat-ayat dibentuk bermula dengan penyusunan perkataan untuk membentuk frasa, klausa dan ayat (Ahmad Khair, 2008:2).

Contoh ayat: *Budak itu baru pulang dari sekolah*

Ayat di atas mengandungi satu klausa yang terdiri daripada subjek iaitu *Budak itu*, dan predikat *baru pulang dari sekolah*. Dalam klausa tersebut, ia mengandungi satuan yang disebut frasa iaitu, *Budak itu*, *baru pulang*, dan *dari sekolah*. Dengan kata lain ayat tersebut terdiri daripada konstituen frasa dan konstituen klausa. Dalam perbahasan sintaksis, bagi ayat di atas yang dibincangkan ialah struktur frasa, klausa dan ayat. Maka dengan ini bermakna satuan yang paling kecil dikaji dalam sintaksis ialah frasa, manakala satuan yang paling besar ialah ayat.

4.2.2 Sintaksis Asas Bahasa Melayu

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Malaysia Tahun 4 KSSR (BPK,2013) telah menyatakan bahawa tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajar secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis. Dalam bahagian ini pengkaji hanya mengkaji aspek-aspek tatabahasa yang berkaitan dengan sintaksis, dan contoh-contoh penggunaan ayat yang dipetik dari buku teks Bahasa Malaysia Tahun 4 Sekolah Kebangsaan.

Menurut Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran Bahasa Malaysia (DSKP) Tahun 4 KSSR (BPK,2013), sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau kontruksi ayat. Ini selaras dengan saranan Nik Safiah Karim (2004:317) yang menyatakan bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk

membentuk ayat. Sementara itu Abdullah Hassan (1980:164) menyatakan bahawa sintaksis merupakan istilah untuk mengkaji pembentukan ayat, iaitu bagaimana morfem dan kata disusun menjadi unit sintaksis yang kecil iaitu frasa, atau menjadi klausa dan ayat yang merupakan unit terbesar.

Aspek sintaksis Bahasa Melayu Tahun 4 sekolah kebangsaan yang diberi tumpuan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Malaysia Tahun 4 (BPK:2013) adalah seperti berikut:

- a. Unsur utama yang terdiri dari daripada kata, frasa, klausa, dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat.
- b. Jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.
- c. Ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif.
- d. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan susunan songsang.
- e. Binaan dan proses penerbitan ayat.
 - i. ayat dasar
 - ii. ayat tunggal
 - iii. ayat terbitan
 - iv. ayat majmuk
- f. Aspek tanda bacaan.

Contoh penggunaan sintaksis bahasa Melayu telah dipetik dari buku teks Bahasa Malaysia Tahun 4 Sekolah Kebangsaan (2013) adalah seperti Jadual 4.1 berikut :

Jadual 4.1: Ayat Bahasa Melayu Pola FN +FN

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Setara Bahasa Arab
1	Haikal ialah anggota Kelab Doktor Muda	هَيْكَلٌ عُضُوٌّ نَادِيِّ الْأَطْبَاءِ الصَّغَارِ haikal ‘udw nādī al-’aṭibbā’ al-sīghār

Ayat 1 di atas terbentuk daripada susunan dua unsur atau *konstituen* iaitu frasa nama 1 (FN 1) iaitu : *Haikal* dan frasa nama 2 (FN 2) iaitu : *anggota Kelab Doktor Muda*. Jelas bahawa dalam contoh binaan ayat 1 terdapat hanya enam perkataan, iaitu *Haikal*, *ialah*, *anggota*, *kelab*, *doktor* dan *muda*. Namun pada umumnya binaan ayat bahasa Melayu jauh lebih panjang dan kompleks daripada binaan ayat 1 dan dapat dianalisis sebagai terdiri daripada unsur *klausa*, yang terkandung di dalamnya beberapa unsur *frasa* dan tidak hanya *perkataan*. Frasa yang terdapat dalam ayat bahasa Melayu itu mempunyai unsur-unsur tersendiri yang terdiri daripada unsur *frasa* yang lebih kecil, dan setiap satu unsur *frasa* yang kecil pula mengandungi *perkataan*.

Dalam kebanyakan bahasa, setiap ayat mempunyai struktur unsur atau struktur konstituen iaitu subjek dan predikat. Subjek ialah konstituen sama ada yang terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan, yang berfungsi sebagai frasa nama dan menjadi judul atau unsur yang diterangkan. Predikat pula ialah kumpulan perkataan yang tergolong dalam satu frasa dan menjadi unsur yang menerangkan subjek seperti dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2: Ayat Bahasa Melayu Pola FN +FK+FS

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Setara Bahasa Arab
2	<i>Kami singgah di beberapa destinasi yang menarik.</i>	نَحْنُ نَقِفُّ فِي بَعْضِ الْأَمَاكِنِ الْجَذَابَةِ <i>Nahn naqif fī ba‘d al-amākin al-jadhdhābat</i>

Ayat 2 di atas terdiri dua konstituen utama iaitu subjek dan predikat. Kata ganti nama *Kami* adalah subjek manakala unsur predikat terdiri frasa kerja *singgah* dan frasa sendi iaitu *di beberapa destinasi yang menarik..*

Unsur sintaksis bahasa Melayu yang ditekan dalam DSKP Bahasa Malaysia Tahun 4 Sekolah Kebangsaan ialah penjenisan ayat yang terdiri dari ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan. Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan untuk tujuan melakukan suatu penyataan atau mengemukakan keterangan tentang sesuatu perkara. Oleh itu ayat penyata sering juga disebut ayat keterangan. Contoh dalam jadual 4.3.

Jadual 4.3: Ayat Penyata Bahasa Melayu Pola FN +FN

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Setara Bahasa Arab
3	Ketinggian Menara Taming Sari ini ialah 80 meter.	طُولُ بُرجٍ تامينج ساري 80 مِترًا <i>tul burj tāmīnj sarī 80 mitrān</i>
4	Taman Botani merupakan tempat riadah dan rekreasi awam yang utama di Pulau Pinang .	حَدِيقَةٌ بوتاني مَكَانٌ رَئِيسيٌّ لِلرِّياضَةِ وَالنُّزُهَةِ في فولاو فيتنج <i>hadīqat būtānī makān ra ’īsīy li al-riyādat wa al-nuzhat fī Pulau Pinang</i>

Jenis kedua ialah ayat tanya, iaitu ayat yang bertujuan mengemukakan sesuatu pertanyaan. Ayat tanya dibentuk dengan menggunakan kata tanya seperti: siapa, apa, di mana, kenapa, bagai mana dan lain-lain. Pada dasarnya ayat tanya

bahasa Melayu didepani dengan kata tanya. Jadual 4.4 menunjukkan penyusunan ayat tanya dalam bahasa Melayu dan bandingan setara dengan ayat tanya bahasa Arab.

Jadual 4.4: Ayat Tanya Bahasa Melayu Pola FSN +FN

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Setara Bahasa Arab
5	Siapa nama kamu?	مَا اسْمُكَ ؟ <i>Mā ismuk?</i>
6	Di manakah Taman Botani ?	أَيْنَ تَقَعُ تَامَنْ بُوتَانِي ؟ <i>'aina taqa' tāman būtānī?</i>
7	Apakah peranan polis?	مَا ذُوْرُ الشُّرْطِيِّ ؟ <i>mā dawr al-syurtī?</i>

Jenis yang ketiga, iaitu ayat perintah diucapkan untuk tujuan memberikan arahan atau untuk tujuan menimbulkan sesuatu tindakan. Ayat perintah dapat diucapkan sama ada dalam bentuk *suruhan*, *larangan*, *silaan*, atau *permintaan*, bergantung pada jenis perkataan (perintah) yang digunakan.

Jadual 4.5: Ayat Bahasa Melayu Pola FK +FN

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Setara Bahasa Arab
8	Cubalah kamu lihat air di dalam perigi ini. (suruhan)	انْظُرْ إِلَى مَاءِ الْبَرِّ . (الأَمْرُ) <i>unzur ilā mā' al-bi'r (al-amr)</i>
9	Jangan bising. (larangan)	لَا تَعْمَلْ الصَّوْصَاءَ . (النَّهْيُ) <i>la ta'mal al-dawḍa' (al-nahy)</i>
10	Silakan duduk. (silaan)	تَفَضَّلْ بِالجُلُوسِ . (الأَمْرُ) <i>tafadḍal bi al-julūs (al-'amr)</i>
11	Tolong senyap. (permintaan)	اسْكُثْ . (الطَّلَبُ) <i>uskut (al-talab)</i>

Jadual 4.5 di atas adalah contoh ayat bahasa Melayu Pola FK +FN mewakili ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan dan ayat permintaan.

Jenis keempat ialah ayat seruan yang diucapkan secara bernada seru untuk menyatakan sesuatu keadaan perasaan seperti marah, takut, geram, takjub dan sebagainya. Biasanya dalam tulisan ayat seruan, berakhir dengan tanda seru (!).

Contoh dalam jadual 4.6 :

Jadual 4.6: Ayat Seruan Bahasa Melayu Pola FN +FN

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Setara Bahasa Arab
12	Hai, Haikal!	يا هيكل ya Haikal
13	Aduh, kepala saya pening!	أَهْ ، رَأْسِي مُدَوْخٌ ra'sī mudawwakh
14	Wah, bagus betul Nadia dan kawan-kawannya!	مَا أَحْسَنَ نادِيَة وَصَدِيقَاتِهَا mā ahsan nadiyat wa ṣadīqātihā
15	Amboi, bersihnya sungai ini!	مَا أَنْظَفَ هَذَا النَّهْرُ mā 'anzaf hadhā al-nahr

Di samping itu, aspek ragam ayat juga dititik berat dalam DSKP Bahasa Malaysia Tahun 4 yang meliputi kejadian ayat aktif dan ayat pasif. Dalam bidang sintaksis, kejadian ayat aktif dan pasif tergolong dalam huraihan ragam ayat. Ayat aktif mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai judul, manakala ayat pasif pula mengutamakan subjek terbitan sebagai judul. Bagi bahasa-bahasa seperti bahasa Melayu, hubungan antara ayat aktif dan ayat pasif, umumnya melibatkan perpindahan tempat frasa nama yang menjadi subjek dan objek ayat berkenaan, seperti yang terdapat dalam contoh berikut dalam Jadual 4.7 dan 4.8.

Jadual 4.7: Ayat Aktif Bahasa Melayu Pola FN +FK

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Setara Bahasa Arab
16	Dia membersihkan cermin mata setiap hari.	هو يُنْظَفُ النَّظَارَةُ كُلَّ يَوْمٍ . <i>huwa yunazzif al-nazzarat kulla yawm</i>

Jadual 4.8: Ayat Pasif Bahasa Melayu Pola FN +FK

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Setara Bahasa Arab
17	Cermin mata dibersihkan setiap hari.	تُنَظَّفُ النَّظَارَةُ كُلَّ يَوْمٍ . <i>tunazzif al-nazzarat kulla yawm</i>

Apabila berbincang mengenai ayat, ia juga akan menyentuh mengenai aspek susunannya. Dari aspek susunan, ayat dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu bentuk *susunan biasa* dan bentuk *susunan songsang*. Susunan biasa bermaksud binaan ayat yang mempertahankan pola ayat dasar, iaitu frasa subjek mendahului frasa predikat. Susunan ini jelas terbukti seperti dalam Jadual 4.9 .

Jadual 4.9: Ayat Bahasa Melayu Susunan Biasa Pola FN +FK

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Setara Bahasa Arab
18	Nadiyah membersihkan halaman rumahnya.	نادِيَةٌ تُنَظِّفُ سَاحَةَ بَيْتِهَا . <i>Nādiyat tunazzif sāhat baytihā</i>
19	Zakaria mempelajari tatabahasa?	زَكَرِيَّاً يَسْعَلُمُ الْقُوَاعِدَ ؟ <i>Zakarīya yata'allam al-qawā'id</i>

Sekiranya susunan frasa subjek mendahului frasa predikat itu diubah sehingga predikat pula mendahului subjek, barulah terbentuk ayat bersusunan songsang, seperti contoh Jadual 4.10.

**Jadual 4.10 : Ayat Songsang Bahasa Melayu Pola FN +FS +FN
(Ayat Songsang)**

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Setara Bahasa Arab
20	Guru sementara di sekolah itu Ali.	فِي الْمَدْرَسَةِ مُدَرِّسٌ مُؤَقَّتٌ هُوَ عَلَيْهِ (<i>fī al-madrasat mudarris mu'aqqat huwa 'alīy</i>)

Dalam bahasa Melayu, semua ayat sama ada yang pendek atau yang panjang, yang berbentuk mudah atau ayat kompleks, yang berstruktur biasa atau songsang pasti dapat dikembalikan kepada ayat dasar. Ayat dasar bahasa Melayu mempunyai empat pola utama :

- i. Pola 1 : Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN)
- ii. Pola 2 : Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK)
- iii. Pola 3 : Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA)
- iv. Pola 4 : Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FSN)

Keempat-empat pola ini dapat dilihat dengan jelas di dalam Jadual 4.11.

Jadual 4.11: Pola Ayat Dasar Bahasa Melayu

Pola	Ayat Bahasa Melayu		Ayat Setara Bahasa Arab	
	Subjek	Predikat	مبتدأ 'mubtada'	خبر 'khabar'
Pola 1	Frasa Nama	Frasa Nama	المُرَكَّبُ الاسميُّ <i>al-murakkab</i>	المُرَكَّبُ الاسميُّ <i>al-murakkab</i>
	Saya	Pelajar	<i>al-ismīy</i> أَنَا <i>anā</i>	<i>al-ismīy</i> الْإِسْمِيُّ <i>tilmīd</i> <i>tilmīdh</i>
Pola 2	Frasa Nama	Frasa Kerja	المُرَكَّبُ الاسميُّ <i>al-murakkab</i>	المُرَكَّبُ الفعليُّ <i>al-murakkab</i>
	Datuk saya	menternak ayam itik	<i>al-ismīy</i> <i>yātal-fi'l</i> جَدِيٌّ <i>jaddī</i>	<i>yurabbi</i> يُرَبِّيُ الدَّوَاجِنَ <i>al-dawājin</i>

Bersambung...

Jadual 4.11: Sambungan

Pola 3	Frasa Nama Gerai itu	Frasa Adjektif amat kotor	المُرَكَّبُ الاسميُّ <i>al-murakkab</i> <i>al-ismīy</i> الْكِشْكَ <i>al-kisyk</i>	المُرَكَّبُ الصيفيُّ <i>al-murakkab</i> <i>al-ṣifīy</i> وَسْخٌ جَدًا <i>wasikh jiddan</i>
Pola 4	Frasa Nama Lalita	Frasa Sendi Nama di Pulau Langkawi	المُرَكَّبُ الاسميُّ <i>al-murakkab</i> <i>al-ismīy</i> الْلَّاْتِيَنَا <i>Lālītā</i>	المُرَكَّبُ الجاريُّ <i>al-murakkab</i> <i>al-jariy</i> فِي جزيرة لغكاوي (<i>fī jazīrat langkawi</i>)

Ayat-ayat dasar ini boleh membentuk ayat-ayat yang lebih panjang atau lebih kompleks, iaitu ayat-ayat terbitan. Ayat terbitan terbentuk apabila beberapa unsur perkataan mahu pun unsur frasa ditambah pada frasa subjek atau frasa predikat sesuatu ayat dasar. Misalnya, bentuk ayat dasar bahasa Melayu seperti yang diberikan di atas dapat diperkembangkan menjadi ayat terbitan seperti dalam Jadual 4.12 berikut.

Jadual 4.12: Pola Ayat Terbitan Bahasa Melayu

Bil	Ayat Bahasa Melayu		Ayat Setara Bahasa Arab	
	Subjek	Predikat	مبتدأ	خبر
21	Saya	pelajar baru di sekolah kebangsaan itu.	أَنَا 'anā	تِلمِيذٌ جَدِيدٌ فِي تِلْكَ الْمَدْرَسَةِ الْأَيْتَائِيَّةِ . <i>timīdh jadīd fī tilka al-madrasat</i>
22	Datuk saya	menternak haiwan di ladang yang luas itu.	جَدِيدٌ <i>jaddī</i>	يُرَبِّيُ الْجَيْوَانَاتِ فِي الْخَلْقِ الْوَاسِعِ . <i>yurabbī al-hayawānāt fī al-haql al-wāsi'</i>
23	Gerai itu	amat kotor dan menjijikkan	الْكِشْكَ <i>al-kisyk</i>	مُؤْسَخٌ وَمُشْمَأْزٌ جَدًا . <i>muwassakh wa musyma'azz jiddan</i>
24	Lalita	di Pulau Langkawi bersama keluarganya.	الْلَّاْتِيَنَا <i>Lālītā</i>	فِي جزيرة لغكاوي مع أُسْرَتِهَا . <i>fī jazīrat langkawi ma'a 'usratihā</i>

Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tahun 4 KSSR (2013) rendah juga menekan unsur pembentukan ayat tunggal di samping ayat dasar atau ayat terbitan. Contoh ayat tunggal yang dipetik dari buku Bahasa Melayu Tahun 4 seperti jadual 4.13.

Jadual 4.13: Pola Ayat Tunggal Bahasa Melayu

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Setara Bahasa Arab
25	Saya Fatin	أَنَا فَاتِنٌ ‘anā Fātin

Ayat tunggal di atas terdiri dari dua perkataan iaitu kata ganti nama *Saya* yang merupakan subjek ayat tunggal dan *Fatin* yang merupakan predikat ayat tersebut. Jika diteliti binaan ayat tunggal, didapati binaan ayat tersebut adalah sama dengan ayat dasar, oleh itu pada pandangan pengkaji ayat tunggal termasuk dalam kategori ayat dasar. Di samping pembentukan ayat tunggal, pembentukan ayat majmuk juga digariskan di dalam DSKP BM Tahun 4. Contoh ayat majmuk telah disenaraikan dalam buku teks bahasa Malaysia Tahun 4 sebagai perbandingan untuk membezakan antara ayat tunggal dan ayat majmuk. Contoh dalam Jadual 4.14 .

Jadual 4.14: Pola Ayat Terbitan Bahasa Melayu

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Setara Bahasa Arab
26	<i>Mereka datuk dan nenek saya</i>	هُمَا جَدُّنِي وَجَدَّتِي humā jaddī wa jaddatī

Ayat di atas terdiri daripada gabungan subjek *Mereka* dan predikat *datuk dan nenek saya*. Frasa nama yang membentuk predikat dalam ayat majmuk di

atas terdiri dari gabungan kata nama, kata hubung, kata nama dan kata ganti nama.

Dari contoh-contoh ayat yang telah disenaraikan dalam buku teks Bahasa Malaysia Tahun 4 membuktikan bahawa aspek sintaksis diberi tumpuan dan penekanan yang sama dengan aspek morfologi dengan harapan pelajar-pelajar dapat menguasai dan membina ayat-ayat bahasa Melayu yang gramatis. Jelas bahawa bidang sintaksis, yang mengkaji persoalan bentuk, struktur dan binaan ayat merupakan bidang yang amat penting dalam membina kemahiran berbahasa pelajar.

Oleh itu, guru-guru seharusnya menggalakkan pelajar membina ayat-ayat bahasa Melayu yang gramatis mengikut tatabahasa bahasa Melayu, selaras dengan kehendak objektif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang di antaranya menyatakan bahawa pelajar dapat menggunakan bahasa baku yang meliputi ejaan, kosa kata, tatabahasa dan sebutan yang betul dalam aktiviti mendengar, bertutur membaca dan menulis.

4.2.3 Sintaksis Asas Bahasa Arab

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Arab Tahun 4 (BPK:2013) telah menyatakan bahawa tatabahasa bahasa Arab merupakan satu komponen utama dalam mempelajari bahasa Arab. Komponen tatabahasa perlu dipelajari oleh setiap pelajar kerana ianya dapat membantu pelajar menggunakan bahasa Arab yang tepat dan gramatis sama ada dalam pertuturan atau penulisan. Objektif pengajaran tatabahasa bahasa Arab bertujuan untuk membina kompetensi

pelajar dalam menggunakan bahasa Arab yang gramatis sama ada dari aspek morfologi atau sintaksis (*al-nahw wa al-ṣarf*).

DSKP Bahasa Arab Tahun 4 (BPK:2013) telah menetap elemen-elemen sintaksis asas bahasa Arab yang berkaitan dengan penggolongan kata seperti *ism*, *fi‘il*, *harf al-jār*, *damīr*, *ism isyārat*, *mufrad*, *muthannā* dan *jama‘*. Pembentukan ayat sama ada ayat namaan atau ayat kerjaan tidak dinyatakan secara langsung dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4. DSKP Bahasa Arab Tahun 4 hanya menyatakan pelajar dapat membina ayat berdasarkan pola *ism + ism* . Namun penggunaan ayat namaan dan ayat kerjaan tetap jelas kelihatan di dalam penulisan dan penyediaan buku teks Bahasa Arab Tahun 4.

Justeru, untuk memudahkan proses analisis perbandingan ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu, pengkaji telah mengkaji pola-pola ayat yang terdapat di dalam buku teks bahasa Arab Tahun 4, untuk dibandingkan dengan pola-pola ayat bahasa Melayu. Setelah mengkaji pola-pola ayat dasar yang terdapat dalam buku teks-buku teks bahasa Arab, didapati bidang sintaksis asas bahasa Arab yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh pelajar Tahun 4 adalah seperti kata nama (*ism*), kata kerja (*fi‘il*), kata sendi (*harf al-jār*), kata ganti nama (*damīr*), *kata nama tunjuk* (*ism al-isyārat*), kata nama tunggal (*mufrad*), kata nama dual (*muthannā*) dan kata nama majmuk maskulin (*jama‘ al-mudhakkār al-sālim*), kata majmuk feminin (*jama‘ al-mu’annath al-sālim*) dan kata majmuk *taksir* (*jama‘ al-taksīr*).

Jadual 4.15: Pola Ayat Dasar Bahasa Arab

Pola	Ayat Bahasa Arab		Bandingan Setara Bahasa Melayu	
	مبتدأ الْمُبْتَدَأُ <i>'anā</i>	خبر الْمُرْكَبُ الْأَسْمَيُ <i>tilmidh</i>	Subjek	Predikat
Pola 1	الْمُرْكَبُ الْأَسْمَيُ <i>al-kisyak</i>	الْمُرْكَبُ الْأَسْمَيُ تَلْمِيذٌ <i>wasikh jiddan</i>	Frasa Nama Saya	Frasa Nama Pelajar
Pola 2	الْمُرْكَبُ الْأَسْمَيُ <i>jaddī</i>	الْمُرْكَبُ الْأَسْمَيُ وَسِخٌ جَدًا <i>yurabbi al-dawājin</i>	Frasa Nama Gerai itu	Frasa Adjektif amat kotor
Pola 3	الْمُرْكَبُ الْأَسْمَيُ <i>Lālitā</i>	الْمُرْكَبُ الْأَسْمَيُ فِي جَزِيرَةِ لَغْوَافِي <i>fī jazīrat Langkawi</i>	Frasa Nama Datuk saya	Frasa Kerja menternak ayam itik
Pola 4	الْمُرْكَبُ الْأَسْمَيُ <i>jaddī</i>	الْمُرْكَبُ الْأَسْمَيُ يَدْهَبُ إِلَى الْحَقْلِ <i>yadhab ilā al-haql</i>	Frasa Nama Lalita	Frasa Sendi Nama di Pulau Langkawi
Pola 5	الْمُرْكَبُ الْأَسْمَيُ <i>jaddī</i>	الْمُرْكَبُ الْأَسْمَيُ + الْمُرْكَبُ الْأَسْمَيُ يَدْهَبُ إِلَى الْحَقْلِ <i>yadhab ilā al-haql</i>	Frasa Nama Datuk saya	Frasa Kerja + Frasa Sendi pergi ke ladang

Jadual 4.15 di atas menunjukkan pola ayat bahasa Arab yang terdapat dalam buku teks Bahasa Arab Tahun 4 yang telah dipetik oleh pengkaji sepanjang proses perbandingan sintaksis bahasa Melayu dan bahasa Arab dijalankan. Jadual 4.15 juga menunjukkan pola ayat dasar bahasa Arab yang menyamai pola ayat dasar bahasa Melayu. Pengetahuan tentang persamaan pola ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam kalangan muird, memudahkan proses pembelajaran bahasa sasaran iaitu bahasa Arab kerana mereka merasai diri mereka lebih dekat dengan bahasa yang dipelajari (Freeman, 1986).

4.2.3.1 Elemen Tatabahasa Arab Dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4 KSSR dan Buku Teks Bahasa Arab Tahun 4

Berikut adalah elemen-elemen sintaksis asas bahasa Arab Tahun 4 yang telah digariskan di dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4 (2013) :

a. Kata Ganti Nama **الضمير**

Jadual 4.16 menunjukkan elemen kata ganti nama **(الضمير)** yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi Bahasa Arab Tahun 4 KSSR, iaitu kata ganti nama tak bersambung **(الضمير المنفصل)** dan kata ganti nama bersambung **(الضمير المتصل)**. Kata Ganti Nama tak bersambung terdiri daripada perkataan *'anā, naḥnu, huwa, hiya, 'anta* dan *'anti*. Manakala kata ganti nama bersambung pula terdiri daripada perkataan berikut : *y, nā, hu, hā, ka* dan *ki*. Jadual 4.16 berikut menjelaskan elemen kata ganti nama yang terdapat dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4.

Jadual 4.16 : Elemen Kata Ganti Nama al-damīr Dalam Sintaksis Bahasa Arab

Bil	Sintaksis Asas Bahasa Arab	Bandingan Setara Bahasa Melayu
	الضمير <i>al-damīr</i>	Kata Ganti Nama
	الضمير المنفصل <i>al-damīr al-munfaṣil</i>	Kata Ganti Nama Tak Bersambung
1	أنا <i>'anā</i>	Saya
	نحونا <i>naḥnu</i>	Kami (Maskulin dan Feminin)
	هو <i>huwa</i>	Dia (Maskulin)
	هي <i>hiya</i>	Dia (Feminin)
	أنت <i>'anta</i>	Awak (Maskulin)
	أنتِ <i>'anti</i>	Awak (Feminin)

bersambung...

Jadual 4.16: Sambungan

Bil	الضمير المُتَّصِّل <i>al-damīr al-muttaṣil</i>	Kata Ganti Nama Bersambung
2	يَ <i>ī</i>	Saya
	نَ <i>nā</i>	Kami (Maskulin dan Feminin)
	هُ <i>hu</i>	Dia (Maskulin)
	هَا <i>hā</i>	Dia (Feminin)
	كَ <i>ka</i>	Awak (Maskulin)
	كِ <i>ki</i>	Awak (Feminin)

Berikut adalah penggunaan elemen tatabahasa yang terdiri dari kata ganti nama, kata sendi, kata nama tunjuk, kata kerja, kata nama mufrad, kata nama dual dan kata nama majmuk yang membentuk ayat namaan telah dipetik oleh pengkaji dari buku teks Bahasa Arab Tahun 4. Jadual 4.17 berikut menunjukkan penggunaan kata ganti nama dalam binaan ayat bahasa Arab.

Jadual 4.17: Kata Ganti Nama Bahasa Arab

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Setara Bahasa Melayu
27	نَحْنُ نُسَاعِدُ الْفَلَاحَ فِي زِرَاعَةِ الْأَرْضِ <i>naḥnu nusā'id al-fallāḥ fi zirā'at al-'aruz)</i>	Kami sedang membantu petani menanam padi.
28	فِي قَرِبَتِي شَجَرَةٌ عَالِيَّةٌ <i>fī qaryatī syajarat 'āliyat</i>	Terdapat seohon pokok tinggi di kampung saya.
29	أَنَا أَقْفُ وَرَاءَكَ <i>'anā 'aqif warā'ak</i>	Saya berdiri di belakang awak
30	كُلُّهَا حَيَوَانَاتٌ أَلِيفَةٌ <i>kulluhā ḥayawānāt 'alifat</i>	Semuanya binatang jinak
31	هُوَ يُرَبِّي الْبَقَرَةَ <i>huwa yurabbī al-baqarat</i>	Dia memelihara lembu betina

b. Kata Sendi الظَّرْفُ (*al-żarf*)

Jadual 4.18 berikut menunjukkan elemen الظَّرْفُ (*al-żarf*) dalam sintaksis asas bahasa Arab.

Jadual 4.18: Elemen al-żarf Dalam Sintaksis Bahasa Arab

Bil	Sintaksis Bahasa Arab	Bandingan Setara Bahasa Melayu
3	الظَّرْفُ <i>al-żarf</i>	Kata Sendi
	فَوْقَ <i>fawqa</i>	Di atas
	مُنْخَتَ <i>tahta</i>	Di bawah
	وَرَاءَ <i>warā'a</i>	Di belakang
	عِنْدَ <i>inda</i>	Ada / di sisi
	أَمَامَ <i>'amāma</i>	Di hadapan
	يَسَارٌ <i>yasār</i>	Di kiri
	يَمِينٌ <i>yamīn</i>	Di kanan

Elemen الظَّرْفُ (*al-żarf*) tidak dinyatakan dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4, tetapi penggunaan elemen ini dalam binaan ayat bahasa Arab terdapat di dalam buku teks Bahasa Arab Tahun 4 dengan jelas. Jadual 4.19 berikut adalah contoh ayat-ayat yang mengandungi elemen *al-żarf* (الظَّرْفُ) yang telah dipetik dari buku teks Bahasa Arab Tahun 4.

Jadual 4.19: Contoh ayat-ayat yang mengandungi elemen al-żarf

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Setara Bahasa Melayu
32	الْمُصْبَاحُ فَوْقَ الْمَعْلُمِ <i>al-miṣbah fawqa al-mu'allim</i>	Lampu di atas guru
33	الْحَرُوفُ السَّمِينُ مُنْخَتَ الشَّجَرَةِ <i>al-kharuf al-'ahmar tahta al-syajarat</i>	Biri-biri yang gemuk itu di bawah pokok

bersambung...

Jadual 4.19: Sambungan

34	الْهَاتِفُ الْأَحْمَرُ أَمَامُ الْخَارِسِ <i>al-hatif 'amāma al-haris</i>	Telefon berwarna merah di hadapan pengawal
35	الدُّلَّابُ وَرَاءَ الْمَعْلَمِ <i>al-dulāb wara'a al-mu'allim</i>	Almari di belakang guru
36	عِنْدِي وَاحِدَةٌ وَثَلَاثُونَ بَقَرًا <i>'indī wāhidat wa thalāthūn baqarāt</i>	Saya mempunyai tiga puluh satu ekor lembu betina

Penggunaan elemen *al-żarf* seperti فُوْقَ *fawq*, تَحْتَ (*tahta*), أَمَامَ ('amāma), وراء (*warā'a*) digunakan untuk mengajar pelajar menggunakan kata arah yang tepat.

c. Kata Ganti Nama Tunjuk *ism al-isyārat* اسْمُ الْإِشَارَةِ

Kata nama tunjuk *ism al-isyārat* اسْمُ الْإِشَارَةِ dalam sintaksis bahasa Arab dapat dijelaskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.20 :

Jadual 4.20: Elemen *ism al-isyārat* dalam Sintaksis Bahasa Arab

Bil	Sintaksis Asas Bahasa Arab	Bandingan Setara Bahasa Melayu
4	هَذَا (hazā)	Ini (Maskulin)
	هَذِهِ (hāzihī)	Ini (Feminin)
	ذَلِكَ (zalika)	Itu (Maskulin)
	تِلْكَ (tilka)	Itu (Feminin)
	هُنَّا (hunā)	Di sini
	هُنَّاكَ (hunāka)	Di sana

Manakala Jadual 4.21 di bawah menunjukkan penggunaan elemen *ism al-isyārat* اسْمُ الْإِشَارَةِ dalam ayat yang dipetik daripada buku teks Bahasa Arab Tahun 4 :

Jadual 4.21: Penggunaan elemen ism al-isyārat dalam ayat Bahasa Arab

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Setara Bahasa Melayu
37	هَذَا سِكِّينٌ حَادٌ hadha sikkin hādd	Pisau ini tajam
38	هَذِهِ صَحِيفَةٌ يَوْمِيَّةٌ <i>hadhihi sahifat yawmiyat</i>	Ini surat khabar
39	ذَلِكَ مَاعِزٌ <i>dhalika mā'iż</i>	Itu seekor kambing jantan
40	تِلْكَ حَمَامَةٌ <i>tilka hamāmat</i>	Itu seekor burung merpati betina
41	هُنَاكَ إِبْرِيقٌ كَبِيرٌ <i>hunāka 'ibrīq</i>	Di sini teko besar
42	هُنَاكَ كُوبَانٌ وَسِخَانٌ <i>hunāka kūbāni wasikhāni</i>	Di sana dua biji cawan kotor

Kata nama tunjuk yang digunakan di dalam ayat-ayat di atas merangkumi kata nama tunjuk untuk dekat dan kata nama tunjuk untuk jauh.

d. *al-fi'l* الفعل

Kata kerja *al-fi'l* الفعل dalam sintaksis bahasa Arab ialah kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini dan kata kerja imperatif. Penggunaan kata kerja dalam buku teks Bahasa Arab Tahun 4 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.21 berikut:

Jadual 4.22: Elemen Kata kerja (*al-fi'l*) dalam Sintaksis Bahasa Arab

Bil	Sintaksis Asas Bahasa Arab	Bandingan Setara Bahasa Melayu
5	الْمَاضِي <i>al-mādī</i>	Kala lampau
	الْمُضَارِعُ <i>al-mudāri'</i>	Kala kini
	الْأَمْرُ <i>al-'amr</i>	Kala imperatif

Jadual 4.23 di bawah menunjukkan penggunaan ayat-ayat bahasa Arab berdasar kata kerja yang ditetapkan di dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4 sekolah kebangsaan :

Jadual 4.23:Contoh Ayat Bahasa Arab Berdasar Pola FN+FK

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Setara Bahasa Melayu
43	نَعَمْ، أَنَا رَجَعْتُ إِلَى قَرْبَتِي na‘am, raja‘tu ilā qaryatī	Ya, saya <i>telah pulang</i> ke kampung saya.
44	الْبُسْتَانِيُّ يَرْجِعُ مِنْ الْحَقْلِ al-bustāniy yarji‘ min al-haql	Pekebun itu pulang dari ladang
45	يَا نَعِيمَةً ، صُبَيْ لِي الْحَلِيبَ yā na‘imat, subbi lī al-halib	Wahai Naimah, tuangkan susu untuk saya

Perkataan **رجعت** ialah kata kerja kala lampau yang terdiri dari gabungan kata kerja **رجع** dan kata ganti nama **أنا** dan mempunyai unsur masa kala lampau yang bermaksud *saya telah pulang*. Manakala **يرجع** ialah kata kerja kala kini terdiri dari gabungan kata kerja **يرجع** dan kata ganti nama ketiga tersembunyi iaitu **هو** , dan kata kerja ini meupunyai unsur masa tersendiri iaitu *sedang*. Kata kerja **صبي** adalah kata kerja imperatif yang terdiri dari gabungan kata kerja dan kata ganti nama kedua iaitu **أنت** awak feminine.

e. Kata Tunggal dan Kata Dual *al-mufrad wa al-muthannā* **المفرد والمتثنى**
 Elemen Kata Tunggal dan Kata Dual *al-mufrad wa al-muthannā* **المفرد والمتثنى** yang diterapkan dalam sintaksis asas bahasa Arab Tahun 4 seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.23 berikut:

Jadual 4.24: Elemen al-mufrad wa al-muthannā Dalam Sintaksis Asas Bahasa Arab

Bil	Sintaksis Asas Bahasa Arab	Bandingan Setara Bahasa Melayu
6	الْمُفَرْدُ <i>al-mufrad</i>	Kata tunggal
	الْمُتَّنِّيُّ <i>al-muthannā</i>	Kata dual

Jadual 4.25 menunjukkan contoh penggunaan ayat kata tunggal (الْمُفَرْد) dan kata dual (الْمُتَّنِّي) dalam bahasa Arab yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Arab Tahun 4 KSSR. Penggunaan ayat kata tunggal (الْمُفَرْد) dan kata dual (الْمُتَّنِّي) membentuk ayat namaan bahasa Arab atas pola KN+ KN.

Jadual 4.25: Contoh Penggunaan Ayat Kata Tunggal al-mufrad Dan Kata Dual *al-muthannā* Dalam Bahasa Arab

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Setara Bahasa Melayu
46	الصَّحْنُ نَظِيفٌ <i>al-sahn nazīf</i>	Pinggan itu bersih.
47	الصَّحْنَانِ نَظِيفَانِ <i>al-sahnān nazīfān</i>	Dua biji pinggan itu bersih.

Penggunaan kata tunggal dan kata dual di dalam ayat bahasa Arab dalam jadual 4.24 terbina di dalam ayat namaan BA berdasarkan pola FN+FN.

c. Kata Majmuk (*al-jam'* اِجْمَعُ)

Elemen *al-jam'* اِجْمَعُ dalam sintaksis asas bahasa Arab yang tertera di dalam buku teks Bahasa Arab Tahun 4 KSSR seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.26 berikut:

**Jadual 4.26: Elemen Kata Majmuk (*al-jam'*)
Dalam Sintaksis Bahasa Arab**

Bil	Sintaksis Asas Bahasa Arab	Bandingan Setara Bahasa Melayu
7	الجُمْعُ الْمُذَكَّرُ <i>al-jam' al-mudhakkar</i>	Kata majmuk (Maskulin)
	الجُمْعُ الْمُؤَنَّثُ <i>al-jam' al-muannath</i>	Kata majmuk (Feminin)
	جَمْعُ التَّكْسِيرِ <i>al-jam' al-taksīr</i>	Kata Majmuk (<i>taksīr</i>)

Jadual 4.27 menunjukkan contoh ayat Bahasa Arab untuk (al-*jam'* *al-mudhakkar*), (al-*jam'* *al-muannath*) dan (al-*jam'* *al-taksīr*).

**Jadual 4.27: Kata Majmuk Maskulin, Kata Majmuk Feminin dan
Kata Majmuk Taksir dalam Ayat Bahasa Arab**

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Setara Bahasa Melayu
48	يُصَلِّيُ الْمُسْلِمُونَ صَلَاةً الْعَيْدِ جَمَاعَةً <i>yuṣallī al-muslimūn ṣalāt al-'ayd jamā'at</i> (sedang) bersembahyang orang Islam (majmuk) sembahyang raya secara berjemaah.	Orang Islam menunaikan solat hari raya secara berjemaah
49	تُسَاعِدُ الْمُمْرِضَاتِ الطَّبِيبَ <i>tusā'id al-mumarridāt al-ṭabīb</i> (sedang) menolong para jururawat wanita doktor (lelaki) itu	Jururawat-jururawat wanita sedang menolong doktor itu
50	يَكْتُبُ التَّلَامِيذُ الدَّارِسُونَ <i>yaktub al talāmidh al-dars</i> (sedang) menulis para pelajar (lelaki) pelajaran itu.	Para pelajar lelaki sedang menulis pelajaran.

Hasil dari perbandingan elemen sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab yang telah dijalankan, pengkaji mendapati elemen sintaksis asas Bahasa Melayu disentuh secara menyeluruh dalam DSKP Bahasa Melayu Tahun 4

Sekolah Kebangsaan. Manakala aspek-aspek sintaksis Bahasa Arab iaitu pembinaan ayat tidak dinyatakan secara khusus dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4. DSKP Bahasa Arab Tahun 4 hanya menyatakan beberapa elemen asas tatabahasa iaitu penggolongan kata Bahasa Arab seperti yang tertera dalam jadual dan contoh-contoh yang telah dibincangkan. Justeru, pengkaji memfokuskan untuk membandingkan pola-pola ayat dasar bahasa Melayu terdapat di dalam buku teks bahasa Malaysia tahun 4 sekolah kebangsaan dengan bahasa Arab.

Hasil perbandingan antara pola ayat bahasa Melayu dan bahasa Arab, didapati pola ayat namaan bahasa Arab menyamai pola ayat dasar bahasa Melayu. Namun begitu terdapat perbezaan yang ketara antara kedua bahasa iaitu dari segi keserasian gender atau genus, bilangan, *definit* dan *indefinit* serta kasus. Aspek perbezaan ini adalah topik yang diberi fokus utama dalam pembinaan bahan pengajaran dalam modul M-SABA. Ini disebabkan perbezaaan menyebabkan murid sukar mempelajari bahasa Arab amnya dan membina ayat-ayat bahasa Arab yang gramatis khususnya. Ini selaras dengan saranan tokoh-tokoh analisis kontrastif yang meramalkan aspek perbezaan yang ketara antara B2 dan B2 menyukarkan pelajar dan perlu diberi lebih perhatian oleh pengajar atau guru (Lado,1957:2; Wilkins,1972; Politzer, 1960).

4.3 Peringkat II: Analisis Aras Kesukaran Sintaksis Asas Bahasa Arab

Pada peringkat ini, pengkaji menganalisis aras kesukaran murid terhadap elemen tatabahasa Arab yang terdapat di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR Bahasa Arab Tahun 4 dalam membina ayat bahasa Arab untuk

dijadikan fokus utama dalam pembinaan modul M-SABA. Terdapat 7 elemen tatabahasa yang terkandung di dalam DSKP KSSR Bahasa Arab Tahun 4 iaitu; (i) pengelasan kata, (ii) kata nama berdasarkan gender, (iii) kata nama berdasarkan bilangan, (iv) derivasi kata kerja (v) kata tunjuk (vi) kata ganti nama dan (vii) kata sendi.

Berdasarkan kajian perbandingan antara pola ayat bahasa Melayu dan bahasa Arab terdapat beberapa elemen sintaksis yang menjadi kesukaran bagi murid dalam membina ayat yang gramatis seperti dalam Jadual 4.27 berikut:

Jadual 4.28: Analisis Aras Kesukaran Murid Terhadap Elemen Tatabahasa Arab

Bil	Elemen Tatabahasa Bahasa Arab	Skor min
1.	Pengelasan kata nama	3.69
2.	Pengelasan kata kerja	3.60
3.	Pengelasan kata sendi	3.97
4.	Keserasian Gender Maskulin	2.76
5.	Keserasian Gender Feminin	2.66
6.	Keserasian Bilangan Tunggal	3.12
7.	Keserasian Bilangan Dual	3.39
8.	Keserasian Bilangan Majmuk	2.38
9.	Derivasi KK Kala lampau	3.04
10.	Derivasi KK kala kini	3.12
11.	Derivasi KK Perintah	2.79
12.	Kata Tunjuk Dekat	3.27
13.	Kata Tunjuk Jauh	3.24
14.	Kata Ganti Nama Tidak Bersambung (<i>al damir Munfasil</i>)	3.35
15.	Kata Ganti Nama Bersambung (<i>al damir Muttasil</i>)	3.12
16.	Penggunaan Kata Sendi	3.69

Dapatan daripada Jadual 4.28 menunjukkan elemen tatabahasa yang paling sukar dikuasai murid ialah (a) Keserasian Bilangan Majmuk (b) Keserasian Gender Feminin (c) Keserasian Gender Maskulin. Manakala elemen yang paling dikuasai murid ialah (a) pengelasan kata sendi, (b) pengelasan kata nama dan (c) penggunaan kata sendi .

Dalam pembinaan modul M-SABA elemen tatabahasa yang paling sukar dikuasai murid iaitu *Keserasian Bilangan Majmuk*, *Keserasian Gender Feminin*, *Keserasian Gender Maskulin* diberi penekanan dalam aktiviti satu, dua dan tiga bagi setiap unit.

4.4 Peringkat III: Adaptasi Model Instruksi Dick & Carey 2005 Dalam Pembinaan Modul M-SABA

Pengkaji memilih Model Dick & Carey disebabkan model ini melaksanakan saranan oleh Landa (1983) dalam perancangan satu pengajaran yang mengemukakan kepentingan tiga komponen utama dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu “*task algorithm*”, “*student algorithm*” dan “*teacher algorithm*”. *Task Algorithm* merujuk kepada kandungan isi pelajaran atau kemahiran yang hendak diajar, *student algorithm* pula menekankan cara pelajar dapat melaksanakan tugas atau kemahiran yang diberi, manakala *teacher algorithm* merujuk kepada peranan guru dalam merencanakan pengajaran atau kemahiran yang telah ditetapkan. Justeru, menurut Landa (1983) sesuatu perancangan terhadap pengajaran dan pembelajaran sepatutnya mematuhi tiga komponen tersebut iaitu i) isi kandungan pelajaran dan kemahiran yang difokus,

ii) Cara pelajar dapat melaksanakan tugas yang diwajibkan dan iii) peranan guru dalam melaksanakan pengajaran dan kemahiran yang telah ditetapkan.

Dalam pembinaan modul M-SABA, sembilan langkah dari model Dick & Carey dijadikan panduan. Langkah-langkah yang diikuti dalam menghasilkan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab M-SABA adalah seperti berikut :

- i. Mengenal pasti matlamat pengajaran
- ii. Membuat analisis pengajaran
- iii. Mengenal pasti kelakuan masuk dan ciri-ciri pelajar
- iv. Menulis objektif kelakuan
- v. Membina item-item ujian rujukan kriteria
- vi. Membina strategi pengajaran
- vii. Membina dan memilih bahan-bahan pengajaran
- viii. Menyemak pengajaran
- ix. Membuat penilaian formatif dan sumatif

4.4.1 Mengenal Pasti Matlamat Pengajaran

Peringkat mengenal pasti matlamat pengajaran bertujuan untuk mengenal pasti pelbagai matlamat pengajaran. Matlamat Pelajaran diperolehi melalui satu proses penilaian semula pengajaran yang telah dilaksanakan untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi (Kemp, Morrison, Ross 1998). Apabila masalah dapat dikenal pasti, matlamat pelajaran dapat disusun semula dengan memfokuskan kepada objektif yang hendak dicapai dan kemahiran yang dapat dijana oleh pelajar setelah selesai satu sesi pengajaran (Dick & Carey,2005).

Untuk tujuan tersebut satu kajian awal iaitu ujian kecekapan tatabahasa yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Arab Tahun 4 KSSR dijalankan di 4 buah sekolah di sekitar bulan Jan 2014. 154 orang murid daripada empat buah kelas tahun 4 terlibat dalam kajian awal. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti aras kesukaran dan menilai tahap penguasaan murid terhadap elemen tatabahasa yang terkandung dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4. Dapatkan menunjukkan murid menghadapi masalah dalam keserasian gender dan bilangan kerana elemen ini tidak terdapat dalam sintaksis bahasa Melayu.

4.4.2 Melakukan Analisis Pengajaran

Langkah kedua yang dijalankan oleh pengkaji dalam mereka bentuk pembinaan Modul M-SABA ialah melakukan analisis pengajaran. Analisis pengajaran adalah mengenal pasti pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh pelajar untuk mencapai matlamat pembelajaran yang telah ditetapkan (Dick & Carey,2005). Menurut Gagne (1975) analisis pengajaran memberi panduan kepada guru untuk mengenal pasti kemahiran yang perlu diajar dalam menguasai kemahiran dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Analisis pengajaran juga dapat membantu guru merancang pelbagai langkah pengajaran secara teratur, menyerasikan isi pelajaran dan bahan-bahan pengajaran yang digunakan. Jika bersandarkan kepada Landa (1983) analisis pengajaran ini adalah '*task algorithm*'.

Dalam melakukan analisis pengajaran, pengkaji lebih menekankan kepada aspek pemahaman konsep untuk menganalisis elemen sintaksis asas dengan berkesan agar elemen tersebut mudah diajar oleh guru dan mudah dipelajari oleh murid. Justeru itu, dalam melakukan analisis pengajaran, pengkaji telah meneliti kehendak dan matlamat DSKP Bahasa Melayu Tahun 4 dan DSKP Bahasa Arab Tahun 4 sebagai panduan dalam memilih dan mengatur analisis pengajaran.

4.4.3 Mengenal Pasti Tingkah laku Awal dan Ciri-ciri Pelajar

Kompenen pelajar merupakan salah satu dari empat kompenen asas dalam proses mereka bentuk pengajaran selain dari kompenen objektif, strategi dan penilaian. Kompenen pelajar penting kerana matlamat reka bentuk pengajaran (*Instructional design*) lebih menumpukan kepada meningkatkan keupayaan dan kemahiran pelajar daripada menghabiskan sukanan isi pelajaran.

Peringkat mengenal pasti pelajar dilakukan dengan tujuan untuk menentukan ciri-ciri murid, pengetahuan asas dan pengetahuan sedia ada murid serta masalah utama yang dihadapi murid dalam menguasai sintaksis asas bahasa Arab. Maklumat mengenai tingkah laku awal dan pengetahuan asas pelajar penting dalam mereka bentuk pengajaran dan pembelajaran dan menggunakan aplikasi pendekatan yang bersesuaian dengan tahap kemampuan mereka.

Pengkaji mentadbir ujian kemasukan (*entry behaviour test*) iaitu ujian kecekapan asas sintaksis bahasa Arab ke atas 154 orang murid. Ujian tersebut bertujuan untuk menguji pengetahuan dan kefahaman asas pelajar terhadap aspek-aspek asas tatabahasa dalam mempelajari sintaksis bahasa Arab. Item-item

dibentuk bertujuan untuk mengesahkan ramalan kesukaran murid terhadap sintaksis asas bahasa Arab. Item-item meliputi tujuh aras kesukaran iaitu keserasian gender, keserasian bilangan, derivasi kata kerja dan kata nama, partikel, kata ganti nama dan kata nama tunjuk. Ujian kecekapan asas sintaksis bahasa Arab perlu untuk melihat tingkah laku awal para murid. Maklumat awal ini penting untuk mengetahui dan menilai tahap kesukaran murid dalam penguasaan sintaksis asas bahasa Arab. Dapatan dari ujian awal membantu pengkaji dalam merangka strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tahap kebolehan murid.

4.4.4 Menulis Objektif Kelakuan

Langkah berikutnya adalah untuk menterjemahkan keperluan dan matlamat pengajaran yang umum kepada objektif pengajaran yang lebih khusus dan terperinci (Dick & Carey, 2005). Objektif ini ditulis dalam bentuk tingkah laku yang boleh diukur. Objektif Pelajaran mempunyai tiga fungsi iaitu panduan kepada guru untuk memilih dan menyusun isi pelajaran, bahan bantu mengajar serta strategi pengajaran, ia juga berfungsi dalam merangka cara untuk menilai pelajar dan fungsi objektif yang ketiga ialah panduan kepada pelajar untuk megenalpasti kemahiran dan pengetahuan yang perlu dikuasai.

Penulisan objektif tingkah laku dalam kajian ini dibuat berdasarkan DSKP Bahasa Arab Tahun 4. Penulisan objektif ini dipecahkan kepada 2 peringkat iaitu **معايير المحتوى** (Standard Kandungan), iaitu isi kandungan pelajaran yang hendak disasarkan kepada murid. Manakala peringkat kedua ialah **معايير**

التَّعْلُمُ iaitu Standard Pembelajaran yang perlu dicapai oleh setiap murid.

Perincian dalam penulisan objektif pengajaran penting bagi memandu pengajaran guru. Penulisan objektif yang menyatakan dengan jelas hasil pembelajaran yang dikehendaki serta ditulis berdasarkan aras kesukaran yang berbeza memudahkan guru menyampaikan isi pelajaran secara teratur dan berkesan kepada murid.

Manakala penulisan objektif pengajaran dan pembelajaran dalam modul M-SABA adalah tertumpu kepada Standard Kandungan معيار المحتوى yang bernombor 4.1 iaitu mengenal kata nama *mufrad* dan kata nama *muthannā*, 4.2 iaitu mengenal kata nama majmuk maskulin, kata majmuk feminin dan kata majmuk *taksir* dan 4.3 iaitu mengenal kata ganti nama *muttaṣil* dan *munfaṣil*.

Standard Pembelajaran yang hendak dicapai oleh pelajar dalam Standard Kandungan معيار المحتوى bernombor 4.1 adalah seperti berikut:

- i) 4.1.1 Dapat mengenal kata nama tunggal
- ii) 4.1.2 Dapat mengenal kata nama dual
- iii) 4.1.3 Dapat membezakan antara kata nama tunggal dan dual (*muthannā*)
- iv) 4.1.4 Dapat menggunakan kata nama tunggal mengikut pola KN+KN secara lisan dan penulisan
- v) 4.1.5 Dapat menggunakan kata nama dual berdasarkan pola KN+KN secara lisan dan penulisan

Manakala Standard Pembelajaran yang hendak dicapai oleh pelajar dalam Standard Kandungan معيار المحتوى bernombor 4.2 adalah seperti berikut:

- i) 4.2.1 Dapat mengenal kata majmuk maskulin, kata majmuk feminin dan kata majmuk *taksīr*
- ii) 4.2.2 Dapat membezakan antara kata majmuk maskulin, kata majmuk feminin dan kata majmuk *taksīr*
- iii) 4.2.3 Dapat membezakan antara kata nama tunggal, kata nama dual dan kata nama majmuk iaitu kata majmuk maskulin, majmuk feminin dan kata majmuk *taksīr*
- iv) 4.2.4 Dapat menggunakan kata majmuk maskulin, kata majmuk feminin dan kata majmuk *taksīr* dengan menggunakan pola KN+KN secara lisan dan penulisan.

Manakala Standard Pembelajaran yang hendak dicapai oleh pelajar dalam Standard Kandungan معيار المحتوى bernombor 4.3:

- i) 4.3.1 Dapat mengenal kata ganti nama *munfašil*
- ii) 4.3.2 Dapat mengenal kata ganti nama *muttašil*
- iii) 4.3.3 Dapat menggunakan kata ganti nama *munfašil* secara lisan dan penulisan
- iv) 4.3.4 Dapat menggunakan kata ganti nama *muttašil* secara lisan dan penulisan

4.4.5 Membina item ujian Rujukan Kriteria

Berdasarkan objektif pelajaran yang telah disenaraikan, lima set ujian formatif telah dibina berdasarkan modul M-SABA. Ujian formatif ini adalah ujian pemahaman selepas setiap unit bertujuan untuk mengukur keberkesanannya.

pengajaran yang telah dilaksanakan berdasarkan modul yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran. Ujian tersebut ialah ujian sintaksis asas bahasa Arab mengikut pola yang disasarkan di dalam unit 1 hingga unit 5 yang terdapat dalam modul M-SABA. Ujian ini bertujuan untuk menilai tahap pencapaian semasa murid ketika mempelajari pola ayat yang disasarkan bagi setiap unit.

Sementara itu ujian pra dan pasca adalah satu set ujian yang mempunyai 5 item yang sama. Ujian pra dibina bertujuan untuk mengukur pencapaian murid sebelum menggunakan modul M-SABA dan ujian pasca bertujuan untuk mengukur pencapaian murid selepas menggunakan modul M-SABA. Item 1 dalam ujian pra pasca ini bertujuan untuk menguji tahap kecekapan murid dalam penggunaan pola FN (tunggal) + FN (tunggal), pola FN (dual) + FN (dual) dan pola FN (majmuk) + FN (majmuk). Item 2 dalam ujian pra pasca ini bertujuan untuk menguji tahap kecekapan murid dalam penggunaan pola FN (tunggal) + FA (tunggal), pola FN (dual) + FA (dual) dan pola FN (majmuk) + FA (majmuk). Item 3 dalam ujian pra pasca ini bertujuan untuk menguji tahap kecekapan murid dalam penggunaan pola FN (tunggal) + FK (tunggal), pola FN (dual) + FK (dual) dan pola FN (majmuk) + FK (majmuk). Item 4 dalam ujian pra pasca ini bertujuan untuk menguji tahap kecekapan pelajar dalam penggunaan pola FN (tunggal) + FS, pola FN (dual) + FS dan pola FN (majmuk) + FS . Manakala Item 5 dalam ujian pra pasca ini bertujuan untuk menguji tahap kecekapan murid dalam penggunaan pola FN (tunggal) + FK(tunggal) + FS, pola FN(dual) + FK (dual) + FS dan pola FN (majmuk) + FK(majmuk)+FS.

4.4.6 Memilih dan Membina Strategi Pengajaran

Pembinaan Strategi yang ditetapkan dalam model Dick & Carey adalah berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang didapati dari langkah pertama hingga langkah kelima. Strategi pengajaran menjelaskan tentang pelbagai langkah pengajaran, aktiviti dan bahan pengajaran bagi mencapai matlamat pengajaran yang ditetapkan (Dick & Carey, 2005). Pembinaan modul M-SABA menggunakan pendekatan perbandingan sebagai pendekatan utama. Justeru bagi peringkat enam dan peringkat tujuh dalam penghasilan modul M-SABA, iaitu peringkat strategi pengajaran dan pemilihan media pengajaran, pendekatan kontrastif akan diaplikasikan dalamnya.

Dalam merancang strategi pengajaran terdapat lima aspek yang perlu diambil kira iaitu i) aktiviti pra pengajaran dengan memperkenalkan senarai kosakata yang perlu dikuasai dalam setiap unit bagi membantu murid membina ayat , ii) penyampaian isi pelajaran dengan memperkenalkan pola ayat bahasa Melayu yang setara dengan pola ayat bahasa Arab, iii) penglibatan murid dengan melibatkan aktiviti membaca dan memerhati dengan teliti binaan ayat berdasarkan pendekatan kontrastif, iv) pengujian dan pengukuhan dengan menggunakan latihan mengisi tempat kosong, menganalisa kesilapan tatabahasa dalam ayat dan seterusnya membina ayat, v) aktiviti pengayaan iaitu aktiviti penerokaan kosakata melalui internet dan kamus bergambar seterusnya menggunakan kosakata tersebut dalam membina ayat yang gramatis mengikut pola-pola yang telah dipelajari.

Justeru modul M-SABA dibina dengan mengambil kira kelima-lima aspek berkenaan berdasarkan kehendak strategi pendekatan kontrastif. Penekanan

seimbang diberikan dalam ketiga-tiga peringkat pengajaran iaitu peringkat set induksi, pengembangan isi pelajaran dan penutup. Strategi seimbang pada setiap peringkat tersebut perlu untuk mengekalkan minat, penglibatan dan tumpuan pelajar dari awal sehingga ke akhir pelajaran.

4.4.7 Memilih dan Mengembangkan Bahan Pengajaran

Dalam memilih dan mereka bentuk bahan pengajaran pengkaji memilih bahan pembelajaran yang disarankan dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4 dengan memastikan bahasa yang digunakan adalah selaras dengan kehendak kurikulum. Sementara itu bahan pengajaran yang dipilih bersesuaian dengan tahap kecekapan bahasa Arab murid dan bersifat mesra murid. Bahan yang dibina dalam modul M-SABA telah dirancang dengan tersusun rapi, bermula dari pengenalan kosakata yang boleh membantu murid membina ayat bahasa Arab.

Seterusnya pengkaji memperkenalkan struktur binaan ayat bahasa Arab yang disasarkan dan dibandingkan dengan ayat setara bahasa Melayu melalui pendekatan kontrastif sebagai asas binaan ayat bahasa Arab. Menurut Wan Moharani & Muhammad Marwan (2008) asas persamaan bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu (BM) dengan bahasa sasaran iaitu bahasa Arab (BA) menjadi panduan dalam pembelajaran bahasa Arab dan asas perbezaan kedua-dua bahasa tersebut dijadikan amaran bagi mengelak kesilapan struktur ayat bahasa sasaran iaitu bahasa Arab. Justeru struktur binaan ayat dalam kajian ini diklasifikasikan kepada frasa nama tunggal (FNT), frasa nama dual (FND) dan frasa nama majmuk (FNM). frasa kerja, frasa sendi dan frasa adjektif.

4.4.8 Membina dan Menjalankan Penilaian Formatif

M-SABA yang telah dihasilkan kemudiannya dinilai dalam satu program penilaian formatif. Penilaian formatif ialah satu kitaran proses semakan dan penilaian ke atas ke atas modul yang sedang dihasilkan (Kandaswamy,1980). Pada peringkat penilaian formatif data-data dikumpulkan bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan modul, membaiki sebarang langkah atau prosedur yang tidak lengkap dan efisien, serta mendapat pandangan penilai terlibat bagi meningkatkan program yang dihasilkan (Borg & Gall, 1983). Maklumbalas yang diterima dapat digunakan untuk membaiki kualiti serta meningkatkan keberkesanan program pengajaran yang dibina (Dick & carey, 2005).

Bagi menilai kecekapan murid pula dalam mengikuti sistem pembelajaran berdasarkan modul M-SABA iaitu kecekapan murid dalam membina ayat aras bahasa Arab berdasarkan pola-pola yang telah ditentukan oleh pengkaji , maka setiap unit dibekalkan dengan set ujian formatif bagi tujuan tersebut. Berpandukan model Dick & Carey (2005) dalam melaksanakan program penilaian ini, tiga tahap ujian formatif telah dilakukan oleh pengkaji iaitu peringkat satu dengan satu (*one to one evaluation*), ujian kumpulan kecil (*small-group evaluation*) , dan ujian kumpulan besar (*field evaluation*) iaitu kajian rintis.

4.4.8.1 Ujian satu dengan satu

Ujian satu dengan satu dijalankan ke atas 2 orang murid tahun 4 yang dipilih secara rawak dari sekolah kebangsaan di Pulau Pinang. Sebelum sesi ujian satu dengan satu dilaksanakan, pengkaji menjelaskan setiap langkah pengajaran yang

terdapat dalam Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab secara terperinci. Murid diberi peluang mengemukakan pertanyaan apabila mereka kurang jelas tentang perkataan dan istilah yang digunakan.

Melalui pelaksanaan ujian satu dengan satu ini, didapati murid dapat mengikuti proses pembelajaran dengan mudah. Melalui perbandingan setara pola ayat bahasa Melayu dan bahasa Arab dapat memudahkan mereka memahami sintaksis asas bahasa Arab. Justeru mereka dapat membina ayat dasar bahasa Arab yang gramatis. Bagi mereka persempahan modul menarik dan memudahkan mereka memahami teknik pembinaan ayat bahasa Arab. Selain itu modul ini menyediakan kosakata yang diperlukan murid di peringkat rendah bagi membantu mereka membina ayat bahasa Arab. Kosakata yang terdapat dalam modul M-SABA merupakan petikan kosakata dari buku teks Bahasa Arab Tahun 4 KSSR. Secara keseluruhannya melalui ujian ini murid dapat memahami isi kandungan modul dan urutan aktiviti yang perlu diikuti oleh mereka.

4.4.8.2 Ujian Kumpulan Kecil

Ujian kumpulan kecil dijalankan terhadap lapan orang murid tahun 4 yang dipilih secara rawak dari sekolah kebangsaan di Pulau Pinang. Pengkaji memberi taklimat tentang tujuan ujian ini dijalankan bagi memastikan kesesuaian Modul M-SABA digunakan sebagai bahan pengajaran alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab. Ujian ini hanya dijalankan untuk mengetahui sejauhmana modul ini bersesuaian dengan tahap murid.

Ujian ini melibatkan aktiviti-aktiviti membaca dan memahami kosakata serta diikuti dengan aktiviti memerhati dengan teliti perbandingan setara ayat bahasa Melayu dan bahasa Arab yang terdapat dalam dalam modul tersebut. Setiap aktiviti dijalankan secara berkumpulan. Kesan pelaksanaan aktiviti ini secara berkumpulan membantu murid menyelesaikan siri latihan yang diberikan dengan mudah kerana mereka dapat berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan tentang isi pelajaran dan latihan yang diberikan. Manakala masa pengajaran dan pembelajaran bagi setiap unit selama 90 minit itu didapati mencukupi.

4.4.8.3 Ujian Kumpulan Besar

Ujian ini telah dijalankan ke atas 30 orang murid di sebuah sekolah rendah di negeri Pulau Pinang bertujuan untuk menguji kesesuaian penggunaan modul sintaksis asas bahasa Arab M-SABA dalam keadaan yang hampir sama dengan keadaan di bilik darjah yang sebenar, aspek kesesuaian masa, aktiviti dan kebolehan murid, penguasaan, pengetahuan, motivasi dan kesediaan murid untuk mempelajari bahasa Arab. Melalui ini juga, pengkaji dan juga penggubal modul dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan modul yang dihasilkan.

4.4.8.4 Penilaian Pakar

Pakar yang terlibat dalam program penilaian ini adalah pegawai-pegawai yang terlibat dalam penggubalan Kurikulum Bahasa Arab Sekolah Rendah, Kementerian Pelajaran Malaysia, Pensyarah Institut Pendidikan Guru Malaysia, Pegawai Kurikulum Bahasa Arab Kementerian Pendidikan Malaysia dan pegawai

kurikulum Bahasa Arab JPN Pulau Pinang. Penilaian pakar ini melibatkan kesesuaian modul pengajaran yang dihasilkan dari aspek reka bentuk, kebergunaan dan kandungan modul.

Sementara itu, guru yang terlibat dalam penilaian kajian ini adalah terdiri dari ketua-ketua Panitia Bahasa Arab dan guru-guru mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah kebangsaan Pulau Pinang. Mereka mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah kebangsaan selama lebih dari tujuh tahun. Penilaian diberikan dari aspek kesesuaian kandungan modul dengan kehendak DSKP, penggunaan masa, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, pemilihan bahan bantu mengajar dan kemampuan pelajar mengikuti pengajaran ini. Justeru itu, maklumbalas yang diterima dapat digunakan untuk membaiki kualiti serta meningkatkan keberkesanan program pengajaran yang dibina.

Bagi menilai kesesuaian reka bentuk dan kandungan modul yang telah dihasilkan satu set borang penilaian telah diberikan kepada pakar, guru dan juga murid yang terlibat dalam kajian. Tujuan borang penilaian diedarkan bagi mendapat pandangan dan maklumbalas daripada ketiga-ketiga pihak tersebut. Item-item penilaian dibina dengan berdasarkan konsep pembelajaran yang diutarakan oleh Sekaran (2003) dan sembilan langkah pengajaran oleh Gagne (1983). Program penilaian formatif yang dijalankan diringkaskan dalam jadual yang berikut :

Jadual 4.29: Program Penilaian Formatif

Rujukan	Bentuk Penilaian	Instrumen
Pakar	Reka bentuk modul M-SABA	Borang penilaian pakar
Guru	Kesesuaian kandungan	Borang penilaian guru
Murid (Satu dengan satu)	kebolehbelajaran	Borang penilaian murid
Murid (Kumpulan kecil 8 orang)	kebolehbelajaran	Borang penilaian murid

4.4.9 Semak semula Pengajaran (*Revise Instructional*)

Menyemak semula pengajaran adalah antara langkah utama dalam model Dick & Carey (2005). Hasil dapatan ujian formatif adalah untuk mengenal pasti kesukaran yang dihadapi murid dalam mencapai objektif pembelajaran iaitu membina ayat dasar bahasa Arab yang gramtis. Bagi menilai kebolehpercayaan (*reliability*) analisis pengajaran dan andaian tentang kelakuan masuk murid, data dari ujian formatif ini juga digunakan. Di samping itu hasil dapatan ini boleh digunakan untuk menguji semula kenyataan tentang objektif tingkah laku dan strategi pengajaran. Justeru, penyemakan semula pengajaran ini sangat penting kerana ia melibatkan keseluruhan kompenan dalam model Dick & Carey (2005) untuk memastikan bahan pengajaran yang dibina lebih efektif.

4.4.10 Mentadbir Ujian Sumatif

Modul pengajaran sintaksis yang telah dinilai dalam program penilaian formatif dilaksanakan dalam bilik darjah. Justeru, satu kajian keberkesanan dalam bentuk kuasi eksperimen telah dilakukan untuk melihat kesan penggunaan modul M-SABA ke atas kecekapan murid dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan

perbandingan pola ayat dasar bahasa Melayu dan ayat namaan bahasa Arab. Untuk melihat keberkesanan modul ini ujian sumatif iaitu ujian pra dan ujian pasca ditadbirkan ke atas kumpulan kawalan dan rawatan. Kedua-dua ujian ini dibina secara selari. Item ujian dibina berdasarkan objektif pembelajaran pola ayat dalam modul sintaksis asas bahasa Arab M-SABA.

4.5 Rumusan

Pembinaan Modul M-SABA dengan menggabungkan pendekatan kontrastif dan model reka bentuk instruksi Dick & Carey (2005) mengalami 3 fasa iaitu fasa iaitu; Peringkat 1: Mengenal pasti ciri-ciri persamaan dan perbezaan anatara sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab. Peringkat 2: Mengenal pasti aras kesukaran responden dalam menguasai sintaksis asas bahasa Arab dan seterusnya dapat menjadikan elemen-elemen kesukaran tersebut sebagai fokus utama dalam pembinaan modul sintaksis asas bahasa Arab (M-SABA). Peringkat 3: Membina dan menilai modul sintaksis asas bahasa Arab (M-SABA) iaitu dimulai dengan mensasarkan matlamat pengajaran iaitu membina ayat bahasa Arab yang gramatis merangkumi 5 pola ayat bahasa Arab iaitu; a) Frasa Nama + Frasa Nama, b) Frasa Nama + Frasa Adjektif, c) Frasa Nama + Frasa Kerja, d) Frasa Nama + Frasa Sendi dan e) Frasa Nama + Frasa Kerja + Frasa Sendi.

BAB 5: ANALISIS DATA

5.0 Pendahuluan

Penyelidikan ini terdiri daripada tiga peringkat iaitu peringkat pertama (a) mengenal pasti ciri-ciri persamaan dan perbezaan sintaksis asas bahasa Arab dan bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan kontrasif. Peringkat kedua pula (b) mengenal pasti aras kesukaran responden terhadap elemen-elemen tatabahasa Arab yang terkandung di dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4 KSSR. Pengkaji menggunakan reka bentuk kaedah deskriptif melalui ujian kecekapan tatabahasa berdasarkan kepada elemen tatabahasa yang terkandung di dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4 KSSR. Berdasarkan kepada daptan peringkat pertama dan peringkat kedua, pengkaji di peringkat ketiga telah (c) membina sebuah Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) yang berdasarkan Model Reka bentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005) dan seterusnya (d) menilai keberkesanan modul tersebut dengan menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen. Dalam bab ini pengkaji menganalisis data dari ketiga-tiga peringkat kajian ini iaitu (a) analisis data dari kajian kualitatif, (b) analisis data dari kajian deskriptif dan (c) analisis data dari kajian kuasi eksperimen.

5.1 Analisis Data Kajian Kualitatif

Analisis data kualitatif dilaksanakan pengkaji adalah merujuk kepada analisis kontrasif terhadap ciri-ciri persamaan dan perbezaan sintaksis asas bahasa

Arab dan bahasa Melayu. Kajian peringkat ini adalah bagi menjawab soalan kajian berikut:

Soalan kajian 1

Apakah ciri-ciri persamaan dan perbezaan sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu dan Bahasa Arab Tahun 4 KSSR?

Pengkaji telah menggunakan pendekatan Analisis Kontrastif sebagai asas menganalisis ciri-ciri persamaan dan perbezaan di antara sintaksis asas bahasa Arab dan bahasa Melayu yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 4 KSSR, di samping menggunakan perbandingan setara yang sistematik antara aspek-aspek sintaksis kedua-dua bahasa tersebut.

5.1.1 Aspek Persamaan Sintaksis Asas Bahasa Melayu Dan Bahasa Arab

Aspek-aspek persamaan sintaksis asas Bahasa Melayu dan Bahasa Arab:

a. Konstituen Ayat

Dari segi konstituen ayat, kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Arab mempunyai konstituen yang sama iaitu konstituen ayat bahasa Melayu terdiri daripada empat unsur, iaitu: ayat, klausa, frasa dan kata atau perkataan. Begitu juga konstituen bahasa Arab. Ayat adalah unit tatabahasa yang terbesar yang mempunyai subjek dan predikat. Klausa ialah ayat dalam ayat, ia juga mempunyai subjek dan predikat. Frasa ialah unsur dalam ayat atau klausa. Manakala kata atau perkataan pula adalah unsur dalam frasa (Abdullah Hassan,2007:2). Binaan setiap unsur tersebut dalam dilihat dalam contoh berikut:

Ayat : *Nama saya Amin dan nama dia dia Mei Lin*

Klausa: *Nama saya Amin / Nama dia Mei Lin*

Frasa: *Nama saya / Amin / Nama dia / Mei Lin*

Perkataan: *Nama / saya / Amin / nama / dia /Mei Lin*

Binaan struktur ayat bahasa Melayu ini menyamai binaan struktur ayat namaan bahasa Arab *jumlat ismīyat* yang dibina di atas pola Frasa Nama + Frasa Nama **الْمُرَكَّبُ الاسميُّ + الْمُرَكَّبُ الاسميُّ**.

Contoh ayat: اسمي أَمِينٌ واسْمُهَا مِي لِين

Klausa : اسمي أَمِينٌ / اسْمُهَا مِي لِين

Frasa: اسميُّ / أَمِينٌ / اسْمُهَا / مِي لِين

Perkataan : اسْمٌ / يُ / أَمِينٌ / اسْمٌ / هَا / مِي لِين

Pembentukan ayat tunggal satu klausa yang sama ini dijangka akan memudahkan pelajar Melayu dalam membina ayat dasar bahasa Arab. Binaan ayat bahasa Arab juga seperti binaan ayat bahasa Melayu boleh dibina dengan gabungan dua klausa menggunakan kata tugas seperti perkataan *dan*, lalu membentuk ayat majmuk. Binaan unsur-unsur ayat tersebut dapat diringkas dalam jadual 5.1 di bawah dan dibandingkan secara setara dengan binaan ayat bahasa Arab. Jadual 5.1 di bawah menunjukkan perbandingan setara binaan ayat bahasa Melayu dan ayat bahasa Arab.

Jadual 5.1 : Unsur-unsur ayat bahasa Melayu dan bandingan setara binaan ayat bahasa Arab

Bil	Unsur Utama Ayat Bahasa Melayu		Bandingan Setara Bahasa Arab	
1	Perkataan	nama saya Amin	كلمة <i>kalimat</i>	اسمُ اسْمٌ <i>ism</i> أَنَا 'anā أَمِينٌ 'amīn
2	Frasa	Nama saya	مُرَكَّبٌ <i>murakkab</i>	اسْمُيْنِ <i>ismī</i>
3	Klausa	Nama saya Amin dan nama dia Mei Lin	جُملَةٌ <i>jumlat</i>	اسْمُيْنِ أَمِينٌ <i>ismī 'amīn</i> وَاسْمُهَا مِنِ لِيْنْ <i>wa ismuha min liyin</i> wa ismuha Mei Lin

b. Binaan Ayat Tunggal

Binaan ayat tunggal bahasa Melayu dan ayat namaan bahasa Arab mempunyai persamaan dari segi kandungan ayat yang mengandungi satu klausa yang terdiri satu subjek dan satu predikat. Subjek menyatakan sesuatu hal manakala predikat memceritakan tentang hal itu (Abdulah Hassan,2007). Subjek merupakan konstituen ayat dan terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan. Unsur subjek bersifat frasa nama dan menjadi judul atau unsur yang diterangkan. Predikat pula adalah kumpulan perkataan yang tergolong dalam satu frasa dan menjadi unsur yang menerangkan subjek.

Jadual 5.2 berikut menerangkan secara ringkas pembentukan ayat tunggal satu klausa yang mengandungi satu subjek dan satu predikat.

Contoh: Saya tinggal di Taman Siber, Putrajaya

أَنَا سَاكِنٌ فِي تَامَنْ سَيْبِر، فُوتُرَا جَاهِيَا

Jadual 5.2: Pembentukan ayat tunggal satu klausa yang mengandungi satu subjek dan satu predikat

Bil	Ayat Tunggal Bahasa Melayu		Bandingan Setara Bahasa Arab	
1	Subjek	Saya	مبتدأ <i>Mubtada'</i>	أَنَا 'anā
2	Predikat	tinggal di Taman Siber, Putra jaya	خبر <i>khabar</i>	سَاكِنٌ فِي تَامَنْ سَيْر، فُتْرًا جَاهِيَا <i>Sākin fī Taman Siber,</i> <i>Putra Jaya</i>

c. Binaan Subjek

Dari segi binaan subjek berfrasa nama, kedua-dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab mempunyai persamaan yang ketara, ia terdiri daripada kata nama am, kata nama khas, kata ganti nama dan nama terbitan (Arbak Othman,1981; Abdullah Hassan,2007; al-Ghalāyanī Muṣṭafā:2007).

i. Kata nama am

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Bahasa Arab
1	Murid di dalam kelas	تَلْمِيذٌ فِي الْفَصْلِ <i>tilmīdh fī al-faṣl</i>

Perkataan *murid* dan *تَلْمِيذٌ* adalah kata nama am yang berada di fungsi subjek frasa nama di dalam binaan ayat tunggal bahasa Melayu dan ayat namaan bahasa Arab. Unsur persamaan yang ketara ini akan memudahkan pelajar Melayu dalam membina ayat dasar bahasa Arab secara gramatis. Pola ayat yang sama ini membolehkan pelajar Melayu menguasai binaan ayat dengan cepat, mudah dan tepat.

ii. Kata nama khas

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Bahasa Arab
1	Muhammad guru	محمد معلم <i>muhammad mu'allim</i>

Ayat di atas menunjukkan perkataan *Muhammad* dan **محمد** adalah kata nama khas yang berada di fungsi subjek frasa nama di dalam binaan ayat tunggal bahasa Melayu dan ayat namaan bahasa Arab. Unsur persamaan yang ketara ini juga memudahkan pelajar Melayu dalam membina ayat dasar bahasa Arab secara gramatis.

iii. Kata nama definit

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Bahasa Arab
1	Pengetua di dalam pejabat	المدير في الإدارة <i>al-mudīr fī al-'idārat</i>

Kata nama definit iaitu *Pengetua* dan **المدير** berada di fungsi subjek frasa nama di dalam binaan ayat tunggal bahasa Melayu dan ayat namaan bahasa Arab. Unsur persamaan ini juga dijangka memudahkan pelajar Melayu dalam membina ayat dasar bahasa Arab secara gramatis.

iv. Kata ganti nama tunjuk

Kata ganti nama tunjuk dalam binaan ayat dasar bahasa Melayu dan ayat namaan boleh menjadi subjek dan posisi kata tersebut berada di depan ayat seperti dalam contoh berikut:

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Bahasa Arab
1	Ini buku	هَذَا كِتَابٌ <i>hadhā kitāb</i>
2	Ini beg	هَذِهِ حَقْيَّةٌ <i>hadhihi haqībat</i>
3	Itu ayam jantan	ذَلِكَ دِيْكٌ <i>dhalika dīk</i>
4	Itu angsa	تِلْكَ إِوْرَةٌ <i>tilka 'iwazzat</i>

Subjek di dalam ayat-ayat tunggal bahasa Melayu dan bahasa Arab di atas adalah terbina dari kata ganti nama tunjuk iaitu *ini* dan *itu* dan هَذِهِ , هَذَا , هَذِهِ , هَذَا berada di fungsi subjek frasa nama di dalam binaan ayat tunggal bahasa melayu dan ayat namaan bahasa Arab . Binaan subjek frasa nama yang terdiri daripada kata ganti nama tunjuk merupakan unsur persamaan yang ketara dijangka memudahkan pelajar Melayu dalam membina ayat dasar bahasa Arab secara gramatis. Namun begitu perbezaan dari aspek keserasian gender dan bilangan antara subjek dan predikat akan menyukarkan pelajar membina ayat bahasa Arab secara gramatis.

v. Kata ganti nama

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Bahasa Arab
1	Saya Ahmad	أَنَا أَحْمَدٌ <i>'anā 'ahmad</i>
2	Awak pekebun	أَنْتَ بُسْتَانِيٌّ <i>'anta bustānīy</i>
3	Mereka pekebun	هُنْ بُسْتَانِيُّونَ <i>hum bustānīyūn</i>

Ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa kata ganti nama boleh berada di fungsian subjek frasa nama bagi ayat bahasa Melayu dan bahasa Arab. *Saya*

dan أَنَا dalam ayat 1 di atas adalah kata ganti nama pertama, perkataan *Awak* dan أَنْتَ dalam ayat 2 di atas ialah kata ganti nama kedua dan perkataan *Mereka* dan هُمْ dalam ayat 3 di atas, ialah kata ganti nama ketiga yang merupakan subjek frasa nama bagi binaan ayat dasar bahasa Melayu dan bahasa Arab. Unsur persamaan ini dijangka memudahkan pelajar Melayu sekolah rendah membina ayat bahasa Arab yang gramatis.

vii. Kata nama terbitan

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Bahasa Arab
1	Kebersihan penting	النَّظَافَةُ مُهِمَّةٌ <i>al-naẓāfat muhimmat</i>

Kata nama terbitan *Kebersihan* dalam bahasa Melayu dan *masdar النَّظَافَةُ* dalam bahasa Arab juga boleh berada di fungsian subjek frasa nama bagi ayat tunggal bahasa Melayu dan bahasa namaan bahasa Arab.

d. Binaan Predikat

Dari segi pembinaan predikat, bahasa Melayu dan bahasa Arab mempunyai persamaan yang ketara iaitu penggunaan Frasa Nama, Frasa Kerja, Frasa Sendi dan Frasa Adjektif sebagai predikat dalam ayat. Frasa-frasa bahasa Melayu tersebut ialah unit yang boleh terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan atau lebih. (Nik Safiah Karim et al,2004). Mana kala predikat dalam bahasa Arab berbentuk kata tunggal, ayat atau *syibh al-jumlat* yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata sendi (Ibn Hisyām,1997b; Muṣṭafā al-Ghalāyanī,1987; Fu’ād Ni‘mat, t.th).

Berikut adalah contoh bandingan setara binaan predikat frasa nama, frasa kerja, frasa sendi dan frasa adjektif dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab yang menjelaskan aspek persamaan binaan predikat kedua-dua bahasa.

i. Predikat Frasa Nama

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Bahasa Arab
1	Dia kakak saya	هي أختي <i>hiya 'ukhtī</i>

Dari contoh di atas, frasa nama *kakak saya* merupakan predikat kepada subjek *Dia* dalam ayat bahasa Melayu dan frasa nama ^{أختي} هي *hiya 'ukhtī* adalah predikat bagi subjek هي *hiya* dalam ayat bahasa Arab. Unsur persamaan ini memudahkan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu.

ii. Predikat Frasa Adjektif

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Bahasa Arab
1	Pinggan itu kotor	الصَّحْنُ وَسِخْ <i>al-sahn wasikh</i>

Ayat di atas menunjukkan kedua-dua bahasa bahasa Melayu dan bahasa Arab boleh mempunyai predikat berfrasa adjektif untuk subjek ayat dasar iaitu *kotor* dan سخ .

iii. Predikat Frasa Kerja

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Bahasa Arab
1	Datuk saya menternak binatang ternakan	جَدِيْ يُرَبِّ الدَّوَاجِن <i>jaddī yurabbī al-dawājin</i>

Frasa Kerja *menternak binatang ternakan* merupakan predikat dalam bahasa Melayu dan frasa kerja يُرْبِي الدَّوَاجِن merupakan predikat dalam ayat namaan bahasa Arab.

iv. Predikat Frasa Sendi

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Bahasa Arab
1	Mei lin di dalam kelas	مَيْ لَيْنٌ فِي الْفَصْلِ <i>Mei Lin fi al-fasl</i>

Frasa Sendi *di dalam kelas* merupakan predikat dalam bahasa Melayu dan frasa sendi في الفصل merupakan predikat dalam ayat namaan bahasa Arab. Hasil daripada bandingan setara antara binaan ayat bahasa Melayu dan bahasa Arab, dapat dirumuskan bahawa terdapat persamaan yang ketara antara ayat dasar bahasa Melayu dan ayat namaan bahasa Arab. Persamaan tersebut adalah dari sudut konstituen ayat, kewujudan subjek dan predikat, subjek terdiri dari frasa nama dan predikat terdiri dari frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi.

5.1.2 Aspek Perbezaan Sintaksis Bahasa Melayu dan Bahasa Arab

Hasil dari perbandingan sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab yang telah dilakukan, pengkaji merumuskan bahawa aspek-aspek perbezaan yang terdapat dalam sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab adalah seperti berikut:

a. Keserasian Gender تَطْبُقُ الْجِنْسِ

Aspek keserasian gender antara subjek dan predikat merupakan aspek perbezaan yang amat ketara antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. Aspek ini hanya terdapat dalam binaan ayat namaan bahasa Arab dan tidak terdapat di dalam binaan ayat bahasa Melayu. Aspek ini dijangka menyukarkan pelajar untuk membina ayat yang gramatis. Berikut dipamerkan aspek keserasian gender antara subjek frasa nama dan prediket frasa nama bagi ayat namaan bahasa Arab dan bandingan setara dengan ayat dasar bahasa Melayu.

i. Kata Nama tunggal maskulin

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	هَذَا إِبْرِيقٌ <i>hadhā 'ibrīq</i>	Ini teko

Ayat di atas merupakan ayat namaan yang terdiri daripada konstituen ayat frasa nama dan frasa nama. Subjek هَذَا yang merupakan frasa nama adalah kata ganti nama tunjuk (maskulin tunggal) mesti serasi dengan dengan predikat yang terdiri dari frasa nama yang terbentuk dari kata nama (maskulin tunggal) iaitu إِبْرِيقٌ . Unsur keserasian ini sama sekali tidak wujud dalam bahasa Melayu.

ii. Kata nama tunggal feminin

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	هَذِهِ شَوْكَةٌ <i>hadhihi shawkat</i>	Ini garfu

Ayat di atas merupakan ayat namaan yang terdiri dari frasa nama dan frasa nama. Subjek هَذِهِ yang merupakan frasa nama adalah kata ganti nama tunjuk (feminin tunggal) mesti serasi dengan dengan predikat yang terdiri dari frasa nama yang terbentuk dari kata nama (feminin tunggal) iaitu شُوْكَةٌ . Unsur keserasian antara subjek dan predikat ini juga sama sekali tidak wujud dalam bahasa Melayu. Unsur keserasian gender antara subjek dan predikat ini dijangka menyukarkan pelajar menguasai sintaksis asas bahasa Arab seterusnya gagal membina ayat bahasa Arab yang gramatis.

b. Keserasian Bilangan تَطَابُقُ الْعَدَدِ

Aspek keserasian bilangan atau *al-adad* العَدَد antara subjek dan predikat merupakan aspek perbezaan yang ketara antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. Aspek ini hanya terdapat dalam binaan ayat namaan bahasa Arab dan tidak terdapat di dalam binaan ayat bahasa Melayu. Aspek ini dijangka menyukarkan pelajar untuk membina ayat bahasa Arab yang gramatis. Berikut adalah contoh-contoh bandingan setara aspek perbezaan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dari aspek keserasian bilangan.

i. Kata nama tunggal maskulin dan feminin

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	الطالب نَشِيطٌ <i>al-ṭālib nasyīṭ</i>	Pelajar lelaki itu cergas
2	الطالِيَّة نَشِيطَةٌ <i>al-ṭāliyyah nasyīṭat</i>	Pelajar perempuan itu cergas

Subjek dalam ayat di atas merupakan frasa nama الطالب yang terbentuk dari kata tunggal maskulin adalah serasi dengan predikat yang terdiri dari frasa adjektif نَشِيطٌ yang juga kata tunggal maskulin. Begitu juga ayat kedua di mana subjek dalam ayat di atas merupakan frasa nama الطالبة yang terbentuk dari kata tunggal feminin adalah serasi dengan predikat yang terdiri dari frasa adjektif نَشِيطَةٌ yang juga kata tunggal feminin. Unsur ini tidak terdapat dalam bahasa Melayu , di mana perkataan *pelajar* dalam kedua-dua ayat bahasa Melayu di atas hanya ditambahkan dengan perkataan *lelaki* dan *perempuan* untuk membezakan gender .

ii. Kata nama dual maskulin dan feminin

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	الطالبان نَشِيطَان <i>al-tālibān nasyīṭān</i>	Dua orang pelajar lelaki itu cergas
2	الطالبان نَشِيطَاتَان <i>al-tālibatān nasyīṭatān</i>	Dua orang pelajar perempuan itu cergas

Subjek dalam ayat di atas merupakan frasa nama الطالبان yang terbentuk dari kata dual lelaki adalah serasi dengan predikat yang terdiri dari frasa adjektif نَشِيطَان yang juga kata dual lelaki. Subjek dalam ayat di atas merupakan frasa nama الطالباتان yang terbentuk dari kata dual adalah serasi dengan predikat yang terdiri dari frasa adjektif نَشِيطَاتَان yang juga kata dual feminin. Manakala dalam bahasa Melayu perkataan *pelajar* tidak berubah, dan *dua orang* dimasukkan dalam ayat menjadi *dua orang pelajar itu* untuk menerangkan bilangan subjek. Begitu juga binaan predikat tidak berubah, di mana kata sifat *rajin* kekal seperti asal. Unsur keserasian bilangan antara

subjek dan predikat menyukarkan pelajar Melayu sekolah rendah menguasai sintaksis asas bahasa Arab.

iii. Kata nama majmuk maskulin

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	الطلاب نَشِيطُونَ <i>al-tullāb nasyīṭūn</i>	Pelajar-pelajar lelaki itu cergas
2	الطالبات نَشِيطَاتٌ <i>al-ṭālibāt nasyīṭāt</i>	Pelajar-pelajar perempuan itu cergas

Subjek dalam ayat 1 di atas merupakan frasa nama majmuk **الطلاب** yang terbentuk dari kata majmuk maskulin adalah serasi dengan predikat yang terdiri dari frasa adjektif **نَشِيطُونَ** yang juga kata majmuk maskulin, dan subjek dalam ayat 2 di atas merupakan frasa adjektif **الطالبات** yang terbentuk dari kata majmuk feminin adalah serasi dengan predikat yang terdiri dari frasa adjektif **نَشِيطَاتٌ** yang juga kata majmuk feminin.

Huraian dari ayat-ayat bahasa Arab di atas merupakan konstituen ayat namaan yang terdiri dari subjek frasa nama dan predikat frasa adjektif. Di mana didapati aspek keserasian bilangan antara dua konstituen ayat bahasa Arab iaitu subjek dan predikat merupakan ciri yang amat penting dalam binaaan ayat dasar bahasa Arab. Begitu juga keserasian bilangan antara subjek frasa nama dan prediket frasa kerja amat dititikberatkan dalam binaan ayat bahasa Arab. Keserasian ini perlu dikuasai oleh pelajar agar mereka dapat membina ayat bahasa Arab yang tepat dan gramatis. Unsur keserasian antara subjek dan predikat frasa kerja tidak wujud di dalam bahasa Melayu. Berikut adalah contoh bandingan setara antara ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu

yang menjelaskan aspek keserasian yang amat dititikberatkan dalam bahasa Arab.

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	الفَلاحُ يَعْمَلُ فِي الْحَقْلِ <i>al-fallāḥ ya 'mal fī al-haql</i>	Peladang lelaki berkerja di ladang
2	الْفَلاحَانِ يَعْمَلَانِ فِي الْحَقْلِ <i>al-fallāḥān ya 'malān fī al-haql</i>	Dua orang peladang lelaki berkerja di ladang
3	الْفَلاحُونَ يَعْمَلُونَ فِي الْحَقْلِ <i>al-fallāḥūn ya 'malūn fī al-haql</i>	Peladang- peladang lelaki berkerja di ladang

Subjek di dalam ayat 1 bahasa Arab di atas ialah **الفَلاحُ**, mestilah serasi dengan predikat kata kerja kala kini tunggal maskulin **يَعْمَلُ**. Begitu juga binaan ayat 2 di atas, di mana subjek **الْفَلاحَانِ**, mestilah serasi dengan predikat kata kerja kala kini dual maskulin **يَعْمَلَانِ**, dan di dalam ayat 3 di atas predikat kata kerja kala kini majmuk maskulin **يَعْمَلُونَ** mestilah serasi dengan subjek kata nama majmuk maskulin **الْفَلاحُونَ**.

Kesimpulannya subjek-subjek dalam ayat-ayat bahasa Arab di atas mestilah serasi dari sudut bilangan dengan predikat yang merupakan pelengkap ayat. Unsur keserasian bilangan ini sama sekali tidak wujud dalam binaan ayat bahasa Melayu.

c. Subjek Frasa Kerja

Subjek dalam ayat bahasa Melayu boleh dimulakan dengan frasa kerja tanpa menjelaskan makna. Subjek frasa kerja dalam pembentukan ayat bahasa Melayu, mestilah berfungsi sebagai kata nama (Arbak Othman,1981; Abdullah Hassan,1993; Nik Safiah Karim et al.1994). Ini disebabkan ayat bahasa Melayu dimulakan dengan frasa nama. Berikut adalah contoh ayat bahasa Melayu yang pola intinya adalah frasa kerja.

Bil	Ayat Bahasa Melayu	Ayat Bahasa Arab
1	Bersenam menyihatkan badan	الرِّياضَةُ تَصْحُّ الْجِسْمَ <i>al-riyāḍat tasīḥhu al-jism</i>

Kata kerja *bersenam* mengambil tugas kata nama dan predikat frasa kerja *menyihatkan badan*. Contoh ayat bahasa Arab adalah seperti berikut:

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	أَنْ تَطْبَخَ الْأَرْزَ خَيْرٌ لَكَ <i>an tatbukh al-'aruz khayr laka</i>	Memasak nasi lebih baik untuk awak

Ayat di atas dimulakan dengan kata kerja *أن تطبخ* ، kata kerja mendepani dan menjadi pola inti tidak bersalah dengan susunan ayat bahasa Arab. Partikel *an* dan kata kerja ditakwil kepada kata terbitan berpotensi menjadi subjek. Namun begitu unsur pendepanan kata kerja dalam susunan ayat bahasa Arab dijangka menyukarkan pelajar Melayu sekolah rendah dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis.

Contoh pendepanan kata kerja dalam ayat kerjaan bahasa Arab adalah seperti berikut:

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	يَطْبَخُ الطَّبَّاخُ الْأَرْزَ <i>yatbukh al-tabbakh al-'aruzz</i>	Tukang masak menanak nasi.

Susunan ayat di atas menyalahi susunan ayat bahasa melayu iaitu *menanak tukang masak nasi*.

d. Derivasi Kata Kerja

Unsur derivasi kata kerja merupakan unsur utama yang mesti ada dalam ayat bahasa arab. Kata kerja bahasa Arab terbahagi kepada kala lampau, kala kini dan kala imperatif. Unsur kala atau masa yang berada dalam binaan kata kerja tidak ada sama sekali dalam binaan ayat bahasa Melayu.

i. Derivasi kata kerja kala kini (tunggal maskulin)

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	البَائِعُ يَبْيَعُ الْفَوَاكِه al-bā'i 'yabi' al-fawā'ikh	Penjual lelaki menjual buah-buahan

Subjek يَبْيَعُ الفَوَاكِه mempunyai predikat البَائِعُ iaitu frasa kerja kala kini. Subjek dan predikat mestilah serasi dari sudut gender dan bilangan.

ii. Derivasi kata kerja kala kini (dual maskulin)

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	البَائِعَانِ يَبْيَعُانُ الْفَوَاكِه al-bā'i 'ān yabi' ān al-fawā'ikh	Dua orang penjual lelaki menjual buah-buahan

Subjek يَبْيَعُانُ الفَوَاكِه mempunyai predikat البَائِعَانِ iaitu frasa kerja kala kini. Subjek dan predikat mestilah serasi dari sudut gender dan bilangan.

iii. Derivasi kata kerja kala kini (majmuk maskulin)

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	البَائِعُونَ يَبْيَعُونَ الْفَوَاكِه al-bā'i 'ūn yabi' ūn al-fawā'ikh	Penjual-penjual menjual buah-buahan

Subjek يَبْيَعُونَ الفَوَاكِه mempunyai predikat البَائِعُونَ iaitu frasa kerja kala kini. Subjek dan predikat mestilah serasi dari sudut gender dan bilangan.

iv. Derivasi kata kerja kala kini (tunggal feminine)

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	البَائِعَةُ تَبْيَعُ الْفَوَاكِهِ <i>al-bā'i 'at tabi' al-fawākih</i>	Penjual wanita menjual buah-buahan

Subjek **البَائِعَةُ** mempunyai predikat **تَبْيَعُ الْفَوَاكِهِ** iaitu frasa kerja kala kini.

Subjek dan predikat mestilah serasi dari sudut gender dan bilangan.

v. Derivasi kata kerja kala kini (dual feminine)

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	البَائِعَتَانِ تَبْيَعَانِ الْفَوَاكِهِ <i>al-bā'i 'atān tabi'ān al-fawākih</i>	Dua orang penjual wanita menjual buah-buahan

Subjek **البَائِعَتَانِ** mempunyai predikat **تَبْيَعَانِ الْفَوَاكِهِ** iaitu frasa kerja kala kini. Subjek dan predikat mestilah serasi dari sudut gender dan bilangan.

vi. Derivasi kata kerja kala kini (majmuk feminine)

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	البَائِعَاتُ يَبْيَعْنَ الْفَوَاكِهِ <i>al-bā'i 'at yabi'na al-fawākih</i>	Penjual-penjual wanita menjual buah-buahan

Subjek **البَائِعَاتُ** mempunyai predikat **يَبْيَعْنَ الْفَوَاكِهِ** iaitu frasa kerja kala kini. Subjek dan predikat mestilah serasi dari sudut gender dan bilangan.

Dari perbincangan di atas, pengkaji mendapati unsur keserasian antara subjek frasa nama dan predikat frasa kerja kala kini meyukarkan pelajar sekolah rendah menguasai sintaksis asas bahasa Arab. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Naimah (2003).

e. Elemen Masa

Unsur masa iaitu kala lampau, dan kala kini wujud secara langsung dalam binaan kata kerja yang membentuk frasa kerja ayat bahasa Arab. Unsur ini tiada dalam ayat bahasa Melayu.

i. Kata kerja Kala Lampau

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	الْفَلَّاحُ رَجَعَ مِنِ الْبُسْتَانِ <i>al-fallāh raja‘ min al-bustān</i>	Peladang telah pulang dari kebun

Kata Kerja kala lampau **رجع** membawa makna masa tersendiri tanpa perlu meletakkan kata yang menunjukkan masa. Ini berbeza dengan binaan kata kerja bahasa Melayu yang perlu ditambah kata yang menunjukkan masa seperti kata *telah / sudah* pulang.

ii. Kata kerja Kala kini

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	الْفَلَّاحُ يَرْجِعُ مِنِ الْبُسْتَانِ <i>al-fallāh yarji‘ min al-bustān</i>	Peladang sedang pulang dari kebun

Kata Kerja kala kini **يرجع** membawa makna masa tersendiri tanpa perlu meletakkan kata yang menunjukkan masa. Ini berbeza dengan binaan kata kerja bahasa Melayu yang perlu ditambah kata yang menunjukkan masa seperti kata *sedang / akan* sebelum kata kerja. Contoh ayat : Peladang sedang pulang dari kebun.

f. Kata Ganti Nama Bersambung *damīr Muttaṣil*

Perubahan pada kata ganti nama dalam bahasa Arab khususnya kata ganti nama bersambung iaitu *damīr muttaṣil* tidak wujud dalam bahasa Melayu, unsur ini hanya wujud dalam bahasa Arab.

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	أَنَا طَالِبٌ ، اسْمِي أَحْمَد 'anā ṭalib, ismī 'ahmad	Saya seorang murid, nama saya Ahmad

Ayat di atas terbentuk dari perkataan **أَنَا + طَالِبٌ + ، اسْمِي + أَحْمَد**. KN **اسْمِي**, apabila disandar dengan kata ganti nama pertama **أَنَا**, berubah menjadi **اسْمِي**. Unsur perubahan kata ganti nama seperti ini, tidak terdapat dalam bahasa Melayu. kata ganti nama pertama “saya” tetap tidak berubah walau berada di fungsi yang berbeza. Contoh : “Saya seorang pelajar, nama saya Ahmad”.

g. Kasus

Unsur kasus tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Sebaliknya unsur ini terdapat dengan jelas dalam bahasa Arab, iaitu kasus akusatif, nominatif dan genetif.

i. Kasus akusatif

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	هَذَا قَلْمَنْ <i>hadhā qalam</i>	Ini sebatang pen

Frasa Nama **قَلْمَنْ** *qalam* adalah kasus nominatif kerana ia merupakan subjek bagi ayat namaan bahasa Arab.

ii. Kasus nominatif

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	أَمْسِكْ قَلْمَانِسِكْ، <i>amsik qalam(an)</i>	Saya sedang memegang sebatang pen

Frasa Nama **قَلْمَانِسِكْ** *qalam(an)* adalah kasus nominatif kerana ia merupakan objek bagi frasa kerja **أَمْسِكْ** dalam ayat namaan bahasa Arab. (FN+FK+FN).

iii. Kasus genetif

Bil	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu
1	أَكْتُبْ بِقَلْمَانِسِكْ <i>'aktub bi qalam(in)</i>	Saya sedang menulis dengan sebatang pen

Frasa Nama **قَلْمَانِسِكْ** *qalam* adalah kasus genetif kerana ia berada selepas kata sendi **بِ**.

h. Frasa adjektif

Frasa adjektif dalam binaan ayat bahasa Melayu boleh dibentuk dengan sendiri sebagai konstituen ayat iaitu subjek dengan mengambil tugas kata nama (Nik Safiah et al 1994; Arbak Othman 1981). Hal ini berbeza dalam bahasa Arab, di mana adjektif atau kata sifat tergolong di dalam golongan kata nama.

Contoh ayat bahasa Melayu : Miskin jangan dipandang hina.

Contoh ayat bahasa Arab **الدَّكِيُّ مُجْتَهِدٌ**: *al-dhakīy mujtahid*

Frasa adjektif *Miskin* dan **الدَّكِيُّ** merupakan subjek dalam ayat bahasa Melayu dan bahasa Arab di atas.

Kesimpulannya, hasil dari bandingan setara, pengkaji mendapati binaan ayat namaan bahasa Arab mengandungi pola yang menyamai pola ayat dasar bahasa Melayu. Aspek persamaan pola ayat bahasa Melayu dan ayat namaan bahasa Arab yang memudahkan pelajar sekolah rendah menguasai sintaksis asas bahasa Arab dan perbezaan keserasian yang menyukarkan pelajar menjadi fokus dalam modul sintiksis asas bahasa Arab (M-SABA). Dari aspek-aspek persamaan dan perbezaan ini, pengkaji menetapkan 5 pola ayat dasar bahasa Melayu dijadikan pola utama dalam M-SABA. Pola-pola ini dipilih memandangkan pola-pola ini dengan dengan pelajar dan ia memudahkan pelajar memahami dan menguasai binaan ayat namaan bahasa Arab. Hal ini selaras dengan saranan pendekatan analisis kontrastif yang menitikberatkan aspek persamaan dan perbezaan B1 dan B2 (Lado, 1957:2).

Hasil dari analisis konstrastif sintaksis asas bahasa Arab dan bahasa Melayu, pengkaji mendapati lima pola berikut adalah sesuai dan tepat untuk membantu pelajar Melayu membina ayat bahasa Arab yang gramatis. Berikut adalah pola-pola yang dipilih oleh pengkaji dalam pembinaan modul M-SABA:

1. FN + FN
2. FN + FA
3. FN + FK
4. FN + FS
5. FN + FK + FS

5.2 Analisis Data Kuantitatif Dari Kajian Deskriptif

Peringkat kedua kajian ini merupakan kajian deskriptif, di mana dalam kajian peringkat ini iaitu kajian deskriptif melibatkan sampel kajian yang terdiri dari murid-murid sekolah kebangsaan yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa elektif.

5.2.1 Profil Sampel Kajian

Seramai 154 orang responden tahun 4 dari empat buah sekolah kebangsaan di Pulau Pinang telah terlibat dalam kajian ini. Taburan responden mengikut sekolah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.3 di bawah :

Jadual 5.3: Jumlah Responden Mengikut Sekolah dan Jantina

Sek	N	Peratus	Lelaki	Perempuan
SK1	40	26.0	20	20
SK2	38	24.7	20	18
SK3	39	25.3	20	19
SK4	37	24.0	18	19
Jumlah	154	100.0	78	76

Jadual 5.3 menunjukkan jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini melibatkan empat buah sekolah kebangsaan di Pulau Pinang. Seramai 40 orang [26%] responden mewakili SK 1. Seramai 20 orang responden lelaki dan 20 orang responden perempuan. Sementara itu, bilangan responden mewakili SK 2 adalah seramai 38 orang [24.7%] pelajar. Responden lelaki seramai 20 orang dan responden perempuan yang seramai 18 orang . Manakala di SK 3 pula kajian melibatkan 39 orang [25.3%] responden. Responden lelaki seramai 20 orang dan responden perempuan seramai 19

orang. Di SK 4 pula kajian melibatkan 37 orang [24%] responden. Ianya terdiri 18 responden lelaki dan 19 orang responden perempuan.

Analisis data dari reka bentuk kajian deskriptif ini digunakan pengkaji bagi menjawab soalan kajian kajian 2.

5.2.2 Dapatan Kajian Deskriptif

Soalan kajian 2

Apakah aras kesukaran pelajar terhadap elemen tatabahasa Arab yang terdapat di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR Bahasa Arab Tahun 4 dalam membina ayat bahasa Arab?

Terdapat 6 elemen tatabahasa yang terkandung di dalam DSKP KSSR Bahasa Arab Tahun 4 iaitu; (a) pengelasan kata, (b) kata nama berdasarkan gender, (c) kata nama berdasarkan bilangan, (d) derivasi kata kerja (e) kata nama tunjuk dan (f) Kata ganti nama.

a. Aspek Pengkelasan Kata

Pengkelasan kata bahasa Arab dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu (a) kata nama, (b) kata kerja, dan (c) kata sendi. Responden dikehendaki mengklaskan kategori kata bahasa Arab kepada kata nama, kata kerja dan kata sendi daripada 5 ayat yang diberi.


i. Aspek Pengkelasan Kata Nama

Jadual 5.4 menunjukkan tahap skor responden dalam pengkelasan kata nama. Responden diuji dalam mengkelaskan kata nama, kata kerja dan kata sendi dari contoh ayat yang diberi.

Jadual 5.4: Skor Responden Bagi Pengkelasan Kata (Kata Nama)

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	1	0.6
Lemah	19	12.3
Sederhana	50	32.5
Baik	41	26.6
Cemerlang	43	27.9
Jumlah	154	100.0

Jadual 5.4 mendapati seramai 43 orang responden [27.9%] dapat mengkelaskan kelas kata nama dengan tahap skor cemerlang. Manakala 41 orang [26.6%] berada di tahap baik dan 50 orang [32.5%] di tahap sederhana. Sementara itu 19 orang pelajar [12.3%] di tahap lemah dan 1 orang [0.6%] berada di tahap amat lemah. Skor min untuk aspek pengkelasan kata nama ini ialah 3.69 dari skor keseluruhan 5. Rajah histogram 5.1 di bawah menjelaskan dapatan tersebut.



Rajah 5.1 : Aspek Pengkelasan Kata (Kata Nama)


ii. Aspek Pengkelasan Kata (Kata Kerja)

Kata kerja merupakan satu bentuk pengkelasan kata bahasa Arab. Jadual 5.5 menunjukkan tahap skor responden dalam pengkelasan kata kerja.

Jadual 5.5: Skor responden bagi aspek pengkelasan kata (Kata Kerja)

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	1	0.6
Lemah	35	22.7
Sederhana	28	18.2
Baik	50	32.5
Cemerlang	40	26.0
Jumlah	154	100.0

Dapatan menunjukkan 40 orang responden [26%] dapat mengenalpasti kelas kata kerja dengan tahap skor cemerlang. 11 orang responden [6.2%] menunjukkan tahap skor yang baik. Manakala 20 orang [11.2%] berada di tahap sederhana dan seramai 4 orang [2.2%] di tahap skor yang lemah dan 12 orang [6.7%] amat lemah dalam mengenalpasti kelas kata kerja. Skor min untuk aspek pengkelasan kata kerja ini ialah 3.60 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.2 di bawah menjelaskan lagi fenomena tersebut.



Rajah 5.2 : Pengkelasan Kata Kerja


iii. Aspek Pengkelasan Kata (Kata Sendi)

Kata sendi merupakan salah satu daripada golongan kata dalam bahasa Arab. Kata sendi merupakan golongan kata yang selalu digunakan dalam sintaksis asas bahasa Arab. Jadual 5.6 menunjukkan tahap skor pelajar dalam pengkelasan kata sendi.

Jadual 5.6 : Skor responden bagi pengelasan kata Kata Sendi)

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	0	0
Lemah	16	10.4
Sederhana	27	17.5
Baik	57	37.0
Cemerlang	54	35.1
Jumlah	154	100.0

Jadual 5.6 di atas menunjukkan 54 orang responden [35.1%] dapat mengenalpasti kelas kata sendi pada tahap skor cemerlang. 57 orang responden [37%] menunjukkan tahap skor yang baik. Manakala 27 orang responden [17.5%] berada di tahap lemah dan seramai 16 orang [10.4%] di tahap skor yang amat lemah dalam mengenalpasti kata sendi. Skor min untuk aspek pengelasan kata sendi ini ialah 3.97 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.3 di bawah menjelaskan lagi dapatan tersebut.



Rajah 5.3 : Pengelasan Kata Sendi

iv. Aspek Keserasian Gender تطابق الجنس

Kata Nama berasaskan gender dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua iaitu kata nama maskulin dan kata nama feminin. Ujian ini bertujuan untuk mengukur tahap kecekapan responden dalam menentukan keserasian gender dalam mengaplikasi sintaksis asas bahasa Arab dari pola FN+FN. Terdapat dua jenis keserasian gender iaitu (a) frasa kata nama maskulin +frasa kata nama Maskulin dan (b) frasa kata nama feminin + frasa kata nama feminin.


a. Keserasian Gender Frasa Nama Maskulin

Jadual 5.7 menunjukkan dapatan kajian mengenai kecekapan responden membina ayat berasaskan keserasian gender iaitu frasa kata nama maskulin +frasa kata nama Maskulin .

Jadual 5.7: Keserasian Gender Pola FN Kata Nama Maskulin + FN Kata Nama Maskulin

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	23	14.9
Lemah	38	24.7
Sederhana	56	36.4
Baik	27	17.5
Cemerlang	10	6.5
Jumlah	154	100.0

Dapatan daripada jadual 5.7 menunjukkan seramai 10 orang responden [6.5%] mendapat skor cemerlang. 27 orang pelajar [17.5%] mendapat skor baik dan 56 orang [36.4%] sederhana. Sementara 38 orang pelajar [24.7%] berada di tahap lemah dan 23 orang lagi [14.9%] mendapat skor amat lemah. Skor min untuk aspek keserasian gender maskulin ini ialah 2.76 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.4 menjelaskan skor min tersebut.



Rajah 5.4: Aspek Keserasian Gender Kata Nama Maskulin
تطابق الجنس للذكر


b. Aspek Keserasian Gender Kata Nama Feminin

Ujian kecekapan ini dijalankan untuk mengukur tahap kecekapan responden menggunakan kata nama feminin bahasa Arab dengan betul mengikut keserasian gender bagi frasa nama feminin + frasa nama feminin. Jadual 5.8 menunjukkan dapatan kajian tersebut.

Jadual 5.8: Keserasian Gender Pola FN Kata Nama Feminin + FN Kata Nama Feminin

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	21	13.6
Lemah	45	29.2
Sederhana	60	39.0
Baik	22	14.3
Cemerlang	6	3.9
Jumlah	154	100.0

Jadual 5.8 menunjukkan 6 orang [3.9%] mendapat skor cemerlang. 22 orang [14.3%] mendapat skor baik. Sementara itu 60 orang [39%] mendapat skor sederhana dan 45 orang [29.2%] mendapat skor ditahap lemah. Manakala 21 orang pelajar [13.6%] mendapat skor amat lemah. Skor min untuk aspek keserasian gender feminin ini ialah 2.66 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.5 menjelaskan daptan tersebut.



**Rajah 5.5 Aspek Keserasian Gender Kata
نطاق الجنس للمؤنث**

v. Aspek Keserasian Bilangan (العدد) *al-adad*

Jenis kata nama (bilangan) merangkumi kata nama tunggal, kata nama dual dan kata nama majmuk. Ujian bertujuan mengukur sama ada responden dapat membina ayat yang menggunakan pola FN + FN yang betul dan gramatis mengikut keserasian bilangan kata nama tunggal, dual ataupun kata nama majmuk. Responden dikehendaki memilih perkataan yang sesuai dan mengisi ruang yang telah disediakan.


a. Keserasian Bilangan Kata Nama Tunggal Pola FN + FN

Pengetahuan tentang keserasian bilangan diantara FN + FN perlu dikuasai oleh pelajar dalam membina ayat gramatis bahasa Arab. Ujian kecekapan tatabahasa ini dilaksanakan untuk mengukur kecekapan pelajar menentukan keserasian kata nama tunggal dengan betul dalam membina ayat menggunakan frasa FN (kata nama tunggal) + FN (kata nama tunggal). Jadual 5.9 menunjukkan dapatan tersebut.

Jadual 5.9: Keserasian Bilangan Pola FN Kata Nama Tunggal + FN Kata Nama Tunggal

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	14	9.1
Lemah	27	17.5
Sederhana	54	35.1
Baik	45	29.2
Cemerlang	14	9.1
Jumlah	154	100.0

Jadual 5.9 menunjukkan tahap skor responden berdasarkan keserasian bilangan Pola FN Kata Nama Tunggal + FN Kata Nama Tunggal. 14 orang pelajar [9.1%] mendapat skor cemerlang, 45 orang pelajar [29.2%] mendapat skor baik dan 54 orang pelajar [35.1%] mendapat skor sederhana. Sementara itu 54 orang pelajar [35.1%] mendapat skor lemah dan 14 orang pelajar [9.1%] mendapat skor sangat lemah. Skor min untuk aspek keserasian bilangan kata nama tunggal ialah 3.12 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.6 menjelaskan dapatan tersebut.



**Rajah 5.6 Keserasian Bilangan Pola FN
(Kata Nama Tunggal) + FN (Kata Nama Tunggal)**


b. Keserasian Kata Nama Dual Pola FN + FN

Keserasian Kata Nama Dual dalam pola ayat FN Kata Nama Dual+ FN Kata Nama Dual perlu dikuasai pelajar bagi menjamin kegramatisan sesuatu ayat yang dibina. Jadual 5.10 adalah dapatan kajian tersebut.

**Jadual 5.10: Keserasian Bilangan Pola FN
Kata Nama Dual + FN Kata Nama Dual**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	4	2.6
Lemah	22	14.3
Sederhana	52	33.8
Baik	62	40.3
Cemerlang	14	9.1
Jumlah	154	100.0

Jadual 5.10 menunjukkan 14 orang pelajar [9.1%] mendapat skor yang cemerlang. 62 orang pelajar [40.3%] mendapat skor baik dan seramai 52 orang pelajar [33.8%] mendapat skor sederhana. Pelajar yang mendapat skor lemah hanya 22 orang [14.3%]. Manakala yang mendapat skor amat lemah seramai 4 orang pelajar [2.6%]. Jadual ini menunjukkan kebanyakkan pelajar dapat membina ayat dengan keserasian bilangan kata nama dual. Skor min untuk aspek keserasian bilangan kata nama dual ialah 3.39 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.7 menjelaskan dapatan tersebut.



Rajah 5.7: Keserasian Bilangan Pola FN Kata Nama Dual + FN Kata Nama Dual


c. Keserasian Kata Nama Majmuk Pola FN + FN

Keserasian Kata Nama Majmuk dalam pola ayat FN Kata Nama Majmuk + FN Kata Nama Majmuk perlu dikuasai pelajar ketika membina sesuatu ayat. Penguasaan aspek ini dapat menjamin sesuatu ayat yang dibina itu gramatis atau sebaliknya. Jadual 5.11 adalah dapatan kajian tersebut.

**Jadual 5.11: Keserasian Bilangan Pola FN
Kata Nama Majmuk + FN Kata Nama Majmuk**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	30	19.5
Lemah	55	35.7
Sederhana	52	33.8
Baik	15	9.7
Cemerlang	2	1.3
Jumlah	154	100.0

Dapatan kajian mendapati seramai 2 orang pelajar [1.3%] mendapat skor cemerlang. Manakala 15 orang pelajar [9.7%] mendapat skor baik. Pelajar yang mendapat skor sederhana seramai 52 orang [33.8%] dan 55 orang pelajar [35.7%] mendapat skor lemah dan 30 orang lagi [19.5%] mendapat skor amat lemah. Skor min untuk aspek keserasian bilangan kata nama majmuk ialah 2.38 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.8 menjelaskan dapatan tersebut.



Rajah 5.8: Keserasian Bilangan Pola FN Kata Nama Majmuk + FN Kata Nama Majmuk

vi. Aspek Derivasi Kata Kerja

Responden dikehendaki melengkapkan ayat berkaitan dengan kata kerja lepas, kata kerja sedang dan kata perintah serta derivasinya. Tujuannya untuk mengenalpasti tahap kecekapan pelajar menentukan derivasi kata kerja bahasa Arab yang betul. dalam membina ayat bahasa Arab menggunakan pola FN + FK.


a. Keserasian Derivasi Kata Kerja Telah Pola FN + FK

Pelajar perlu mengetahui derivasi kata kerja yang betul bagi memastikan sintaksis yang dibina adalah gramatis. Jadual 5.12 menunjukkan skor pelajar terhadap keserasian derivasi kata kerja kala lampau bagi pola FN + FK (Kata Kerja kala lampau).

**Jadual 5.12: Keserasian Derivasi Kata Kerja
Pola FN + FK (Kata Kerja Telah)**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	5	3.2
Lemah	40	26.0
Sederhana	63	40.9
Baik	36	23.4
Cemerlang	10	6.5
Jumlah	154	100.0

Jadual 5.12 mendapati 10 orang pelajar [6.5%] mendapat skor cemerlang. 36 orang pelajar [23.4%] mendapat skor baik dan 63 pelajar [40.9%] mendapat skor sederhana. Sementara 40 orang pelajar [26%] mendapat skor lemah dan 5 orang responden [3.2%] mendapat skor amat lemah. Skor min untuk aspek keserasian derivasi kata kerja telah bagi pola FN + FK Kata ialah 3.04 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.9 menjelaskan dapatan tersebut.



Rajah 5.9: Keserasian Derivasi Pola FN + FK Kata Kerja Kala Lampau


b. Keserasian Derivasi Kata Kerja Sedang Pola FN + FK

Pelajar perlu menguasai derivasi kata kerja sedang supaya dapat membina ayat yang betul dari aspek sintaksis tatabahasa bahasa Arab. Jadual 5.13 menunjukkan tahap skor pelajar terhadap kecekapan mereka menggunakan derivasi kata kerja yang betul dalam membina ayat menggunakan pola FN + FK (Kata Kerja Kala Kini).

Jadual 5.13 : Keserasian Derivasi Kata Kerja Pola FN + FK (Kata Kerja Kini)

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	8	5.2
Lemah	42	27.3
Sederhana	40	26.0
Baik	51	33.1
Cemerlang	13	8.4
Jumlah	154	100.0

Dapatan kajian daripada jadual 5.13 menunjukkan seramai 13 orang pelajar [8.4%] mendapat skor cemerlang. Manakala 51 orang pelajar [33.1%] mendapat skor baik dan 40 pelajar [26%] mendapat skor sederhana. Sementara itu 42 orang pelajar [27.3%] mencapai tahap skor lemah dan 8 orang responden [5.2 %] mencapai tahap skor amat lemah. Skor min untuk aspek keserasian derivasi kata kerja sedang bagi pola FN + FK ialah 3.12 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.10 menjelaskan dapatan tersebut.



Rajah 5.10: Keserasian Derivasi Pola FN + FK Kata Kerja Kini


c. Keserasian Derivasi Kata Kerja Perintah

Pelajar perlu menguasai derivasi kata kerja perintah supaya dapat membina ayat yang betul mengikut sintaksis tatabahasa bahasa Arab. Jadual 5.14 menunjukkan tahap skor pelajar terhadap derivasi kata kerja perintah dari dapatan kajian.

Jadual 5.14: Keserasian Derivasi Kata Kerja Pola FN + (FK Kata Kerja Perintah)

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	10	6.5
Lemah	61	39.6
Sederhana	49	31.8
Baik	20	13.0
Cemerlang	14	9.1
Jumlah	154	100.0

Dapatan kajian daripada jadual 5.14 menunjukkan seramai 14 orang pelajar [9.1%] mendapat skor cemerlang. Manakala 20 orang pelajar [13%] mendapat skor baik dan 49 pelajar [31.8%] mendapat skor sederhana. Sementara itu 61 orang pelajar [39.6%] mencapai tahap skor lemah dan 10 orang responden [6.5 %] mencapai tahap skor amat lemah. Skor min untuk aspek keserasian derivasi kata kerja perintah bagi pola FN + FK ialah 2.79 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.11 menjelaskan dapatan tersebut.



Rajah 5.11: Keserasian Derivasi Pola FN + FK Kata Kerja Perintah

v. Aspek Penggunaan Kata Tunjuk

Terdapat 2 jenis kata tunjuk dalam sintaksis asas bahasa Arab iaitu (a) kata tunjuk dekat, dan (b) kata tunjuk jauh. Ujian kecekapan tatabahasa ini bertujuan mengukur kecekapan responden dapat membina ayat yang menggunakan pola FN (Kata Tunjuk) + FN dengan menggunakan kata tunjuk yang betul dan gramatis mengikut keserasian gender kata tunjuk sama ada untuk maskulin atau feminin. Responden dikehendaki memilih kata tunjuk yang yang sesuai dan mengisi ruang yang telah disediakan.

a. Penggunaan Kata Tunjuk Dekat Pola FN + FN


Pengetahuan tentang keserasian kata tunjuk dekat di antara FN (Kata Tunjuk) + FN perlu dikuasai oleh pelajar dalam membina ayat gramatis bahasa Arab. Ujian kecekapan tatabahasa ini dilaksanakan untuk mengukur kecekapan pelajar menentukan keserasian kata nama dekat dengan betul dalam membina

ayat menggunakan frasa FN (kata tunjuk dekat) + FN. Jadual 5.15 menunjukkan dapatan tersebut.

**Jadual 5.15: Penggunaan Kata Tunjuk Dekat Pola FN
(Kata Tunjuk Dekat) + FN**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	6	3.9
Lemah	38	24.7
Sederhana	42	27.3
Baik	44	28.6
Cemerlang	24	15.6
Jumlah	154	100.0

Dapatan daripada jadual 5.15 menunjukkan seramai 24 orang responden [15.6%] mendapat skor cemerlang, 44 orang pelajar [28.6%] mendapat skor baik dan 42 orang [27.3%] sederhana. Sementara 38 orang pelajar [27.4%] berada di tahap lemah dan 6 orang lagi [3.9%] mendapat skor amat lemah. Skor min untuk aspek penggunaan kata tunjuk dekat ini ialah 3.27 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.12 menjelaskan skor min tersebut.



Rajah 5.12: Penggunaan Kata Tunjuk Dekat


b. Penggunaan Kata Tunjuk Jauh Pola FN + FN

Penggunaan kata tunjuk jauh untuk pola FN (Kata Tunjuk) + FN perlu dikuasai oleh pelajar dalam membina ayat gramatis bahasa Arab. Ujian kecekapan tatabahasa ini dilaksanakan untuk mengukur kecekapan pelajar menentukan penggunaan kata nama jauh dengan betul dalam membina ayat menggunakan frasa FN (kata tunjuk jauh) + FN. Jadual 5.16 menunjukkan dapatan tersebut.

**Jadual 5.16 : Penggunaan Kata Tunjuk Dekat Pola FN
(Kata Tunjuk Jauh) + FN**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	7	4.5
Lemah	29	18.8
Sederhana	54	35.1
Baik	48	31.2
Cemerlang	16	10.4
Jumlah	154	100.0

Dapatan daripada jadual 5.16 menunjukkan seramai 16 orang responden [10.4%] mendapat skor cemerlang, seramai 48 orang pelajar [31.2%] mendapat skor baik dan 54 orang [35.1%] sederhana. Sementara 29 orang pelajar [18.8%] berada di tahap lemah dan 7 orang lagi [4.5%] mendapat skor amat lemah. Skor min untuk aspek penggunaan kata tunjuk jauh ini ialah 3.24 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.13 menjelaskan skor min tersebut.



Rajah 5.13 : Penggunaan Kata Tunjuk Jauh

vi. Aspek Penggunaan Kata Ganti Nama

Terdapat 2 jenis kata ganti nama dalam sintaksis asas bahasa Arab iaitu (a) kata ganti nama munfaşil, dan (b) kata ganti nama muttaşil. Ujian kecekapan tatabahasa ini bertujuan mengukur kecekapan responden dapat membina ayat yang menggunakan pola FN (Kata Ganti Nama) + FN dengan menggunakan kata ganti nama yang betul dan gramatis mengikut keserasian gender kata ganti nama sama ada untuk maskulin atau feminin. Responden dikehendaki memilih kata ganti nama yang yang sesuai dan mengisi ruang yang telah disediakan.

a. Penggunaan Kata Ganti Nama Munfaşil


Pengetahuan tentang penggunaan kata ganti nama munfasil FN (Kata Ganti Nama Munfasil) + FN perlu dikuasai oleh pelajar dalam membina ayat gramatis bahasa Arab. Ujian kecekapan tatabahasa ini dilaksanakan untuk

mengukur kecekapan pelajar menentukan penggunaan kata nama ganti nama dengan betul dalam membina ayat menggunakan frasa FN (kata ganti nama munfasil) + FN. Jadual 5.17 menunjukkan dapatan tersebut.

**Jadual 5.17: Penggunaan Ganti Nama Munfasil
Pola FN + FN**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	5	3.2
Lemah	17	11.0
Sederhana	65	42.2
Baik	53	34.4
Cemerlang	14	9.1
Jumlah	154	100.0

Dapatan daripada jadual 5.17 menunjukkan seramai 14 orang responden [9.1%] mendapat skor cemerlang. Seramai 53 orang pelajar [34.4%] mendapat skor baik dan 65 orang [42.2%] sederhana. Sementara 17 orang pelajar [11%] berada di tahap lemah dan 5 orang lagi [3.2%] mendapat skor amat lemah. Skor min untuk aspek penggunaan ganti nama ini munfasil ialah 3.35 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.14 menjelaskan skor min tersebut.



Rajah 5.14: Penggunaan Kata Ganti Nama Munfaşil


b. Penggunaan Kata Ganti Nama Muttaşil

Pengetahuan tentang penggunaan kata ganti nama muttasil FN (Kata Ganti Nama Muttaşil) + FN perlu dikuasai oleh pelajar dalam membina ayat gramatis bahasa Arab. Ujian kecekapan tatabahasa ini dilaksanakan untuk mengukur kecekapan pelajar menentukan penggunaan kata nama ganti nama muttasil dengan betul dalam membina ayat menggunakan frasa FN (kata ganti nama muttaşil) + FN. Jadual 5.18 menunjukkan dapatan tersebut

Jadual 5.18: Penggunaan Ganti Nama Muttaşil Pola FN + FN

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	1	.6
Lemah	32	20.8
Sederhana	75	48.7
Baik	40	26.0
Cemerlang	6	3.9
Jumlah	154	100.0

Dapatan daripada jadual 5.18 menunjukkan seramai 6 orang pelajar [3.9%] mendapat skor cemerlang. 40 orang pelajar [26%] mendapat skor baik dan 75 orang [48.7%] sederhana. Sementara 32 orang pelajar [20.8%] berada di tahap lemah dan seorang lagi [0.6%] mendapat skor amat lemah. Skor min untuk aspek penggunaan ganti nama ini muttaşil ialah 3.12 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.15 menjelaskan skor min tersebut.



Rajah 5.15: Penggunaan Kata Ganti Nama Muttaşil


vii. Penggunaan Kata Sendi

Kata sendi merupakan salah satu daripada golongan kata dalam bahasa Arab. Pengetahuan pelajar terhadap penggunaan kata sendi yang betul dalam diukur di dalam ujian kecekapan tatabahasa. Jadual 5.19 menunjukkan tahap skor pelajar dalam penggunaan kata sendi dalam pembinaan ayat bahasa Arab.

Jadual 5.19 : Penggunaan Kata Sendi

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	1	0.6
Lemah	19	12.3
Sederhana	56	36.4
Baik	29	18.8
Cemerlang	49	31.8
Jumlah	154	100.0

Dapatan daripada jadual 5.19 menunjukkan seramai 49 orang responden [31.8%] mendapat skor cemerlang. 29 orang pelajar [18.8%] mendapat skor baik dan 56 orang [36.4%] sederhana. Sementara 19 orang pelajar [12.3%] berada di tahap lemah dan seorang lagi [0.6%] mendapat skor amat lemah. Skor min untuk aspek penggunaan ganti nama ini munfasil ialah 3.69 dari skor keseluruhan 5. Rajah 5.16 menjelaskan skor min tersebut.



Rajah 5.16: Penggunaan Kata Sendi

5.2.3 Rumusan dapatan analisis deskriptif


Jadual 5.20 menjelaskan aras kesukaran pelajar terhadap elemen tatabahasa Arab berdasarkan analisis skor min.

Jadual 5.20: Analisis Aras Kesukaran Pelajar Terhadap Elemen Tatabahasa Arab

Bil	Elemen Tatabahasa Bahasa Arab	Skor min
1.	Pengkelasan kata nama	3.69
2.	Pengkelasan kata kerja	3.60
3.	Pengkelesan kata sendi	3.97
4.	Keserasian Gender Maskulin	2.76
5.	Keserasian Gender Feminin	2.66
6.	Keserasian Bilangan Tunggal	3.12
7.	Keserasian Bilangan Dual	3.39
8.	Keserasian Bilangan Majmuk	2.38
9.	Derivasi KK Telah	3.04
10.	Derivasi KK Sedang	3.12
11.	Derivasi KK Perintah	2.79
12.	Kata Tunjuk Dekat	3.27
13.	Kata Tunjuk Jauh	3.24
14.	Ganti Nama Munfaşil	3.35
15.	Ganti Nama Muttaşil	3.12
16	Penggunaan Kata Sendi	3.69

Dapatan daripada jadual 5.20 menunjukkan elemen tatabahasa yang paling sukar dikuasai pelajar ialah (a) Keserasian Bilangan Majmuk di mana nilai min skor terendah 2.38 dari skor 5. Ini diikuti elemen (b) Keserasian Gender Feminin di mana nilai skor min 2.66 dari skor 5 dan (c) Keserasian Gender Maskulin di mana nilai skor min 2.76 dari skor 5. Dapatan juga menunjukkan elemen yang paling dikuasai mereka ialah mengenal pasti (a) pengkelasan kata sendi (nilai min 3.97 dari skor 5), (b) pengkelasan kata nama

(nilai min 3.69 dari skor 5) dan (c) penggunaan kata sendi (nilai min 3.69 dari skor 5) Rajah 5.17 menjelaskan skor min tersebut.



Rajah 5.17: Analisis Aras Kesukaran Pelajar Terhadap Elemen Tatabahasa Arab

5.3 Analisis Data Dari Kajian Kuasi-Eksperimen

Peringkat ketiga kajian ini melibatkan kajian kuasi eksperimen untuk menilai keberkesanan M-SABA terhadap penguasaan pelajar membina ayat bahasa arab yang gramatis. Kajian di peringkat ini juga menggunakan sampel yang sama dengan kajian deskriptif di peringkat kedua kajian, iaitu murid- murid sekolah rendah.

5.3.1 Profil Sampel Kajian

Seramai 154 orang respondan tahun 4 dari empat buah sekolah kebangsaan di Pulau Pinang telah terlibat dalam kajian ini. Taburan responden mengikut sekolah adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.3 di bawah :

Jadual 5.21: Jumlah Peratusan Responden Mengikut Sekolah, Kategori Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan

Bil	Nama Sekolah	N	Peratus	Kump Rawatan	Kump Kawalan
1.	SK 1	40	26.0	40	-
2.	SK 2	38	24.7	-	38
3.	SK 3	39	25.3	39	-
4.	SK 4	37	24.0	-	37
	Jumlah	154	100.0	79	75

Jadual 5.21 menunjukkan jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini melibatkan empat buah Sekolah Kebangsaan di Pulau Pinang. Seramai 40 orang [26%] responden mewakili SK 1. Dan 39 orang [25.3%] dari SK 3 mewakili kumpulan rawatan. Sementara itu, 38 orang [24.7%] responden dari SK 2 dan 37 orang [24%] responden mewakili kumpulan kawalan.

Pengkaji telah menjalankan kajian dengan menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen bagi menilai keberkesanan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) yang telah dibina berdasarkan Model Rekabentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005). Hasil analisis data dari rekabentuk kuasi eksperimen ini telah digunakan pengkaji bagi menjawab soalan kajian berikut:

Soalan kajian 4

Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab yang betul berdasarkan sintaksis asas bahasa Arab?

Soalan kajian 4 telah menghasilkan satu hipotesis utama dan beberapa sub hipotesis kajian yang dinyatakan seperti berikut;

Hipotesis Utama HO 1;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab dengan betul berdasarkan sintaksis asas bahasa Arab.

Hipotesis HO 2;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FN.

Hipotesis HO 3;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FA.

Hipotesis HO 4;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FK.

Hipotesis HO 5;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FS.

Hipotesis HO 6;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FK + FS.

**5.3.2 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Hipotesis Utama HO1
Hipotesis Utama HO 1;**

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab dengan betul berdasarkan sintaksis asas bahasa Arab.


Hasil ujian t bagi menguji hipotesis 1 adalah seperti dalam Jadual 5.22 yang menunjukkan perbezaan skor min pencapaian keseluruhan dalam ujian pra dan ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

**Jadual 5.22 : Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min
Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Antara
Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan**

Ujian	Kumpulan	N	Skor	Sisihan	Nilai t	Sign.
			Min	Lazim		
Pra	Rawatan	79	2.71	.989	1.933	0.055
	Kawalan	75	2.43	.808		
Pasca	Rawatan	79	3.53	.798	7.168	0.000
	Kawalan	75	2.63	.767		

Berdasarkan jadual 5.22, skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 2.71 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.43 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 1.933 dan nilai signifikan ialah 0.055. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra.

Manakala dalam ujian pasca skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 3.53 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.63 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pos ini ialah 7.168 dan aras signifikan ialah 0.000. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Oleh itu hipotesis nol ditolak. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 5.18 berikut;



RAJAH 5.18 : Histogram Perbezaan Tahap Pencapaian Keseluruhan Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan

Kesimpulan ujian t antara ujian pra dan ujian pasca secara keseluruhan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah dapatan kajian mendapati pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada tahap kumpulan pelajar kawalan dalam membina ayat bahasa Arab yang betul setelah mengikuti Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA).

5.3.3 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Berasaskan Pola FN + FN

Sub Hipotesis HO 2;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FN.


Hasil ujian t seperti dalam Jadual 5.23 menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan pola ayat FN + FN.

Jadual 5.23: Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Berasaskan Pola FN+FN

Ujian	Kumpulan	N	Skor	Sisihan	Nilai t	Sign.
			Min	Lazim		
Pra	Rawatan	79	2.42	.942	0.705	0.482
	Kawalan	75	2.31	1.013		
Pasca	Rawatan	79	3.22	.915	4.609	0.000
	Kawalan	75	2.53	.920		

Berdasarkan jadual 5.23, skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 2.42 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.31 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 0.705 dan nilai signifikan ialah 0.482. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra berdasarkan soalan aras pengetahuan.

Manakala dalam ujian pasca skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 3.22 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.53 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pasca ini ialah 4.609 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pos pembinaan pola ayat berdasarkan pola ayat FN + FN. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 5.19 berikut:



RAJAH 5.19: Histogram Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berasaskan Pola Ayat FN + FN.

Kesimpulan dari hasil ujian t antara ujian pra dan ujian pasca di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah kajian mendapati skor pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada skor kumpulan pelajar kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FN setelah mengikuti pengajaran menggunakan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) .

5.3.4. Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Berdasarkan Pola FN + FA

Sub Hipotesis HO 3;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FA.


Hasil ujian t seperti dalam Jadual 6.25 menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan pola ayat FN + FA.

Jadual 5.24: Ujian T Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN + FA.

Ujian	Kumpulan	N	Skor	Sisihan	Nilai t	Sign.
			Min	Lazim		
Pra	Rawatan	79	3.18	1.299	0.084	0.933
	Kawalan	75	3.16	1.242		
Pasca	Rawatan	79	4.20	.992	5.869	0.000
	Kawalan	75	3.25	1.015		

Berdasarkan jadual 5.24, skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 3.18 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 3.16 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 0.084 dan nilai signifikan ialah 0.933. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra berdasarkan pola ayat FN + FA.

Manakala dalam ujian pasca skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 4.20 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 3.25 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pasca ini ialah 5.869 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca pembinaan pola ayat berdasarkan pola ayat FN + FA. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 5.20 berikut;



RAJAH 5.20 :Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN+ FA.

Kesimpulan dari hasil ujian t antara ujian pra dan ujian pasca di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah kajian mendapati tahap pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada tahap kumpulan pelajar kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FA. setelah mengikuti pengajaran pola ayat menggunakan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA).

5.3.5 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Berdasarkan Pola FN + FK.

Sub Hipotesis HO 4;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FK.

Hasil ujian t seperti dalam Jadual 5.25 menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan pola ayat FN + FK.


Jadual 5.25 : Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN + FK.

Ujian	Kumpulan	Bilangan (n)	Skor Min	Sisihan Lazim	Nilai t	Sign.
Pra	Rawatan	79	3.08	1.583	2.678	0.080
	Kawalan	75	2.45	1.277		
Pasca	Rawatan	79	3.54	1.207	4.796	0.000
	Kawalan	75	2.68	1.016		

Berdasarkan jadual 5.25, skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 3.08 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.45 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 2.678 dan nilai signifikan ialah 0.080. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra berdasarkan pola ayat FN + FK.

Namun demikian dalam ujian pasca skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 3.54 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.68 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pasca ini ialah 4.796 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca pembinaan pola ayat berasaskan pola ayat FN + FK.

Walaupun dapatan menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan di antara kumpulan rawatan dan kawalan dalam ujian pra, namun demikian dapatan dari ujian pasca menunjukkan pencapaian kumpulan rawatan lebih tinggi daripada pencapaian kumpulan kawalan. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 5.21 berikut;



RAJAH 5.21: Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN + FK.

Kesimpulan dari hasil ujian t antara ujian pra dan ujian pasca di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah kajian mendapati skor pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada skor kumpulan pelajar kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan soalan aras aplikasi setelah mengikuti pengajaran pola ayat menggunakan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA).

5.3.6 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Berdasarkan Pola FN + FS

Sub Hipotesis HO 5;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FS


Hasil ujian t seperti dalam Jadual 5.26 menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan pola ayat FN + FS.

Jadual 5.26 : Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Berasaskan Pola Ayat FN + FS

Ujian	Kumpulan	Bilangan (n)	Skor Min	Sisihan Lazim	Nilai t	Sign.
Pra	Rawatan	79	2.41	1.007	0.272	0.786
	Kawalan	75	2.36	1.048		
Pasca	Rawatan	79	3.11	1.000	4.258	0.000
	Kawalan	75	2.43	1.002		

Berdasarkan jadual 5.26, skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 2.41 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.36 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 0.272 dan nilai signifikan ialah 0.786. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra berdasarkan pola ayat FN + FS.

Manakala dalam ujian pasca skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 3.11 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.43 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pasca ini ialah 4.258 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca pembinaan pola ayat berdasarkan pola ayat FN + FS. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 5.22 berikut;



RAJAH 5.22: Perbezaan Tahap Pencapaian Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN + FS

Kesimpulan dari hasil ujian t antara ujian pra dan ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah kajian mendapati tahap skor pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada skor kumpulan pelajar kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FS setelah mengikuti pengajaran pola ayat menggunakan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA).

5.3.7 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pasca Berdasarkan Pola Ayat FN + FK + FS.

Sub Hipotesis HO 6;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor pelajar kumpulan rawatan dan skor pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FK + FS.


Hasil ujian t seperti dalam Jadual 5.27 menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan pola ayat FN + FK + FS.

Jadual 5.27 : Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN + FK + FS

Ujian	Kumpulan	N	Skor	Sisihan	Nilai t	Sign.
			Min	Lazim		
Pra	Rawatan	79	2.22	1.216	1.625	0.106
	Kawalan	75	1.92	1.024		
Pasca	Rawatan	79	3.20	1.067	6.275	0.000
	Kawalan	75	2.21	.874		

Berdasarkan Jadual 5.27 skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 2.22 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 1.92 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 1.625 dan nilai signifikan ialah 0.106. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra berdasarkan pola ayat FN + FK + FS.

Dalam ujian pasca skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 3.20 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.21 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pos ini ialah 6.275 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pos pembinaan pola ayat berdasarkan pola ayat FN + FK + FS. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 5.23 berikut;



RAJAH 5.23: Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Pola Ayat FN + FK + FS.

Kesimpulan dari hasil ujian t antara ujian pra dan ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah kajian mendapati tahap pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada tahap kumpulan pelajar kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat FN + FK + FS setelah mengikuti pengajaran pola ayat menggunakan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA).

Rumusan dari hasil dapatan ujian t antara ujian pra dan ujian pasca berasaskan 5 pola ayat, maka dapatan mendapat terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina pola ayat bahasa Arab mengikut 5 pola ayat di dalam M-SABA. Oleh itu hipotesis nol kedua ditolak.

5.4 Rumusan

Bab ini memaparkan keputusan analisis data bagi menjawab persoalan kajian dalam kajian peringkat pertama (a) mengenal pasti ciri-ciri persamaan dan perbezaan sintaksis asas bahasa Arab dan bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan analisis kontrastif, peringkat kedua (b) mengenal pasti aras kesukaran responden terhadap elemen-elemen tatabahasa Arab yang terkandung di dalam DSK KSSR Bahasa Arab Tahun 4 dan peringkat ketiga (c) menilai keberkesanannya Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) yang berasaskan Model Reka bentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005).

BAB 6: DAPATAN DAN CADANGAN

6.0 Pendahuluan

Bab ini memaparkan ringkasan kajian secara menyeluruh yang merangkumi tujuan kajian, kerangka teoritikal kajian, reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan pendekatan analisis data yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Ini diikuti pula rumusan dan perbincangan daptan kajian. Seterusnya, pengkaji mengutarakan implikasi kajian ini daripada perspektif pedagogi pengajaran sintaksis asas bahasa Arab di sekolah rendah Malaysia. Ini diikuti dengan cadangan kajian lanjutan kepada pengkaji lain di masa hadapan.

6.1 Ringkasan kajian

Kajian ini bertujuan untuk (a) mengenal pasti ciri-ciri persamaan dan perbezaan sintaksis asas bahasa Arab dan bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan kontrastif. (b) mengenal pasti aras kesukaran responden terhadap elemen tatabahasa Arab yang terkandung di dalam DSKP Bahasa Arab Tahun 4 KSSR (c) membina Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) dan seterusnya (d) menilai keberkesanan modul tersebut.

Reka bentuk kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian (a) reka bentuk kajian kualitatif berdasarkan pendekatan konstrastif (b) reka bentuk kajian deskriptif dan, (c) reka bentuk kajian kuasi-eksperimen. Sampel kajian terdiri daripada 154 orang murid tahun 4 dari empat buah sekolah kebangsaan di negeri Pulau Pinang.

Dalam kajian kualitatif, pengkaji telah menjalankan analisis ciri-ciri persamaan dan perbezaan sintaksis asas bahasa Arab dan bahasa Melayu dengan menggunakan analisis kontrastif. Dalam kajian deskriptif pula, pengkaji telah menjalankan ujian kecekapan tatabahasa bahasa Arab ke atas 154 orang responden bagi mengenal pasti aras kesukaran elemen-elemen tatabahasa yang terkandung di dalam DSKP Bahasa Arab Tahun KSSR. Dapatan yang diperolehi oleh pengkaji dari kedua-dua analisis ini telah dijadikan asas dalam pembinaan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA)

Sementara dalam kajian kuasi-eksperimen, pengkaji telah membahagikan murid-murid kepada dua kumpulan iaitu seramai 79 responden dari kumpulan intervensi (rawatan) dan 75 responden dari kumpulan kawalan. Selepas menduduki ujian pra, murid kumpulan rawatan diberi rawatan pengajaran menggunakan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA). Sementara murid kumpulan kawalan diberi pengajaran menggunakan pendekatan tradisional. Setelah 7 minggu menjalani proses pengajaran dan pembelajaran, kedua-dua kumpulan menduduki ujian pasca. Dua instrumen ujian pra dan ujian pasca telah digunakan bagi menilai keberkesanan modul yang dibangunkan pengkaji dengan membandingkan pencapaian murid dalam pembinaan ayat menggunakan sintaksis asas bahasa Arab.

6.2 Rumusan Dapatan Analisis Ciri-Ciri Persamaan dan Perbezaan Sintaksis Asas Bahasa Melayu dan Bahasa Arab

Rumusan analisis perbandingan sintaksis asas bahasa Melayu dan bahasa Arab adalah seperti berikut:

1. Dari segi konstituen ayat, kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Arab mempunyai konstituen yang sama iaitu konstituen ayat bahasa Melayu terdiri daripada empat unsur, iaitu: ayat, klausa, frasa dan kata (perkataan). Begitu juga konstituen ayat bahasa Arab. Ayat adalah unit tatabahasa yang terbesar yang mempunyai subjek dan predikat. Klausa ialah ayat dalam ayat, ia juga mempunyai subjek dan predikat. Frasa ialah unsur dalam ayat atau klausa. Manakala kata atau perkataan pula adalah unsur dalam frasa (Abdullah Hassan,2007; Asmah Hj.Omar,2008; Mutawakkil 'Ahmad,1990) .

Contoh ayat bahasa Melayu :

Nama saya Amin dan nama dia dia Mei Lin

Contoh ayat bahasa Arab :

اسْمِيُّ أَمِينٌ وَاسْمُهَا مَيْ لِينْ

2. Binaan Ayat Tunggal

Binaan ayat tunggal bahasa Melayu dan ayat namaan bahasa Arab mempunyai persamaan dari segi kandungan ayat yang mengandungi satu klausa yang terdiri satu subjek dan satu predikat. Subjek menyatakan sesuatu hal manakala predikat memceritakan tentang hal itu (Abdullah Hassan,2007). Subjek merupakan konstituen ayat dan terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan. Unsur subjek bersifat frasa nama dan menjadi judul atau unsur

yang diterangkan. Predikat pula adalah kumpulan perkataan yang tergolong dalam satu frasa dan menjadi unsur yang menerangkan subjek.

Contoh ayat bahasa Melayu :

Saya tinggal di Taman Siber, Putrajaya

Contoh ayat bahasa Arab :

أَنَا أَسْكُنُ فِي تَامَنْ سَيِّرْ، فُوتَرَا حَايَا

anā 'askun fī taman cyber, putra jaya

3. Binaan subjek

Dari segi binaan subjek, kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan bahasa Arab mempunyai persamaan yang ketara, ia terdiri daripada kata nama am, kata nama khas, kata ganti nama dan nama terbitan (Arbak Othman,1981: Abdullah Hassan,2007: al-Galāyanī Muṣṭafā,2007).

Contoh ayat bahasa Melayu : Murid di dalam kelas

Contoh ayat bahasa Arab : تِلْمِيذٌ فِي الْفَصْلِ *tilmīz fī al-faṣl*

4. Binaan Predikat

Dari segi pembinaan predikat, bahasa Melayu dan bahasa Arab mempunyai persamaan yang ketara iaitu penggunaan frasa nama, frasa kerja, frasa sendi dan frasa adjektif sebagai predikat dalam ayat. Frasa tersebut ialah unit yang boleh terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan atau lebih (Nik Safiah Karim et al,2004). Berikut adalah contoh bandingan setara binaan predikat frasa nama, frasa kerja, frasa sendi dan frasa adjektif.

Contoh ayat bahasa Melayu : Dia kakak saya

Contoh ayat bahasa Arab : هي أخٌ *hiya ukhti*

5. Keserasian Gender *تَطَابُقُ الْجِنْسِ*

Aspek keserasian gender antara subjek dan predikat merupakan aspek perbezaan yang ketara antara bahasa Melayu dan bahasa arab. Aspek ini hanya terdapat dalam binaan ayat namaan bahasa arab dan tidak terdapat di dalam binaan ayat bahasa Melayu. Aspek ini dijangka menyukarkan pelajar untuk membina ayat yang gramatis (Mat Taib Pa:2001).

Contoh ayat bahasa Melayu : Ini teko

Contoh ayat bahasa Arab : هَذَا إِبْرِيقٌ *hazā 'ibrīq*

6. Keserasian Bilangan *تَطَابُقُ الْعَدَدِ* (*taṭabuq al-'adad*)

Aspek keserasian bilangan iaitu *taṭabuq al-adad* *تَطَابُقُ الْعَدَدِ* antara subjek dan predikat merupakan aspek perbezaan yang ketara antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. Aspek ini hanya terdapat dalam binaan ayat namaan bahasa Arab dan tidak terdapat di dalam binaan ayat bahasa Melayu. Aspek ini juga dijangka menyukarkan pelajar untuk membina ayat yang gramatis (Mat Taib Pa:2001).

Contoh ayat bahasa Melayu: Pelajar rajin

Contoh ayat bahasa Arab : الطَّالِبُ مُجْتَهِدٌ *al-tālib mujtahid*

7. Pola Inti (Subjek Frasa Kerja)

Subjek dalam ayat bahasa Arab boleh dimulakan dengan frasa kerja tanpa menjelaskan makna (Fu'ād Ni'mat,t.t), sedangkan dalam pembentukan ayat bahasa Melayu, subjek mestilah dimulakan dengan frasa nama (Nik Safiah et.al.2004).

Contoh ayat bahasa Arab :

يَطْبَخُ الطَّبَّاحُ الْأَرْزَ *yatbukh al-tabbakh al-'aruzz*

Contoh ayat bahasa Melayu :

Tukang masak menanak nasi

8. Derivasi Kata Kerja

Unsur Derivasi kata kerja merupakan unsur utama yang mesti ada dalam ayat bahasa Arab (al-Galāyanī Muṣṭafā: 2007). Unsur ini tidak ada sama sekali dalam binaan ayat bahasa Melayu.

Contoh ayat bahasa Arab :

الْبَائِعُ يَبْيَعُ الْفَوَاكِهِ *al-bā'i 'yabi' al-fawākih*

Contoh ayat bahasa Melayu :

Penjual lelaki menjual buah-buahan

9. Elemen Masa

Elemen masa (kala lampau, kala kini dan kala imperatif) wujud secara langsung dalam kata kerja yang membentuk frasa kerja ayat bahasa Arab. Elemen ini tiada dalam ayat bahasa Melayu (Mat Taib Pa:2001).

Contoh ayat bahasa Arab :

الفَلَاحُ رَجَعَ مِنِ الْبَسْطَانِ
al-fallāh raja 'a min al-bustān

Contoh ayat bahasa Melayu :

Peladang telah pulang dari kebun

10. Perubahan bentuk kata ganti nama

Kata ganti nama iaitu *damīr Muttaṣil* tidak wujud dalam bahasa Melayu , unsur ini hanya wujud dalam bahasa Arab.

Contoh ayat bahasa Arab :

أَنَا طَالِبٌ ، إِسْمِيْ أَحْمَدٌ *'anā ṭālib, ismī 'ahmad*

Contoh ayat bahasa Melayu :

Saya seorang murid , nama saya Ahmad

11. Kasus

Unsur kasus tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Sebaliknya unsur ini terdapat dengan jelas dalam bahasa Arab, iaitu kasus akusatif, nominatif dan genetif.

Contoh ayat bahasa Arab :

هَذَا قَلْمَّ *hazā qalam / أَمْسِكْ قَلْمَّا* *'amsik qalam an /*
أَكْتُبْ بِقَلْمَّ *aktub biqalam in*

Contoh ayat bahasa Melayu :

Ini pensel / Saya memegang pensel / saya menulis dengan pensel

Kesimpulan yang dapat dirumuskan bahawa terdapat persamaan yang ketara antara bahasa Melayu dan ayat bahasa Arab dari aspek konstituen ayat,

binaan ayat tunggal, binaan subjek dan binaan predikat. Di samping terdapat perbezaan yang ketara dari aspek keserasian gender, keserasian bilangan, pola inti subjek kata jerja, derivasi kata kerja, eleman masa, perubahan bentuk kata ganti nama dan kasus. Unsur perbezaan yang ketara menyukarkan pelajar Melayu menguasai sintaksis bahasa Arab (Mat Taib Pa:2006)


6.3 Rumusan Dapatan Analisis Aras Kesukaran Pelajar Terhadap Elemen Tatabahasa Bahasa Arab

Jadual 6.1 menjelaskan aras kesukaran pelajar terhadap elemen tatabahasa Arab berdasarkan analisis skor min.

Jadual 6.1 : Dapatan Analisis Min Aras Kesukaran Murid Terhadap Elemen Tatabahasa Arab

Bil	Elemen Tatabahasa Bahasa Arab	Skor min
1.	Pengkelasan kata nama	3.69
2.	Pengkelasan kata kerja	3.60
3.	Pengkelesan kata sendi	3.97
4.	Keserasian Gender Maskulin	2.76
5.	Keserasian Gender Feminin	2.66
6.	Keserasian Bilangan Tunggal	3.12
7.	Keserasian Bilangan Dual	3.39
8.	Keserasian Bilangan Majmuk	2.38
9.	Derivasi KK Telah	3.04
10.	Derivasi KK Sedang	3.12
11.	Derivasi KK Perintah	2.79
12.	Kata Tunjuk Dekat	3.27
13.	Kata Tunjuk Jauh	3.24
14.	Kata Ganti Nama <i>Munfaṣil</i>	3.35
15.	Kata Ganti Nama <i>Muttaṣil</i>	3.12
16	Penggunaan Kata Sendi	3.69

Dapatan daripada jadual 6.1 menunjukkan elemen tatabahasa yang paling sukar dikuasai murid ialah (a) Keserasian bilangan majmuk di mana nilai min skor terendah 2.38 dari skor 5. Ini diikuti elemen (b) Keserasian gender feminin di mana nilai skor min 2.66 dari skor 5 dan (c) Keserasian gender maskulin di mana nilai skor min 2.76 dari skor 5. Dapatan juga menunjukkan elemen yang paling dikuasai mereka ialah mengenalpasti (a) pengelasan kata sendi (nilai min 3.97 dari skor 5), (b) pengelasan kata nama (nilai min 3.69 dari skor 5) dan (c) penggunaan kata sendi (nilai min 3.69 dari skor 5). Rajah 6.1 menjelaskan skor min tersebut.



Rajah 6.1 Analisis Aras Kesukaran Pelajar Terhadap Elemen Tatabahasa Arab

Merujuk kepada rajah 6.1 di atas, secara keseluruhannya didapati responden masih lemah dalam menentukan keserasian bilangan majmuk dalam pola FN (Kata Majmuk) + FN (Kata Majmuk) di. Ini diikuti keserasian gender feminin di dalam pola FN (Feminin) + FN (Feminin) dan keserasian gender

maskulin di dalam pola ayat FN (Maskulin) + FN (Maskulin). Kesannya, murid gagal membina ayat-ayat bahasa Arab yang gramatis menggunakan sintaksis bahasa Arab yang betul. Lantas hasil dari dapatan ini dan dapatan daripada analisis kontrastif antara sintaksis asas bahasa Arab dan bahasa Melayu, pengkaji telah membina Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) yang telah dibina berdasarkan Model Reka bentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005) dan telah diuji keberkesanannya melalui kajian kuasi eksperimen yang dijalankan.

6.4 Rumusan Dapatan Kajian Kuasi-Eksperimen

Kajian kuasi-eksperimen telah dijalankan di peringkat ketiga kajian ini. Reka bentuk kajian ini telah dilaksanakan bagi menilai keberkesan M-SABA terhadap pencapaian murid dalam membina ayat dasar bahasa Arab yang gramatis. Berikut adalah rumusan kajian ini.

6.4.1 Dapatan hipotesis utama

Dapatan hipotesis utama kajian kuasi eksperimen menunjukkan pengajaran menggunakan Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab (M-SABA) yang dibangunkan berdasarkan pendekatan kontrastif didapati lebih berkesan daripada pendekatan konvensional dalam meningkatkan kemahiran murid menghasilkan ayat dasar bahasa Arab menggunakan elemen sintaksis asas BA. Dalam ujian pra skor min murid kumpulan rawatan ialah 2.71 dari skala 5 dan skor min murid r kumpulan kawalan ialah 2.43 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 1.933 dan nilai signifikan ialah 0.055. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini

menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra.

Manakala dalam ujian pasca, skor min murid kumpulan rawatan ialah 3.53 dari skala 5 dan skor min murid r kumpulan kawalan ialah 2.63 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pos ini ialah 7.168 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Oleh itu hipotesis nol ditolak. Ini bermakna tahap pencapaian murid kumpulan rawatan lebih baik dari kumpulan kawalan setelah menggunakan rawatan pendekatan pengajaran menggunakan Modul M-SABA. Ini bermakna kemahiran murid kumpulan rawatan dalam menghasilkan ayat dasar BA menggunakan sintaksis asas bahasa Arab yang betul lebih baik daripada kumpulan kawalan.

6.4.2 Dapatan sub hipotesis

Keputusan ujian t menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan rawatan (intervensi) dan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berdasarkan kepada 5 pola sintaksis asas bahasa Arab iaitu (a) FN + FN, (b) FN + FA, (c) FN + FK, (d) FN + FS dan (e) FN + FK +FS dalam ujian pasca. Jadual 6.2 adalah rumusan keputusan ujian t bagi kumpulan rawatan.

Jadual 6.2 : Rumusan Keputusan Ujian t Bagi Kumpulan Rawatan Berasaskan 5 Pola Sintaksis Asas Bahasa Arab

Bil	Pola Sintaksis Asas BA	Skor Min	Skor Min	Nilai t	Sign.	Keputusan
		Ujian Pra	Ujian Pos			
1.	Pola FN + FN	2.42	3.22	4.609	0.00	Signifikan
2.	Pola FN + FA	3.18	4.20	5.869	0.00	Signifikan
3.	Pola FN + FK	3.08	3.54	4.796	0.00	Signifikan
4.	Pola FN + FS	2.41	3.11	4.258	0.00	Signifikan
5.	Pola FN + FK + FS	2.22	3.20	6.275	0.00	Signifikan

Jadual 6.2 menunjukkan keputusan ujian t secara keseluruhan bagi kumpulan rawatan berasaskan 5 pola ayat dasar bahasa Arab. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian ujian pra dan pos dalam kumpulan rawatan dalam kesemua pola sintaksis bahasa Arab.

Skor min ujian pra bagi pola FN + FN adalah 2.42 dan skor min ujian pasca adalah 3.22. Nilai t bagi ujian pasca ialah 4.609 dan aras signifikan ialah 0.00. Skor min ujian pra bagi pola FN +FA pula adalah 3.18 dan skor min ujian pasca adalah 4.20. Nilai t bagi ujian pasca ialah 5.869 pada aras signifikan 0.00. Skor min ujian pra bagi pola FN + FK ialah 3.08 dan skor min ujian pasca adalah 3.54. Nilai t bagi ujian pasca ialah 4.796 dan aras signifikan ialah 0.00. Skor min ujian pra bagi pola FN + FS ialah 2.41 dan skor min ujian pasca adalah 3.11. Nilai t bagi ujian pasca ialah 4.258 dan aras signifikan ialah 0.00. Bagi pola FN + FK + FS pula, skor min ujian pra adalah 2.22 dan skor min ujian pasca adalah 3.20. Nilai t bagi ujian pasca ialah 6.275 dan aras signifikan ialah 0.00.

Secara keseluruhannya, keputusan ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian ujian pra dan ujian pasca dalam

kumpulan rawatan. Manakala keputusan ujian t bagi kumpulan kawalan adalah seperti jadual 6.3 berikut;

Jadual 6.3: Rumusan Keputusan Ujian t Bagi Kumpulan Kawalan Berasaskan 5 Pola Sintaksis Asas Bahasa Arab

Bil	Pola Sintaksis Asas BA	Skor Min Ujian Pra	Skor Min Ujian Pos	Nilai t	Sign.	Keputusan Ujian t
1.	Pola FN + FN	2.31	2.53	0.705	0.482	Tidak Signifikan
2.	Pola FN + FA	3.16	3.25	0.084	0.933	Tidak Signifikan
3.	Pola FN + FK	2.45	2.68	2.678	0.081	Tidak Signifikan
4.	Pola FN + FS	2.36	2.43	0.272	0.786	Tidak Signifikan
5.	Pola FN + FK + FS	1.92	2.21	1.625	0.106	Tidak Signifikan

Jadual 6.3 menunjukkan keputusan ujian t secara keseluruhan bagi kumpulan kawalan. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian ujian pra dan pasca dalam kumpulan kawalan bagi kelima-lima pola sintaksis asas bahasa Arab. Bagi pola FN +FN, skor min ujian pra ialah 2.31 dan skor min ujian pasca ialah 2.53. Nilai t bagi ujian pasca ialah 0.705 dan aras signifikan ialah 0.482. Bagi pola FN + FA skor min ujian pra 3.16 dan skor min ujian pasca ialah 3.25. Nilai t bagi ujian pasca ialah 0.084 dan aras signifikan ialah 0.933. Skor min ujian pra bagi pola FN + FK ialah 2.45 dan skor min ujian pasca ialah 2.68 dan nilai t bagi ujian pasca ialah 2.678 dan aras signifikan ialah 0.081. Bagi pola FN + FS pula, skor min ujian pra ialah 2.36 dan skor min ujian pasca ialah 2.43 dan nilai t bagi ujian pasca ialah 0.272. Bagi pola FN + FK + FS pula, skor min ujian pra ialah 2.29. Manakala skor min ujian pos ialah 2.40. Nilai t bagi ujian pos ialah 0.732 dan aras signifikan 0.465. Bagi aras penilaian pula skor min ujian

pra ialah 1.92 dan skor min ujian pasca ialah 2.21. Nilai t bagi ujian pasca ialah 1.625 dan aras signifikan ialah 0.106.

Rumusan dari jadual 6.2 dan jadual 6.3 menunjukkan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pasca lebih tinggi jika dibandingkan dengan pencapaian murid kumpulan kawalan. Justeru murid yang menggunakan M-SABA mendapat pencapaian yang lebih tinggi daripada murid kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan pengajaran tradisional. Ini menunjukkan bahawa penggunaan modul M-SABA lebih berkesan dalam meningkatkan kemahiran murid membina ayat menggunakan sintaksis asas bahasa Arab yang betul.

6.5 Impak Dapatan Kajian


Kajian ini telah memberi impak penting dalam arena pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Berdasarkan dapatan dan perbincangan kajian ini memberi impak terhadap aspek-aspek berikut;

6.5.1 Pedagogi Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah-sekolah Malaysia

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa pengajaran sintaksis asas bahasa Arab berlandaskan modul yang berdasarkan pendekatan analisis kontrastif adalah lebih berkesan dan meningkatkan kemahiran pelajar membina ayat-ayat dasar yang gramatis berbanding kaedah konvensional. Justeru, guru bahasa Arab disaran menggunakan pendekatan analisis kontrastif yang dicadangkan dalam modul M-SABA ini sebagai kaedah pengajaran alternatif.

Hasil kajian ini juga menunjukkan keupayaan M-SABA sebagai panduan kepada guru dan murid dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menggunakan modul. Ini membuktikan bahawa M-SABA telah menyumbang sumber rujukan dalam PdP bahasa Arab di Malaysia. Ini selaras dengan kajian terdahulu yang mencadangkan penyediaan yang tersusun dapat membantu pelajar menguasai kemahiran membina ayat mudah bahasa secara mudah, tepat dan gramatis (Abd.Razak,2004; Gazilah,2012).

Dapatan kajian ini juga telah memberi impak yang besar terhadap pedagogi pengajaran guru bahasa Arab di sekolah-sekolah di Malaysia, justeru satu model pengajaran sintaksis asas bahasa Arab dicadangkan. Rajah 6.2 berikut adalah model pengajaran sintaksis asas bahasa Arab;



Rajah 6.2 : Model Pengajaran Sintaksis Asas Bahasa Arab Berlandaskan Pendekatan Kontrastif (M-SABA)

Model Pengajaran Sintaksis Asas Bahasa Arab Berlandaskan Pendekatan Kontrastif yang dicadangkan dalam rajah 6.2 ini, mengandungi tiga fasa iaitu *input*, proses dan *outcome*. Dalam fasa *input* guru

memperkenalkan bandingan kosa kata dan sintaksis asas ayat bahasa Melayu dan bahasa Arab. Di peringkat ini, pelajar mempelajari pola ayat dasar bahasa Arab berlandaskan perbandingan dengan pola ayat dasar bahasa Melayu. Selain itu guru juga memperkenalkan bandingan kosa kata terlebih dahulu sebelum memperkenalkan pola ayat dasar bahasa Arab. Pelajar boleh belajar sama ada secara bersendirian ataupun berkumpulan kerana modul ini telah memberi panduan bagaimana pelajar membina ayat gramatis. Implikasi kajian ini selaras dengan dapatan kajian Rahmat Abdullah (1992), Mat Taib Pa (1996), Ghazali Yusri (2000), Anas Maulana Nuryadi (2004) telah mencadangkan pembinaan bahan atau modul pengajaran bahasa Arab berdasarkan pendekatan analisis kontrastif .

Fasa kedua adalah fasa proses pengajaran sintaksis asas bahasa arab berlandaskan pendekatan kontrastif. Selepas guru memperkenalkan bandingan kosa kata dan ayat bahasa Melayu dan bahasa Arab pelajar perlu melakukan pemerhatian terhadap bandingan setara bagi kedua-dua bahasa tersebut. Setelah itu pelajar perlu menyalin semula ayat dasar yang telah diberikan di awal pengajaran. Noor Ainah Ag.Jaafar (2007) menyatakan program atau kaedah salin dan jalin banyak memberi peningkatan kepada tahap penguasaan kemahiran menulis pelajar. Setelah itu pelajar membuat latihan intensif yang merangkumi latihan isi tempat kosong dengan jawapan yang betul, membetulkan kesilapan dan akhir sekali pelajar membina ayat menggunakan pola yang telah dipelajari.

Sebagai pengukuhan kepada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah pelajar diberi tugasan yang perlu dilakukan di rumah, iaitu latihan membaca ayat bahasa Arab dan mengkategorikan binaan sintaksisnya. Pelajar

dibekalkan dengan latihan yang boleh dilakukan oleh mereka tanpa bantuan ibu bapa yang tidak memiliki kemahiran berbahasa Arab. Modul M-SABA membekalkan dengan latihan tatabahasa bahasa Arab yang diterjemahkan secara selari untuk memudahkan para pelajar menjalankan tugas tanpa bebanan tidak memahami makna arahan atau kosakata bahasa Arab. Manakala latihan seterusnya pelajar diminta mengakses internet untuk mencari kosa kata baharu dan membina ayat menggunakan kosa kata tersebut berlandaskan pola sintaksis bandingan bahasa Melayu dan bahasa Arab. Tujuan penerokaan kosa kata melalui laman web adalah untuk menggalakan pelajar menggunakan kemudahan ICT dalam pembelajaran mereka. Proses mengakses internet untuk maklumat atas talian merupakan salah satu ciri-ciri pembelajaran abad 21 yang tidak boleh diketepikan oleh setiap pelajar.

Fasa ketiga adalah fasa *outcome* (hasil pembelajaran) Hasil pembelajaran ini dapat diukur melalui instrumen penilaian yang telah disediakan iaitu penilaian formatif dan sumatif. Penilaian formatif adalah penilaian berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan bagi menilai kemahiran pelajar membina ayat dasar bahasa Arab menggunakan pendekatan kontrastif. Manakala penilaian sumatif adalah penilaian yang dijalankan di akhir proses pengajaran dan pembelajaran bagi menilai keberkesanan pengajaran berlandaskan pendekatan kontrastif.

Model ini juga mencadangkan kepada pelajar yang gagal membina ayat yang gramatis, mengulangi semua fasa satu dan fasa kedua sehingga mereka mampu membina ayat dasar bahasa Arab dengan gramatis. Proses pengulangan fasa pengajaran dan pembelajaran akan berulang-ulang

sehingga pelajar dapat membina ayat bahasa Arab berdasarkan pola ayat yang dipelajari.

6.5.2 Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Hasil dapatan kajian ini, pengkaji berharap pihak bahagian perkembangan kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia dapat mengaplikasi pendekatan alternatif ini iaitu pendekatan kontrastif dalam penggubalan kurikulum bahasa Arab agar proses pengajaran ayat bahasa Arab menjadi lebih mudah difahami oleh pelajar serta bersesuaian dengan tahap umur dan pengalaman mereka.

6.5.3 Pensyarah IPG dan Guru Bahasa Arab di Sekolah

Implikasi kajian ini juga dapat dimanfaatkan oleh pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam menghasilkan bahan pengajaran alternatif yang dapat memudahkan proses pembelajaran bahasa Arab dan bahasa asing yang lain. Selain itu ia juga dapat menarik minat pelajar mempelajari bahasa Arab dan juga bahasa asing. Di samping itu juga hasil dapatan kajian ini juga dapat dimanfaatkan oleh guru-guru bahasa Arab tentang pendekatan alternatif yang efektif dalam pengajaran ayat dasar bahasa Arab berdasarkan pendekatan kontrastif.

6.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini merupakan satu dimensi baharu dalam dunia pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh beberapa agensi termasuk Institusi-institusi pendidikan awam dan swasta. Dalam mendalami

lagi kajian seperti ini, maka pengkaji mengemukakan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan;

- i. Kajian ini hanya tertumpu kepada 5 pola sintaksis asas bahasa Arab yang terhasil daripada analisis kontrastif sintaksis bahasa Melayu dan bahasa Arab, maka pengkaji mencadangkan agar pembinaan modul ini diperluaskan dengan menggunakan pola sintaksis ayat kompleks dan disasarkan kepada pelajar sekolah menengah
- ii. Kajian ini hanya tertumpu kepada pembinaan modul sintaksis asas bahasa Arab dalam bentuk bahan bercetak sahaja. Oleh itu adalah dicadangkan agar pembinaan modul ini dibina dalam bentuk interaktif atas talian.
- iii. Kajian ini hanya tertumpu kepada murid tahun 4 sekolah kebangsaan sahaja, adalah dicadangkan agar kajian ini diperluaskan lagi bagi murid tahun 5 dan tahun 6, malah diperluaskan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah iaitu pelajar tingkatan satu, dua dan tiga.

6.7 Rumusan

Bab ini telah merumuskan kajian secara menyeluruh merangkumi tujuan kajian, kerangka teoritikal kajian, bentuk kajian, instrumen kajian dan pendekatan analisis data yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Seterusnya diikuti dengan rumusan dapatan kajian dan kesimpulannya. Di samping itu, pengkaji mengutarakan beberapa impak kajian dari perspektif pedagogi pengajaran bahasa Arab di sekolah dan impaknya terhadap strategi pembelajaran pelajar amnya dan murid sekolah rendah khususnya. Selain itu, didapati kajian ini juga dapat memberi impak kepada Bahagian Kurikulum

Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi guru-guru dan pensyarah Institut Pendidikan Guru Malaysia, dapatan kajian ini dapat membantu mereka membina bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan lebih mudah dan menarik minat pelajar belajar bahasa Arab. Selain itu, bahan-bahan ini boleh dijadikan satu pendekatan alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab. Justeru, dengan ini berdasarkan hasil kajian, pengkaji telah menghasilkan satu model pengajaran sintaksis asas bahasa Arab yang boleh digunakan sebagai pendekatan pengajaran alternatif dalam meningkatkan lagi proses pengajaran ayat dasar bahasa Arab di institusi pendidikan Malaysia di seluruh negara.

BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Ḥamīd ‘Abdullah, Naṣir ‘Abdullah al-Ghālī. (1991). *’usus i ‘dād al-kutub al-ta‘līmiyyat li Ghayr Nāṭiqīnā bi al-‘arabīyat*. Bīrūt: Dār al-ghālī.
- ‘Abd al-Rahmān ‘Abdullah. (1991). *Binyat al-jumlat: Dirāsat al- Muqāranat bayna al-lughat al-‘arabīyat wa al-lughat al- mālīzīyat*. Ribāt: Jāmi‘at Muḥammad al-Khāmis.
- ‘Abd al-Rāziq Hasan Muḥammad (1996). *Dirāsat taqābulīyat bayna al-‘arabīyat wa al-malāyūwīyat*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- ‘Arif Kharkhī Abū Khuḍayrī. (1994). *Ta‘līm al-lughat al-‘arabīyat li ghayr al-‘arab dirāsat fī al-manhaj wa ṫuruq al-tadrīs*. al-Qāhirat : Dār al-thaqāfat li al-nasyr wa al-tawzī‘.
- ‘Arif Kharkhī ’abū Khuḍayrī. (1996). *Tarīqat al-ta‘līm al-lughat al-‘arabīyat li al-malāyūwīyīn. pengajaran bahasa Arab, hlmn 25-29*. Kuala Lumpur : Pusat Bahasa Universiti Malaya.
- ‘Atāwīy ‘izzat. (2007). *Asālīb al-bath al-‘ilmīy, mafāhīmuhu- ‘adawātuhu- ḫuruquhu al-‘ihṣāīyat*. ‘Umān: Dār al-thaqāfat.
- Ab. Halim Mohamad. (2002). Pembelajaran Frasa Bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu: Satu analisis kesalahan. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Abd.Razak Abu Chik. (2004). *Pendekatan Pengajaran berdasarkan kata serapan bahasa Melayu untuk meningkatkan pemahaman perbendaharaan kata Bahasa Arab Tinggi*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Aziz Abdul Talib. (1993). *Menguji Kemahiran Bahasa Prinsip, Teknik dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hamid Mahmood. (1997). *Kursus menguasai Tatabahasa Bahasa Melayu dengan cepat*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Rahim Mohd Saad. (1996). *Mereka bentuk teks pengajaran secara efisien dan efektif*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan, Ainon Mohd. (1994). *Bahasa Melayu Untuk Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn.Bhd.

- Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader.(1987). *Kesalahan bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1978). Rencana Linguistik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am untuk guru Bahasa Malaysia*, Petaling Jaya : Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan. (1996). *Isu-isu Pembelajaran Dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2002). *Tatabahasa Bahasa Melayu Morfologi Dan Sintaksis Untuk Guru dan Pelajar*. Bentong : PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Abdullah Hassan. (2008). *Tatabahasa Pedagogi Untuk Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Abdullah Hassan.(1980). *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Berhad.
- Abdullah Hassan... et al. (2007). *Sintaksis Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Ahmad Khair Mohd Nor. (2008) *Pengantar Sintaksis Bahasa Melayu (Tatabahasa: Ayat)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Aini Abdul Karim. (2007) *Preposisi Bahasa Dusun dan Bahasa Melayu : Satu analisis Kontrastif dan analisis Kesilapan*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Ambigapathy Pandian. (2004). *English Language Teaching in Malaysia Today*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Arbak Othman. (1981). *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Interprise.
- Arpan Shahbudin Latip. (1998). *Bahasa Melayu Kesilapan Tatabahasa Satu Analisis*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (1983). *The Malay Peoples of Malaysia and their languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Hj. Omar. (1991). *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2004). *Penyelidikan, Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Kemas Kini Panduan Bahasa Yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Asmah Hj.Omar. (1986). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atiah Hj.Mohd.Salleh, Ramlah Muhamad. (2003). *Pengajaran Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1981). *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*. Edisi permulaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlinda Ahmad.(2000). *Penghasilan dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri Senireka Grafik Untuk pelajar-pelajar Institusi Teknologi Swasta*. Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Azman Wan Chik. (1982) *Trend-trend baru dalam bidang pendidikan bahasa*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Azman Wan Chik. (1994). *Pengujian Bahasa: Kes Bahasa Melayu*. (Ed ke2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Babbie Earl. (2007). *The Practice of Social Research*.(11th Ed.). Belmont CA: Thomson Wadsworth
- Branch, R.C., darwazeh, A.N., & El- Hindi, A. E. (1992). *Instructional design practices and teacher planning routines*. (Eric Document Reproduction Service NO. ED 347976).
- Burns, R.W. (1972). An instructional module design. *Educational Technology*, 21(9), 27-29.
- Cecile Zarach, Charlotte Melin. (1999) *English Grammar For Students of German*. London: Arnold.
- Chai Cheo Siong (2007). *Penggunaan Preposisi Bahasa Cina di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*. Johor: Universiti Teknologi Mara.

Chandrika Sivadesan.(2003). *Penghasilan dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri Nilai Semangat Bermasyarakat Untuk Pendidikan Moral Tingkatan Empat*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Choi Kim Yok. (1986) *Essai de recherché en analyse contrastive et en analyse d'erreurs: les systèmes morphologiques du Francés et du Malais*. Tesis Kedoktoran, Universite de la Sorbone Nouvelle: Paris.

Choi Kim Yok. (1996). "Some Methodological Guidelines for Contrastive Analysis and Error Analysis" dlm. *Jurnal Bahasa Modern*. Jurnal Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Keluaran 10, hlm. 85-99.

Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku 2 Analisis Statistik*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Chua Yan Piaw. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan Buku 3*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Chua Yan Piaw. (2012). *Mastering Research Methods*. Shah Alam: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.

Creswell J.W. (2012). *Educational Research Planning, conducting, and evaluation quantitative and qualitative research*. Boston: Pearson Education Inc.

Dayf Syawqīy. (1986). *Taisīr al-naḥw al-ta‘līmīy qadīm an wa ḥadīth an ma‘a naḥj tajdīdihi*. al-Qāhirat: Dār al-ma‘ārif.

De Angelis, Gessica. (2007). *Third or Additional Language Acquisition*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.

Dick,W., Carey,L.& . J Carey. (2005). *The Systematic design of instruction*. (6th Ed.) Boston: Pearson.

Fadhilah Amzah. (2007). *Pembinaan Modul Pengajaran Sajak Berlandaskan Pendekatan Respon Pembaca*. Tesis Ijazah Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Fār Muṣṭafā (2006). *al-manhaj al-mukhaṭṭat fī qawā‘id al-naḥw al-mubassat*. ‘ammān: Dār al-jīl al-‘arabī li al-nasyr wa al-tawzī‘.

- Fisiak, J. (1981). *Contrastive Linguistics and the language teacher*. Oxford : Pergamon Institute of English.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N. E. (2008). *How to design and evaluate research in education*. New York : McGraw-Hill Higher Education.
- Freeman, Diane Larsen. (1986). *Techniques and principles in language teaching*. Oxford: Oxford Universiti Press.
- Fu‘ād Ni‘mat (tt). *Mulakhkhaṣ qawā‘id al-lughat al-‘arabīyat*. al-Ṭab‘at al-tasi‘at. Bīrūt: Dār al-thaqāfat al-‘islamīyat.
- Gay, L.R. & Airasian. (2003). *Educational research: competencies for analysis and application (7th ed)*. New Jersey : Prentice Hall.
- Gazilah Mohd.Isa. (2012). *Pembinaan dan Penilaian Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab*. Tesis Ijazah Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ghalāyanī Muṣṭafā (2010). *Jami‘ al-durūs al-‘arabīyat*, al-mujallad 1,2,3. al-Qāhirat: Maktabat al- ‘aṣrīyat.
- Ghazali Yusri. (2000). *Kata tugas dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu: satu kajian bandingan dari aspek kata penyambung ayat dan kata klausa*. Disesrtasi sarjana yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Goh Suan Bee. (2003). *Penilaian Modul Pembelajaran Kendiri Dalam Mata pelajaran Perdagangan Tingkatan Empat di sebuah sekolah Menengah, di Kuala Lumpur*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Habibah Elias. (1991). *Kesan latihan motivasi pencapaian ke atas pelajar universiti*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habibah Mat Rejab. (2006). *Perspektif warna dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu dari aspek sintaksis, morfologi, semantik dan budaya komuniti*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Harimurti Kridalaksana (1993). *Kamus Linguistik*. Ed.3. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Umum.
- Hassan Basri. (2002). *Language Testing, The Construction And Validation*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press.

- Hassan Basri. (2005). *Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Perspektif Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hassān Tamām. (1984). *al-Tamhīd fī 'Iktisāb al-lughat al-'arabīyat li ghayr Nātīqīna Bihā*. Makkat al-Mukarramaṭ: Jāmiat 'umm al-Qurā.
- Heinich, R. Molenda, M. & Russel, J.D. (1982). *Instructional media and the new tecnologies of instruction. (Third Edition)*. New York : Macmillan.
- Heinich, R. Molenda, M. & Smaldino, S. E. (1996). *Instructional media and tecnologies for leaning*. Englewood Cliff. NJ : Prentice-Hall.
- Hifnī Nāsif, Muḥammad Diyāb, Muṣṭafā Tamām & Muhammad Sāliḥ (2013). *al-durūs al-naḥwīyat*. 'Iskandarīyat: Dār al-khulafā' al-rāsyidīn.
- Hijawī 'Arif Aḥmad. (2005) *qawā'id al-lughat al- 'arabīyat*. 'Ammān: Dār al-Syurūq.
- 'ibn Jinī .(t.th). *al-khaṣā'iṣ*. Miṣr : al- Hilāl.
- 'Ibrāhīm Ahmad al-Farisīy. (2004). *al-lughat al- 'arabīyat li 'aghraḍ akādīmīyat*. Kuala Lumpur: Dār al-Tajdīd.
- 'Ibrāhīm Muḥammad 'Atā. (1986). *Turuq tadrīs al-lughat al- 'arabīyat*. Qāhirat: Maktabat al-nahḍat al-miṣrīyat.
- 'Ibrāhīm Shinīy. (1992). *al-islām: manhaj wa ṭarīqaṭ tadrīs li ta'līm al- 'arabīyat li ghayri 'abna 'ihā*. Lubnān: Maktabat Lubnān.
- J.B. Carroll. (1976). *Linguistic Relativity, Contrastive Linguistics and language Learning*.
- Jabāwī Fahd Aḥmad. (2005). *al- 'arabīyat kamā ta'allamahā al-awwalūn*. Bīrūt: Dār Quṭaybat.
- James, Carl. (1980). *Contrastive analysis*. Esses: Longman.
- JAPIM. (2006). *Sukatan Bahasa Arab Komunikasi*. Kuala Lumpur. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jayanthi Krisnan. (1998). *Designing a module for form ESL Student : Stories on moral values*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Kamdi Kamil. (1990). *Keberkesanan program pengayaan alam dan manusia secara bermodul untuk murid-murid berprestasi tinggi Tahun 5*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Kamisah Buang. (2013). *Perkembangan literasi tinjauan prestasi kanak-kanak dan perspektif kajian*. Selangor: Nightingale Printing Sdn.Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Arab Tahun 4*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Malaysia Tahun 4* Sekolah Kebangsaan. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Buku Teks Bahasa Arab Tahun 4 KSSR*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013) . *Buku Teks Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahun 4 KSSR*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kemp, J.E, Morisson, G.R., & Ross, S.M. (1994). *Design Effective instruction*. New York : Merrill Publishing.
- Kemp, J.E, Morisson, G.R., & Ross, S.M. (1998). *Design Effective instruction*. New York : Merrill Publishing.
- Khairuzaman Kadir. (2003). *Pengajaran Sintaksis Bahasa Arab di Sekolah Menengah Bestari JAIS. Satu Kajian Kes*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya : Kuala Lumpur.
- Khūlī Muḥammad ‘Alī. (1982). *’asālīb tadrīs al-lughat al- ‘arabīyat*. Riyād: al-farazdaq al-tijāriyat.
- Koh Boh Boon (1980). *Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Koh Boh Boon. (1981). *Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Koh Boh Boon. (1981). *Pengajaran Pemulihan Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Koh Boh Boon. (1990). *Pengajaran Tatabahasa Bahasa Malaysia: Prinsip dan Teknik*. Fajar Bakti : Petaling Jaya.

Krishnasamy, N.Hariharan (1993). *A Contrastive Analysis of Malay and Tamil Nouns*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Lado, R. (1977). *Language Teaching: A scientific approach*. New York. Mc Graw-Hill.

Lado, R. (1980). *Linguistic across cultures*. Ann Arbor: The University Michigan Press.

Landa, Lev N. (1983). The Algo-Heuristic Theory of Instruction in Charles M.Reigeluth(ed). *Instructional Design Theories and Models: An Overview of their Current Status*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.

Leedy, Paul.D , Ormrod Jeanne Ellis. (2005). *Practical Research Planning and Design*. (8th ed) New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.

Lu Chung Chin. (2013). Pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran berdasarkan permainan matematik prasekolah. *International Conference on Early Childhood Education (iCON 2013)*. 9-11 september 2013. Besut : IPG Kampus sultan Mizan.

Lutfi Abas (1975). *Tatabahasa Perbandingan, bahasa-bahasa Malaysia, Cina, Tamil dan Inggeris*. Buku Dua : Ayat. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Lutfi Abas. (1975). *Tatabahasa Perbandingan, Bahasa –bahasa Malaysia, Cina, Tamil dan Inggeris. Buku satu : Predikat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Makhyūn Ahmad. (1990). *al-ta'bīr wa mabādi' qawā'id al-lughat li al-marhalat al- 'ulā. Tarābulus: Jam'iyyat al-da'wah al-'islamīyah al- 'ālamīyah*.

Mat Taib Pa (1996). *Dirāsat taqābulīyat bayna al-lughatayn al- 'arabīyat wa al-mālīzīyat 'alā mustawā al-murakkabat al- 'ismīyat wa al- wasfiyat al-fīlīyat*. 'urdun: Jāmi'aṭ 'urdun.

Mat Taib Pa, Mohd Rosdi Ismail (2006) *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Misdiana Ismail. (2004). *Keberkesanan satu Modul Multi media interaktif tentang Konsep MOI*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Mohamad Zayn Maḥmūd Ismā'īl. (1994). *Al-Nizām al- naḥwīy fī al-lughat al- 'arabīyat wa al- mālīzīyat*. Miṣr: Jāmi'aṭ 'iskandarīyah.

- Mohamed, A. K., Muhammad, A., & Jasmi, K. A. (2012). Permasalahan Pengajaran Nahu Bahasa Arab Kepada Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM in *Prosiding Fourth International Seminar on LSP in Practise: Responding to Challenges* at Fakulti Pengurusan dan Sumber Manusia, Universiti Teknologi on 26 March 2003, pp. 1-12.
- Mohd. Asraf Abdul Wahab. (2012). *Petunjuk Tatabahasa Bahasa Melayu*. Petaling Jaya, Selangor: Sasbadi Sdn.Bhd.
- Mohd. Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting. (2002). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Puzhi Usop. (2007) *Modul Asas Bahasa Arab untuk Tujuan Ibadah. Satu Analisis dan Penilaian*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Rosdi Ismail. (2002). *Bahasa Arab Mikro, Formula 7 Praktik*. Kota Bharu: Arabic Language and Consultancy.
- Mohd. Rosdi Ismail. (2002). *Sintaksis Bahasa Arab Mikro*. Kota Bharu: Arabic Language & Consultancy.
- Mohd. Rosdi Ismail. (2005). *Penggolongan kata Dalam Bahasa Arab dalam konteks bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Tesis Ijazah kedoktoran yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif Dalam Pendidikan*. Ampang: Dawama Sdn.Bhd.
- Muhammad Marwan Ismail, Wan Moharani Mohammad. (2008). *Kajian Tatabahasa Arab Dahulu dan Sekarang*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Sāliḥ Samk (1998). *Fan al-tadrīs li al-tarbiyat al-lughawīyat wa intiba ‘ātihā al-maslakīyat wa ’anmātihā al- ‘amalīyat*. Qāhirat : Dār al-fikr al- ‘arabīy.
- Mustafa Umar. (1997). *Tatabahasa Bahasa Arab Peringkat Asas*. Kuala Lumpur: Dar Nu'man.
- Mutawakkil Ahmad. (2006). *al-lisānīyāt al-wazīfīyāt madkhāl naẓarīy*. Ribāṭ: Mansyūrat ‘ukāz.

Naimah Abdullah. (2003). *Analisis Sintaksis Bahasa Arab dan Implikasi Kesilapannya Ke atas Makna*. Tesis yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Nāqat, Maḥmūd Kāmil. (2007). *Ta‘līm al-lughāt al-‘arabīyat li al-Nātiqīn bi al-lughāt al-‘ukhrā: ’ususuhā, wa madākhiluhā wa ṭuruq al-tadrīs*. Riyāḍ: Jāmi ‘at ’umm al Qurā.

Nāsif Muṣṭafā ‘abd al-‘azīz (1980). *al-’al‘āb al-Lughawīyat fī ta‘līm al-lughāt al-‘ajnabīyat*. Riyāḍ: Dār al-Murīḥ.

Nik Mohd.Rahimi Nik Yusuf, Nurul Huda Hasan& Mahat Afifi (2012). Pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) pengajaran bahasa Arab. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran bahasa arab*. 2012(PEKEBAR'12) disunting oleh: Mohd Shukari Hamzah, Khazri Osman, Mokhtar Hussain, Suhaila Zailani, Hj.Ahmad, Salamaiah Ab.Ghani, Hakim Zainal & Zainuddin Ismail. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. ISBN 978-967- 5478-49-9 dimuat turun pada 20 April 2012 daripada <http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2004). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Zaharah Nik Yaacob. (2007). *Kajian penerapan nilai murni menerusi pengajaran bermodul*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noor Aainah Ag.Jaafar.(2007). ” Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia dlm. *GSE E-Journal of Education*. E-ISSN: 2289-6880 VOL 1 No 2 2014 dimuat turun pada 20 April 2015 daripada <http://worldconferences.net/ejournals>

Noor Jahan Sultan. (2013). Let's rhyme module. *internatinal Conference on Early Childhood Education (iCON 2013)*. 9-11 September 2013. Besut :IPG Kampus Sultan Mizan.

Noor Miza Abdul Rahman. (2015). *Pembinaan modul berdasarkan pendekatan projek untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi murid tadika*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Noor Rohana Mansor. (2007). *Aras Kognitif Soalan*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.

- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Norazah Mohd. Nordin.(2010). Reka bentuk instruksi dalam Mohamed amin Embi (pynt). *Panduan amalan pengajaran dan pembelajaran berkesan*. hlmn.133-150: Pusat Pembangunan Akademik.
- Noresah Baharrom. (2000) *Kamus Dewan*. Ed 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Wahida Yazid. (2011). *Pembinaan dan pengujian modul aktiviti pengayaan berdasarkan kepelbagaian kecerdasan dan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar Maktab Rendah sains Mara*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- R.Manogar. (2002). *Keberkesanan Penggunaan Modul Pengajaran Penambahan Pecahan dalam Matematik di kalangan pelajar tingkatan dua*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Rājīhī ‘abduh. (1988). *al-ṭaqbīq al-nahwī*. Bīrūt: Dār al-nahdāt al-‘arabīyat.
- Rājīhī ‘abduh. (1988). *al-ṭaqbīq al-ṣarfīy*. Bīrūt: Dār al-nahdāt al-‘arabīyat.
- Raminah Haji Sabran. (1991). *Penilaian Dan Pengujian Bahasa Malaysia Penerapannya Pada Peringkat Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Haji Salleh. (1995). *Sintaksis Bahasa Melayu, Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ranjit Kumar. (1995). *Research Methodology A step-By-Step Guide For Beginners*. Australia: Pearson Education Australia.
- Roshidah Hassan. (1998). *Analisis kontrastif kata gantinama antara bahasa Melayu dan bahasa Perancis*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Rosni Samah.(2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah.(2009). *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

- Rosniza Rahmat. (1998). *Penghasilan dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri (MPK) bagi Klinik Bahasa Inggeris.* Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Russel,J.D. (1974). *Modular instruction: A guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular materials.* New York : Publishing Company.
- SAYGH ‘abd al-Rādīy.(2003). *Tabsīt al-nahw li al-mubtadi ’īn. ‘ammān: Gharās li-nasyr wa al-tawzī‘.*
- Saini@Saini Andamit@Ag.Damit (2009). *Penyediaan dan Penilaian Modul Asas Bahasa Arab untuk pelajar Universiti.* Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1981). Pengenalan pengajaran individu dengan tumpuan khas kepada modul pengajaran dan modul pembelajaran. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 3(1):54-62. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan modul bagaimana membina modul latihan dan modul akademik.* Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Aishah Ashaari. (2005) *Kata Adjektif Bahasa Melayu dan Bahasa Arab: Satu Analisis Kontrastif.* Laporan penyelidikan yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Bahiyah Bakhtiar. (2000). *Designing a reading and writing module for form 1 students.* Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan . Universiti Malaya : Kuala Lumpur.
- Soh Bee Kwee (1996). *Frasa Nama Bahasa Melayu dan Bahasa Mandarin: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sulaiman Masri, Ahmad Khair Mohd Nor. (2006). *Tatabahasa Melayu Mesra Pengguna.* (Ed Baru). Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Syed Arabi Idid. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- TA‘IMAT ’ahmad Rusydī. (1986). *al-Marja‘ fī ta‘līm al-lughat al-‘arabīyat li al-nātiqīna bi lughat ‘ukhrā.* Riyād: Jāmi‘at ’umm al- Qurā.

Ta‘īmat ’ahmad Rusydī. (1989). *Ta‘līm al- ‘arabīyat li ghayr nātiqīna bihā*. Ribāṭ: ‘arabīy al- Hilal.

Ta‘īmat ’ahmad Rusydī. (2004) *al-Mahārat al-lughawīyat mustawīyātihā tadrīsihā šu‘ūbatihā*. al-Qāhirat: Dār al-fikr.

Teo Ai Min. (2003). *Penggunaan Preposisi Bahasa Cina di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Johor Bahru: Universiti Teknologi Mara.

Veveika Sinthamani. (2003) *Penghasilan dan Penilaian Modul Pembelajaran Perindustrian di Asia Tenggara untuk Geografi Tingkatan Dua*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur :Universiti Malaya.

Walter Dich,Lou Carey, James O. Carey. (2005). *The Systematic design of instruction*. 6th ed. Boston: Pearson.

Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd.Rahman,Arnida A.Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily. (2007). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Wan Moharani Mohammad & Muhammmad Marwan Ismail. (2008). *Kajian Bandingan Ayat Namaan Bahasa Arab- Bahasa Melayu*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Wan Moharani Mohammad. (2003). *Subjek dan predikat: Satu kajian bandingan antara ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu*. Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

William Wiersma, Stepehen, G.Jurs (2009). *Research Methods in Education: an Introduction*. 9th Edition. Boston, USA: Pearson.

Yahya Hussin. *Pendekatan dan Pemilihan Bahan Pengajaran Bahasa*. Petaling Jaya: Design.

Zaeda Zakaria. (2000). *Penghasilan Bahan Pengajaran Penghafalan al-Quran*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Zahari Hamidon. (2000). *Modul Penghasilan Bahan Pengajaran Multimedia Untuk Guru Pelatih Kursus Diploma Pendidikan Khas di MPTKL*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zainol Abidin Ahmad. (2003). *Kemahiran menulis bahasa arab di kalangan pelajar Melayu: Satu Kajian Kes: Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zainul Rijal Abd.Razak, Rosni Samah. (2007). *Kesan Bahasa Arab Dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Zulkifli Junoh. (2000). *Jumlat 'ismiyat dan jumlat fi līyat: Satu kajian kes terhadap bahasa Arab pelajar tingkatan empat dan lima Sek.Men.Keb.Agama di Kelantan*. Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.